

PANDANGAN KELAS MENENGAH  
TENTANG ISU-ISU POLITIK, EKONOMI DAN  
SOSIAL - KAJIAN KES DI KOTA BHARU - KELANTAN

OLEH:

MUHAMMAD BIN AB. MUTTALIB

NO. MATRIK: 50794

LATIHAN ILMIAH  
BAGI MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA  
SYARAT-SYARAT UNTUK  
IJAZAH SARJANA MUDA SASTERA

JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR

SESI 1988/89

## PENGHARGAAN

Pertama-tama diucapkan syukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan limpah kurniaNya dapatlah saya menyiapkan latihan ilmiah ini.

Kedua, ucapan ribuan terima kasih kepada penyelia saya, Dr. Mohd. Noor Nawawi kerana tunjukajar yang tidak ternilai.

Kepada ayah, ibu dan seluruh ahli keluarga yang bertungkus lumus membantu sama ada dari segi material dan moral. Jasa kalian hanya Allah sahaja yang layak membalasnya.

Buat teman-teman yang terlibat secara langsung dan tidak langsung. Akan ku kenang budimu sampai akhir hayat.

Wassalam.

Muhammad bin Ab. Muttalib  
Jabatan Antropologi dan Sosiologi  
Universiti Malaya  
Kuala Lumpur  
1988/1989

No. Matrik: 50794

## SINOPSIS

Latihan Ilmiah ini adalah bertujuan untuk melihat pandangan golongan kelas menengah berhubung dengan isu-isu politik, ekonomi dan sosial. Pandangan mereka perlu dikaji memandangkan golongan ini memainkan peranan penting dalam negara yang sedang membangun seperti Malaysia.

Secara keseluruhannya, latihan ilmiah ini mengandungi enam bab. Bab I menerangkan objektif kajian, metode-metode yang digunakan semasa kajian dan latarbelakang kawasan kajian iaitu di Kota Bharu, Kelantan. Bab ini juga memperkatakan masalah yang dihadapi oleh pengkaji semasa kajian luar dijalankan.

Bab II membincangkan konsep dan teori kelas menengah sebagai asas untuk membezakan dengan kelas-kelas lain dalam masyarakat dan memahami fenomena kelas menengah secara umum. Dalam bab yang sama, pengkaji telah mengulas beberapa buah buku yang ditulis oleh sarjana-sarjana barat dan tempatan. Buku-buku yang ditulis ini dikategorikan sebagai hasil kajian tentang kelas menengah.

Bab III pula membincangkan sikap dan pandangan kelas menengah berhubung dengan isu-isu politik. Pengkaji terlebih dahulu menganalisis angkubah-angkubah yang mempengaruhi pandangan mereka. Isu-isu politik yang dikaji dibahagikan kepada tiga kategori, iaitu yang bersifat tempatan, kenegerian dan nasional. Huraian juga dibuat untuk melihat tahap penyertaan dan penglibatan

mereka dalam aktiviti politik kepartian.

Dalam Bab IV pengkaji telah memberi tumpuan khusus kepada Dasar Ekonomi Baru. Pengkaji merasakan DEB wajar diberi perhatian kerana matlamat-matlamat murninya belum tercapai sedangkan tempoh DEB akan tamat pada tahun 1990. Oleh itu dalam bab ini, golongan kelas menengah diminta mengemukakan pandangan mereka tentang perencanaan, pelaksanaan dan kesannya terhadap masyarakat di Malaysia amnya.

Bab V meninjau pandangan kelas menengah berhubung dengan isu-isu integrasi nasional. Kandungannya meliputi konsep integrasi nasional, kebudayaan dan fenomena-fenomen yang memungkinkan integrasi itu wujud di kalangan golongan kelas menengah. Ia juga mengandungi cadangan-cadangan kelas menengah untuk mewujudkan integrasi nasional di kalangan masyarakat Malaysia.

Bab yang terakhir merupakan bab penutup. Dalam bab ini pengkaji telah membuat rumusan dan kesimpulan tentang pandangan golongan kelas menengah berhubung dengan isu-isu politik, ekonomi dan sosial.

## KANDUNGAN

	<u>Muka Surat</u>
PENGHARGAAN	i
SINOPSIS	ii
KANDUNGAN	iv
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI SINGKATAN	xi
BAB I : PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Objektif Kajian	1
1.3 Bidang Kajian	4
1.4 Metodologi Kajian	4
1.4.1 Kaedah Temuduga dan Soalselidik	5
1.4.2 Penyelidikan Perpustakaan	8
1.4.3 Penyertaan-Pemerhatian	8
1.5 Pembentukan Soalselidik Semasa Temuduga	8
1.6 Lokasi Tumpuan Kajian	9
1.7 Pemilihan Responden	12
1.8 Masalah Dalam Penyelidikan	13
1.9 Kesimpulan	15
BAB II : TEORI KELAS MENENGAH	16
2.1 Pengenalan	16
2.2 Beberapa Alasan Mengenai Kekurangan Kajian Tentang Kelas Menengah	17

	<u>Muka Surat</u>
2.3 Konsep Kelas Menengah	19
2.4 Tulisan-Tulisan Tentang Kelas dan Kelas Menengah	24
2.4.1 Teori-Teori Klasik Mengenai Kelas dan Kelas Menengah	24
2.4.1.1 Karl Marx	24
2.4.1.2 Max Weber	27
2.4.2 Teori Kelas Menengah Oleh Sarjana-Sarjana Barat Masa Kini	31
2.4.2.1 John Raynor	31
2.4.2.2 C.W. Mills	34
2.4.3 Tulisan-Tulisan Kelas Menengah Oleh Penulis Tempatan	40
2.4.3.1 Nordin Selat	40
2.4.3.2 Muhammad Fauzi Yaacob	42
2.4.3.3 Oliver Popenoe	43
2.4.3.4 Marvin Puthuchearry	44
2.5 Kesimpulan	45
<b>BAB III: SIKAP DAN PANDANGAN KELAS MENENGAH TERHADAP POLITIK KEPARTIAN</b>	<b>46</b>
3.1 Pengenalan	46
3.2 Angkubah-Angkubah Yang Mempengaruhi Pandangan Politik	47
3.2.1 Pendidikan	47
3.2.2 Media Massa	49
3.3 Sikap Terhadap Politik	52

	<u>Muka Surat</u>
3.3.1 Minat Terhadap Politik	53
3.3.2 Motif Penyertaan Politik	57
3.4 Pandangan Terhadap Politik	59
3.4.1 Pandangan Umum Terhadap Parti Politik	59
3.4.2 Pandangan Terhadap Dasar Perjuangan Parti UMNO, MCA dan GERAKAN	59
3.5 Pandangan Terhadap Isu-Isu Politik	67
3.5.1 Isu Di Peringkat Kebangsaan	68
3.5.2 Isu Di Peringkat Kenegerian	77
3.5.3 Isu Di Peringkat Tempatan	79
3.6 Kesimpulan	80
 BAB IV : PANDANGAN EKONOMI GOLONGAN KELAS MENENGAH - TUMPUAN KEPADA DASAR EKONOMI BARU	 82
4.1 Pengenalan	82
4.2 Tahap-Tahap Pembangunan Di Malaysia	83
4.3 Sejarah Kelahiran Dasar Ekonomi Baru	85
4.4 Harapan Dasar Ekonomi Baru	87
4.5 Pandangan Responden Terhadap Pencapaian Matlamat Dasar Ekonomi Baru	88
4.5.1 Matlamat Ekonomi	88
4.5.2 Perpaduan Kebangsaan	91
4.6 Dasar Ekonomi Baru Implikasinya Ke Atas Perubahan Bentuk Masyarakat Melayu	93

	<u>Muka Surat</u>
4.6.1 Di Bandar	93
4.6.2 Di Luar Bandar	95
4.6.3 Kelahiran Kelas Baru	98
4.7 Dasar Ekonomi Baru Dari Perspektif Islam	100
4.8 Penerimaan Masyarakat Terhadap Dasar Ekonomi Baru	102
4.9 Kesimpulan	105
 BAB V : PANDANGAN KELAS MENENGAH TENTANG INTEGRASI NASIONAL	 109
5.1 Pengenalan	109
5.2 Pengertian Integrasi Nasional	110
5.3 Analisis Pola-Pola Ke Arah Integrasi	114
5.3.1 Tempat Penginapan	115
5.3.2 Tempat Kerja	117
5.3.3 Hubungan Persahabatan	119
5.3.4 Kefahaman Terhadap Agama	112
5.4 Cara Integrasi Nasional Dicapai	125
5.4.1 Pendekatan Kebudayaan	126
5.4.2 Pendekatan Pendidikan	129
5.4.3 Pendekatan Agama	133
5.4.4 Lain-Lain Pendekatan	135
5.5 Kesimpulan	137
 BAB VI : KESIMPULAN	 140
 BIBLIOGRAFI	

## SENARAI JADUAL

	<u>Muka Surat</u>
Jadual 1.1 : Jumlah Penduduk Melayu, Cina dan India Semenanjung Malaysia 1990	10
Jadual 1.2 : Jumlah Penduduk Negeri Kelantan Mengikut Keturunan dan Jantina	11
Jadual 1.3 : Penduduk Kota Bharu Mengikut Jantina	11
Jadual 2.1 : Secara Am, Anda Rasa Anda Tergolong Dalam Kategori Masyarakat Yang Mana	18
Jadual 3.1 : Dari Mana Dapat Maklumat Tentang Parti	50
Jadual 3.2 : Adakah Anda Berminat Dalam Politik	53
Jadual 3.3 : Bilangan Ahli Dalam Parti-Parti Politik	54
Jadual 3.4 : Peranan Responden Dalam Pertubuhan Politik	55
Jadual 3.5 : Apakah Tujuan Anda Serta Politik	57
Jadual 3.6 : Kenapakah Parti Lain Tidak Sesuai Dengan Pandangan Anda	62
Jadual 3.7 : Kenapakah Anda Rasa Parti Yang Anda Sokong Itu Patut Dipilih	64
Jadual 3.8 : Pada Pendapat Anda Adakah UMNO Itu Memperjuangkan Kepentingan Orang Melayu	65
Jadual 3.9 : Adakah Parti MCA atau GERAKAN Memperjuangkan Kepentingan Orang Cina	66
Jadual 3.10 : Apakah Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam Boleh Diterima	69

Jadual 3.11	:	Pada Pendapat Anda Adakah Kerajaan Bersungguh-Sungguh Melaksanakan Polisi Penerapan Nilai-Nilai Islam	72
Jadual 3.12	:	Adakah Dasar Bersih, Cekap dan Amanah Berkesan Dalam Amalan Harian Pentadbiran Kerajaan	74
Jadual 3.13	:	Dari Segi Amalan, Adakah Dasar Kepimpinan Melalui Teladan Mendapat Respon Yang Baik Di Kalangan Ahli-Ahli Politik, Pentadbir dan Kakitangan Awam Kerajaan	76
Jadual 3.14	:	Adakah Anda Setuju Dengan Isu Kafir-Mengkafir	78
Jadual 4.1	:	Pada Pandangan Anda Apakah DEB Boleh Memperbaiki Keadaan Ekonomi Orang Melayu	89
Jadual 4.2	:	Bolehkah Bumiputera Menguasai 30% Daripada Kegiatan Ekonomi Di Malaysia Menjelang Tahun 1990	90
Jadual 4.3	:	Pada Pandangan Anda Apakah DEB Boleh Memperbaiki Perpaduan Nasional	92
Jadual 4.4	:	Adakah DEB Memberi Kesan Ke Atas Perubahan Bentuk Masyarakat Melayu Di Bandar	94
Jadual 4.5	:	Adakah DEB Memberi Kesan Ke Atas Perubahan Bentuk Masyarakat Melayu Di Luar Bandar	96
Jadual 4.6	:	Adakah Benar Dakwaan Dari Setengah Kalangan Masyarakat DEB Berjaya Melahirkan Orang Kaya Baru Dalam Satu Kelompok Masyarakat Melayu	99
Jadual 4.7	:	Adakah DEB Boleh Dijustifikasikan Dari Perspektif Islam	101

Jadual 4.8	:	Adakah DEB Itu Diterima Dengan Perasaan Terbuka Oleh Semua Rakyat Malaysia	103
Jadual 4.9	:	Dasar Ekonomi Dapat Memperkecilkan Jurang Perbezaan Ekonomi Antara Kaum	106
Jadual 4.10	:	Adakah Anda Setuju DEB Menyebabkan Jurang Pendapatan Di Antara Golongan Kaya dan Miskin Bertambah Besar	106
Jadual 5.1	:	Adakah Interaksi Berlaku Di Tempat Tinggal Dengan Kaum Lain	115
Jadual 5.2	:	Adakah Interaksi Berlaku Di Tempat Penginapan	116
Jadual 5.3	:	Jumlah Bangsa Lain Di Tempat Anda Bekerja	117
Jadual 5.4	:	Adakah Interaksi Berlaku Di Tempat Kerja	119
Jadual 5.5	:	Perhubungan Persahabatan Anda	120
Jadual 5.6	:	Asas Persahabatan Anda	122
Jadual 5.7	:	Adakah Anda Memahami Serba Sedikit Tentang Agama Islam Yang Tulin Di Negara Ini	123
Jadual 5.8	:	Adakah Anda Memperolehi Maklumat Yang Cukup Mengenai Islam Di Negara Ini	124
Jadual 5.9	:	Polarisasi Kaum	128
Jadual 5.10	:	Adakah Anda Optimis Perpaduan Negara Boleh Dicapai	138

## SENARAI SINGKATAN

- ABIM - Angkatan Belia Islam Malaysia
- BMF - Bumiputera Malaysia Finance
- BN - Barisan Nasional
- DEB - Dasar Ekonomi Baru
- DAP - Democratic Action Party
- MCA - Malaysian Chinese Association
- MIC - Malaysian Indian Congress
- PAS - Parti Islam Se-Malaysia
- PERKIM - Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia
- UMNO - United Malaysian National Organisation
- WAMY - World Associations Muslim Youth
- YADIM - Yayasan Dakwah Islam Malaysia
- OLC - Organisation Islamic Congress

## BAB I

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Dalam bab ini, pengkaji akan menghuraikan beberapa aturcara penting dalam kajian yang dijalankan. Huraian ini akan ditumpukan kepada motif kajian, metodologi, kawasan kajian dan cara pemilihan responden. Rekabentuk kajian ini diharapkan dapat meningkatkan kualiti kajian dan ianya menjadi garis panduan semasa mengukur dan menganalisa pandangan golongan kelas menengah, khususnya di Kota Bharu.

#### 1.2 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan melihat pandangan golongan kelas menengah di Kota Bharu tentang pelbagai aspek yang berkaitan dengan hidup dan kehidupan manusia. Tumpuan kajian terhadap golongan ini penting kerana mereka mempunyai pengaruh yang besar ke atas corak hidup masyarakat sama ada secara langsung atau tidak langsung. Pengaruh ini wujud kerana mereka yang menguasai aspek-aspek pentadbiran negara, pertubuhan sosial dan politik serta menjadi tenaga penggerak ekonomi. Daya kepimpinan mereka adalah faktor yang menentukan maju mundurnya jentera pentadbiran sekaligus pembangunan rohani dan jasmani rakyat negeri Kelantan.

Tujuan membuat kajian ini juga bermotifkan kurangnya kajian-kajian yang dilakukan terhadap golongan kelas menengah ini.<sup>1</sup> Akibatnya pengetahuan masyarakat tentang mereka adalah sempit. Pengetahuan yang cetek ini boleh mewujudkan suasana yang tidak harmoni dan prasangka di kalangan masyarakat keseluruhannya. Ini akan menggagalkan usaha kerajaan untuk mewujudkan perpaduan yang jitu di kalangan pelbagai etnik dan kelas. Oleh itu kajian ini diharap dapat mendedahkan kedudukan sebenar golongan kelas menengah berhubung dengan isu-isu ekonomi, politik dan sosial. Di samping itu juga dapat menambahkan lagi koleksi kajian tentangnya.

Memandangkan pelbagai usaha yang dilakukan oleh kerajaan untuk mencorakkan sistem ekonomi, sosial dan politik yang kukuh dan stabil, pengkaji merasakan sangat perlu kajian dilakukan ke atas golongan kelas menengah untuk mengukur sejauhmana mereka memahami dasar-dasar kerajaan dan peta terhadap isu-isu semasa. Kefahaman ini penting kerana mereka juga terlibat dalam merancang dan melaksanakan polisi-polisi tersebut serta menentukan kejayaannya. Demikian juga, ia akan mengukur sejauhmanakah kekekalan antara sikap atau pandangan dengan perlakuan mereka berhubung dengan isu-isu tertentu seperti Interaksi Sosial, Dasar Ekonomi Baru dan Isu-Isu Politik di Malaysia.

---

<sup>1</sup>Ini bukanlah bermakna tiada kajian tentang kelas menengah tetapi sila bandingkan dengan kajian terhadap golongan kelas bawahan ia sangat berkurangan.

Dalam kajian ini, penekanan akan ditumpukan juga kepada angkubah-angkubah yang mempengaruhi sikap dan perlakuan mereka. Ini meliputi latarbelakang keluarga, status diri dalam masyarakat, kedudukan kewangan dan politik. Tujuannya ialah untuk mengetahui adakah mereka juga mempunyai pandangan stereotaip sebagaimana ibubapa mereka terhadap beberapa isu tertentu.

Dalam kajian ini, pengkaji cuba mendapatkan data-data berkaitan dengan jumlah pendapatan, pekerjaan serta tahap pendidikan golongan kelas menengah. Maklumat ini bertujuan untuk melihat bagaimana mereka berjaya menjadi anggota kelas menengah dan mengekalkan statusnya. Adakah kedudukan itu dicapai melalui mobiliti peringkat demi peringkat atau semulajadi. Pendedahan ini penting kerana Kelantan adalah salah satu negeri yang mundur di Malaysia. Kemunduran ini terutamanya dari kaum Melayu, jadi golongan kelas menengah Melayu sangat kurang berbanding dengan kaum lain.

Objektif akhir akhir kajian ini ialah cuba melihat apakah elemen-elemen utama yang dapat mengeratkan hubungan dan interaksi antara individu dengan individu lain dalam konteks serta suasana pembangunan hari ini. Memang terdapat beberapa elemen penting yang perlu dijalankan tetapi sejauhmanakah ianya dapat dilaksanakan bagi mencapai interaksi itu. Apakah anggota kelas menengah mempunyai perbezaan dalam aturcara untuk berhubung dengan anggota masyarakat di persekitarannya.

### 1.3 Bidang Kajian

Bidang kajian ini meliputi anggota kelas menengah yang terdapat di kawasan Majlis Perbandaran Kota Bharu (MPKB) Kelantan. Golongan ini mewakili dua kumpulan etnik yang terbesar di Kelantan iaitu kaum Melayu dan Cina. Mereka ini merangkumi pelbagai bidang pekerjaan seperti perniagaan, pegawai Kelas A, pekerjaan profesional dan guru. Daripada bidang pekerjaan itu penumpuan diberi kepada mereka yang mempunyai tahap pendidikan tinggi iaitu lulusan Universiti. Pemilihan dua kaum ini diharap dapat memberi gambaran yang adil tentang pandangan mereka berhubung dengan isu-isu yang akan dibincangkan nanti.

Kupasan kajian pula meliputi persepsi mereka dalam soal-soal politik ekonomi dan sosial. Dari segi politik misalnya pengkaji akan melihat bagaimana dan sejauhmana aktifnya penyertaan mereka dalam aktiviti politik khususnya yang menyentuh ceramah, perbincangan dan aktiviti lain. Di sini juga akan dianalisa apakah pembolehubah-pembolehubah yang mempengaruhi hal-hal sedemikian. Akibat dari penyertaan tersebut akan timbul kesan ke atas silap mereka dan ini juga akan diberi penekanan yang khusus.

### 1.4 Metodologi Kajian

Dalam bidang ilmu sains sosial terdapat dua tahap kaedah iaitu kaedah dalam ertikata yang luas dan tinggi. Kaedah ini adalah cara atau langkah yang digunakan bagi menganggap sesuatu persoalan terutama persoalan yang berhubung dengan

konseptual dan teoritis. Pada tahap ini pengkaji telah cuba menakrifkan konsep golongan menengah melalui kajian terhadap tulisan ahli-ahli teori sebelumnya. Ia juga untuk menakrif beberapa konsep yang terdapat dalam soalselidik seperti konsep pembangunan sepadu. Ini bertujuan memberi kefahaman yang mendalam kepada responden sebelum mereka menjawab soalan yang diajukan.

Kaedah kedua ialah pada tahap rendah dan khusus. Ia bermaksud sebagai tugas mengumpul data-data dalam penelitian sesuatu masalah tertentu. Di tahap ini pengkaji telah mengumpul data dengan menggunakan soalselidik yang telah disediakan. Responden diarah menjawab soalan di depan pengkaji. Data-data itu juga diambil daripada pelbagai laporan dan kajian sebelumnya terutama data-data mengenai kependudukan.<sup>2</sup>

Secara praktikalnya, terdapat tiga metode utama yang digunakan untuk memungut data. Metode itu seperti mana diuraikan di bawah.

#### 1.4.1 Kaedah Temuduga dan Soalselidik<sup>3</sup>

Melalui kaedah ini pengkaji terlebih dahulu membuat temujanji dengan responden. Ini untuk memastikan hari dan tempat

---

<sup>2</sup>Prof. Madya Dr. Zainal Kling, Metodologi Dalam Penyelidikan Sains Sosial, Seminar Ijazah Tertinggi Ke 3, 1986, m.s. 1. Sila lihat juga Kenneth D. Bailey terjemahan Hashim Awang, Kaedah Penyelidikan Sosial, DBP, 1984, m.s. 46-48. Ahmad Mahdzan Ayob, Kaedah Penyelidikan Sosio-Ekonomi - Satu Pengenalan, DBP, KL, 1983.

<sup>3</sup>Kaedah soalselidik ini lebih menjimatkan masa seperti kata Black and Champion, "... in any event, the questionnaire remains the most widely use data collection method in social research today primarily because of convenience and economy." Black J.A. and Champion D.J., Methods and Issues in Social Research, New York, 1976, John Wiley and Son, m.s. 399.

yang sesuai untuk menemuduganya. Temujanji ini penting supaya responden tidak diganggu dengan kerja hariannya. Biasanya tempat temuduga tidak terhad di pejabat sahaja malah ia juga dijalankan di rumah responden sendiri. Langkah ini untuk memberi keyakinan kepada responden tentang kepentingan soalselidik dan juga supaya ia dapat menjawab soalan dengan selesa.

Dalam soalselidik yang digunakan terdapat dua jenis soalan yang dikemukakan kepada responden. Soalan tersebut ialah dalam bentuk 'structural' (tertutup)<sup>4</sup> dan un-structural (terbuka).<sup>5</sup> Melalui soalan 'structural' atau tertutup pengkaji telah menggunakan sepenuhnya soalan-soalan dalam borang soalselidik yang disediakan. Ia dapat dikategorikan kepada dua bentuk iaitu:

- (i) Soalan yang mempunyai dua pilihan jawapan iaitu 'Ya' atau 'Tidak' dan responden dikehendaki menjawab hanya satu jawapan sahaja.
- (ii) Soalan aneka pilihan iaitu soalan yang menyediakan beberapa jawapan yang sesuai untuk responden.  
Di mana dalam soalselidik yang dikemukakan oleh pengkaji ini terdapat lima pilihan jawapan dan

---

<sup>4</sup> Soalan close-ended ialah soalan di mana "The possible responds are contained in the questions so that the responden merely has to select the category which come closest to his position." Leon Festiger and Daniel Kantz, Research Methods in Behavioral Sciences, New York: Holt, Rinehart and Winston, 1953, m.s. 35.

<sup>5</sup> Soalan open-ended pula ialah "in which the topic given is structured for the responden but he is given the task of answering in his own words, structuring answers as he sees fit and speak at whichever length. Leon Festiger and Daniel Kantz, ibid.

responden akan memilih yang terbaik atau ikut turutan terbaik.

Melalui soalselidik jenis ini, pengkaji mendapati paling sesuai untuk mengukur dan membandingkan jawapan antara responden. Jawapannya mudah dikod dan dianalisa kerana ia hanya memerlukan satu jawapan sahaja. Oleh kerana pengkaji yang menanyakan soalan-soalan itu semasa temuduga maka dapatlah responden memahami dengan lebih jelas maksud soalan itu.

Di samping soalan jenis tertutup soalselidik ini juga mengandungi soalan jenis un-structural iaitu soalan terbuka. Biasanya persoalan yang dikemukakan ialah yang memerlukan pandangan, sikap dan kenyataan yang berhubung dengan nilai, jumlah pendapatan, ahli keluarga dan lain-lain. Di sini responden tidak terikat dengan jawapan yang telah disediakan. Bentuk soalan ini dapat membantu pengkaji memperolehi maklumat tambahan. Hal ini disebabkan jawapan responden adalah berdasarkan pengalaman dan dijawab secara spontan tanpa kawalan. Akan tetapi jenis soalan ini mempunyai beberapa kelemahan, misalnya jawapan sukar diproses dan dianalisa untuk dibuat perbandingan.

Gabungan soalan jenis tertutup dan terbuka menjadikan kaedah temuduga lebih bermutu dalam mengumpulkan maklumat dari responden berbanding dengan kaedah-kaedah lain. Kaedah temuduga juga mudah disesuaikan dengan sesuatu keadaan di mana pengkaji dapat menukar cara menyoal mengikut reaksi responden. Temuduga yang dijalankan melibatkan masa 2 - 3 hari kerana responden

terlebih dahulu diberi penerangan tentang tujuan kajian dan juga maksud soalan yang tidak difahaminya.

#### 1.4.2 Penyelidikan Perpustakaan

Bagi melengkapkan dan menyesuaikan maklumat yang diperolehi melalui soalselidik dan kaedah temuduga di atas, pengkaji juga telah menggunakan penyelidikan secara 'secondary' atau penyelidikan perpustakaan.

Penyelidikan ini untuk mendapatkan maklumat berkaitan dengan golongan menengah. Rujukan dibuat terhadap majalah, buku, risalah dan kertaskerja sebelum ini. Ia tertumpu kepada data-data dan konsep-konsep tertentu.

#### 1.4.3 Penyertaan Pemerhatian<sup>6</sup>

Kaedah ini jarang digunakan oleh pengkaji. Ia hanya sesuai untuk melihat gerak geri para responden dalam situasi tertentu sahaja. Misalnya untuk melihat sikap responden terhadap kenyataan yang telah dibuat dalam borang soalselidik. Biasanya pengkaji hanya dapat memerhati responden yang tempat tinggalnya hampir dengan pengkaji sahaja.

#### 1.5 Pembentukan Soalselidik Semasa Temuduga

Bagi mengelak rasa curiga dan jemu di kalangan responden semasa temuduga, pengkaji telah merangka beberapa cara untuk

---

<sup>6</sup> Hashim Awang, op. cit., m.s. 390.

mengemukakan soalan. Cara ini juga dapat memerangkap para responden supaya memberi maklumat yang dianggap sensitif.

Di antara caranya ialah:

- (i) Bagi menarik minat responden supaya menjawab soalan-soalan seterusnya, pengkaji telah mendahulukan soalan yang mudah dan senang dijawab. Biasanya soalan yang hanya memerlukan jawapan 'ya' atau 'tidak' dan ia tidak mempunyai maksud berlapis.
- (ii) Soalan-soalan yang dibentuk pendek dan ringkas. Ini membolehkan responden memberi jawapan dengan tepat dan tidak memerlukan masa yang panjang.
- (iii) Bentuk soalan yang menyentuh hal-hal peribadi diletak di bahagian akhir. Ini untuk mengelakkan rasa curiga atau menghentikan temuramah yang sedang dijalankan kerana biasanya corak soalan yang sedemikian adalah sangat sensitif kepada responden.

#### 1.6 Lokasi Tumpuan Kajian

Bagi melihat pandangan golongan kelas menengah, pengkaji telah menjalankan kajian di negeri Kelantan. Tumpuan kajian difokuskan kawasan Majlis Pemandaran Kota Bharu (MPKB). Secara umumnya Kelantan mempunyai jumlah penduduk seramai 858,191 orang yang merangkumi pelbagai etnik. Berbanding dengan negeri lain

di Semenanjung Malaysia, negeri Kelantan menduduki tempat ketujuh dari segi jumlah penduduknya.

Jadual 1.1: Jumlah Penduduk Melayu, Cina dan India Semenanjung Malaysia 1980

Negeri	Melayu	Cina	India	Jumlah
Perak	788,874	709,573	241,175	1,739,622
Johor	877,118	598,032	102,893	1,578,043
Selangor	647,018	523,657	248,343	1,419,018
Kedah	780,830	198,955	81,350	1,061,132
W. Persekutuan	305,435	477,601	127,793	910,829
P. Pinang	303,176	485,161	102,583	890,920
Kelantan	798,761	44,967	6,122	849,850
Pahang	519,366	197,219	50,541	767,126
N. Sembilan	259,617	197,311	92,792	549,720
Melaka	240,865	169,469	33,269	443,603
Perlis	115,062	22,272	3,497	140,831

Sumber: Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 1980,  
Jabatan Perangkaan Malaysia, Kuala Lumpur, 1984

Bagi kawasan Majlis Perbandaran Kota Bharu yang menjadi lokasi tumpuan kajian, jumlah penduduknya adalah seramai 215,019 orang. Kawasan ini mempunyai keluasan 409 km persegi dan mengandungi 14 daerah. Oleh itu jumlah penduduk MPKB merupakan 25.1% daripada jumlah keseluruhan penduduk negeri Kelantan.

Jadual 1.2: Jumlah Penduduk Negeri Kelantan  
Mengikut Keturunan dan Jantina 1980

Bangsa	Lelaki	Perempuan	Jumlah
Melayu	388,362	410,399	798,761
Cina	23,748	21,219	44,967
India	3,479	2,643	6,122
Lain-Lain	4,179	4,162	8,341
JUMLAH	419,768	438,423	858,191

Sumber: Banci Penduduk dan Perumahan Negeri Kelantan 1980,  
Jabatan Perangkaan Malaysia, Kuala Lumpur

Jadual 1.3: Penduduk Kota Bharu

Bangsa	Lelaki	Perempuan	Jumlah
Melayu	92,192	96,633	188,825
Cina	11,694	10,857	22,557
India	1,602	844	2,446
Lain-Lain	599	598	1,197
JUMLAH	106,087	108,932	215,019

Sumber: Banci Penduduk dan Perumahan Negeri Kelantan 1980,  
Jabatan Perangkaan Malaysia, Kuala Lumpur

Jumlah penduduk yang tinggi di kawasan Majlis Perbandaran Kota Bharu ini, menggambarkan ia menjadi tumpuan bagi keseluruhan penduduk negeri Kelantan. Di kawasan inilah terletak pusat bandar, segala kegiatan termasuk pentadbiran, perniagaan dan

perindustrian tertumpu di sini. Kemudahan seperti kesihatan, pelajaran, hiburan dan perumahan juga sudah sedia ada menjadi daya tarikan kepada semua peringkat golongan untuk hidup di sini. Mereka berharap perubahan corak hidup yang lebih baik apabila berada di sini.

Oleh itu, pemilihan kawasan ini adalah sangat tepat kerana golongan menengah mudah ditemui walaupun mereka tidak mahu mengidentifikasikan dirinya. Berdasarkan Peta 1, kebanyakan golongan tinggal di zon pusat iaitu kawasan yang menyediakan pelbagai kemudahan sosial, ekonomi dan politik.

Penumpuan penduduk di Kota Bharu memudahkan pengkaji membuat perbandingan pandangan di kalangan pelbagai etnik kerana di sinilah mereka tinggal dan dalam jumlah yang ramai berbanding dengan daerah lain. Peta 2 menunjukkan kepadatan penduduk di Kota Bharu berbanding dengan kepadatan penduduk di daerah lain.

#### 1.7 Pemilihan Responden

Bagi mengkaji pandangan golongan kelas menengah, pengkaji telah memilih 30 orang responden. Pemilihan dan jumlah ini diharap dapat memberi gambaran tentang pelbagai isu dan faktor yang berkaitan dengan kehidupan mereka. Bagi memilih responden pengkaji telah melakukan berbagai cara:

- (i) Bagi responden golongan menengah seperti peniaga dan golongan profesional yang mempunyai pertubuhan mereka dipilih dari daftar nama yang ada dalam

pertubuhan itu. Selepas itu pengkaji akan menghubungi mereka sama ada bersedia bekerjasama atau tidak untuk disoalselidik.

- (ii) Bagi responden yang tidak menjadi ahli mana-mana pertubuhan pekerjaan, mereka dihubungi terus di tempat kerja iaitu pengkaji terpaksa mencari mereka. Contohnya pekerja profesional di kilang dan peniaga persendirian.
- (iii) Kemudiannya pemilihan responden di atas dilakukan secara awalan iaitu biasanya pengkaji tidak mengenali siapa responden itu.

#### 1.8 Masalah Dalam Penyelidikan

Semasa menjalankan kajian ini, pengkaji telah menghadapi pelbagai masalah sebagaimana juga pengkaji-pengkaji lain.<sup>7</sup> Ada kalanya masalah ini berpanjangan dan tidak dapat diselesaikan. Cabaran ini terpaksa dihadapi dengan tabah. Masalah-masalah tersebut ialah:

1. Kesukaran untuk mengenali anggota masyarakat yang boleh diklasifikasikan sebagai golongan kelas menengah. Kesukaran ini disebabkan mereka tidak mahu mengidentifikasikan dirinya sebagai kelas menengah.

---

<sup>7</sup> Lihat Wan Hashim, Ting Chew Peh dan Shamsul Amri Baharuddin, Kaedah Penyelidikan Sosial - Suatu Rampaian Esei Masalah Kajian Luar, DBP, 1980.

2. Kesukaran untuk mendapatkan responden yang sanggup untuk ditemuduga. Mereka yang layak tidak mahu melibatkan diri dengan alasan sibuk dengan tugas, bimbang maklumat yang diberikan boleh menjejaskan profesion pekerjaannya dan berbagai-bagai lagi alasan.
3. Kesukaran untuk mendapatkan responden dari kaum Cina. Masalah ini wujud kerana halangan komunikasi dan tempat yang sukar dihubungi.
4. Penggunaan masa yang panjang untuk melengkapkan soalselidik. Masalah ini wujud kerana pengkaji terpaksa mengambil masa untuk membaca kesemua soalan dan jawapan yang terkandung dalam borang soalselidik. Kadangkala terpaksa diulang beberapa kali supaya responden faham dan dapat memberi jawapan seperti mana yang dikehendaki. Masalah masa ini juga timbul kerana temubual terpaksa dihentikan kerana gangguan-gangguan yang tidak dirambang atau spontan seperti kedatangan rakan sepejabat atau lain-lain urusan. Faktor ini mengakibatkan jawapan responden berbeza-beza atau terputus-putus tanpa kaitan.
5. Masalah semasa menganalisa jawapan. Masalah ini wujud terutamanya soalan-soalan yang memerlukan jawapan yang subjektif, jadi rumusan atau kesimpulan

jawapan yang dibuat tidak menggambarkan pemikiran tiap-tiap responden. Jawapan yang diberikan oleh responden pula kadangkala diragui, sama ada maklumat yang diberikan itu maklumat sebenar atau tidak.

### 1.9 Kesimpulan

Dalam kajian tentang pandangan golongan kelas menengah berhubung dengan isu ekonomi, politik dan sosial, pengkaji cuba sedaya upaya untuk mencapai objektif kajian dengan menggunakan metode-metode yang lazim digunakan dalam penyelidikan sains sosial. Halangan-halangan semasa kajian terpaksa dihadapi dengan teliti dan tabah supaya matlamat kajian akan dicapai.

## BAB II

### TEORI KELAS MENENGAH

#### 2.1 Pengenalan

Istilah kelas menengah kerap kali kita temui apabila membaca akhbar, menatap karya kreatif atau menyingkap berbagai laporan penyelidikan. Sekalipun istilah ini disebut-sebut dalam perbualan atau digunakan oleh ahli-ahli politik bila berpidato, kelas menengah adalah fenomena sosial. Fenomena ini bukan hanya wujud di Malaysia bahkan di merata dunia. Kesejagatan fenomena ini amat dirasakan dan sungguh ketara tetapi di sebalik semua ini tersembunyi serangkaian teka-teki mengenai kelas menengah yang masih belum terjawab. Kalau pun ada, masih tidak memuaskan. Pertama siapakah sebenarnya yang menganggotai kelas menengah? Kedua apakah kelas menengah itu dari segi dalaman dicirikan oleh keancaman atau keseragaman? Ketiga di manakah bermula dan berakhirnya garis pemisah antara kelas menengah dengan kelas sosial lain?<sup>1</sup>

Ternyata persoalan-persoalan di atas sukar diselesaikan. Ini secara tidak langsung menyebabkan tulisan-tulisan mengenainya amat sedikit sekali berbanding dengan kajian-kajian lain. Ia juga menyebabkan pendefinisikan golongan kelas menengah mengikut selera masing-masing pengkaji. Akibatnya wujud pelbagai masalah

---

<sup>1</sup>Dr. Shamsul Amri Baharuddin, "Adakah Anda Anggota Kelas Menengah?" Dewan Masyarakat, September 1988, m.s. 4.

bilamana kajian ke atas golongan menengah hendak dijalankan. Dalam bab ini pengkaji cuba menganalisa beberapa masalah berkaitan dengan kajian kelas menengah, perbincangan mengenai konsep dan tulisan-tulisan mengenai kelas menengah.

## 2.2 Beberapa Alasan Mengenai Kekurangan Kajian Tentang Kelas Menengah

Reynor<sup>2</sup> telah memberi beberapa alasan mengapa kekurangan ini berlaku. Pertamanya kerana kurang penekanan oleh Marxisme. Dalam tulisan Karl Marx beliau tidak mengiktiraf kewujudan kelas menengah, bagi pendapat Karl Marx kelas menengah hanya bersifat sementara sahaja atau sebagai medium. Marx berkata kelas ini akan bertukar menjadi kelas bourgeois atau kelas proletariat. Jadi apa yang dipentingkan oleh Karl Marx dalam memperkatakan tentang kelas ialah kelas Bourgeois yang memiliki harta dan kelas proletariat yang merupakan kelas pekerja. Oleh itu tulisannya ini menjadikan kajian tentang kelas menengah pada zaman lampau kurang mendapat perhatian.

Walaupun begitu, teori kelas Karl Marx boleh digunakan dalam memahami teori kelas menengah nanti, sekurang-kurangnya untuk membuat perbandingan antara kelas Bourgeois, menengah dan proletariat.

Kesukaran mengenali anggota kelas menengah merupakan satu lagi masalah yang menyebabkan kurang kajian tentangnya.

---

<sup>2</sup>King R. dan Reynor J., The Middle Class - The Social Structure of Modern Britain, London: Longman Inc., 1981.

Reynor mendapat kesukaran ini disebabkan golongan ini enggan mengidentifikasikan diri mereka sebagai kelas menengah baik dari segi ekonomi, sosial dan politik. Dengan menafikan adanya perbezaan kelas, maka sukar untuk mengenali dan seterusnya membuat kajian tentang mereka. Kesukaran ini terjadi pada Reynor yang menjalankan kajian di Britain. Masalah ini juga timbul semasa pengkaji menjalankan kajian kelas menengah di Kota Bharu. Kebanyakan responden enggan mengidentifikasi dirinya sebagai anggota kelas menengah walaupun pengkaji mendapati mereka boleh digolongkan ke dalam kelas menengah. Lihat Jadual Soalselidik 2.1.

Jadual 2.1: Secara Am Anda Rasa Anda Tergolong  
Dalam Kategori Masyarakat Yang Mana

Jawapan	Bilangan Responden	
	Melayu	Cina
Tidak Mementingkan Kelas	16	9
Kelas Menengah	4	1
Lain-Lain Kelas	0	0
JUMLAH	20	10

Sumber: Soalselidik

Raynor juga berpendapat kekurangan kajian ke atas golongan kelas menengah adalah disebabkan sifat kelas menengah yang dikenali sebagai kelas yang banyak mempunyai kelebihan dan kemudahan berbanding dengan lain-lain kelas sosial. Oleh itu

tumpuan kajian lebih kepada kelas bawahan yang mempunyai banyak masalah. Para sarjana berharap dengan adanya kajian ke atas golongan bawahan ini, akan dapat menyedarkan golongan pemerintah untuk memperbaiki taraf kehidupan mereka.

Mengikut Nordin Selat,<sup>3</sup> konsep kelas menengah adalah suatu konsep yang kabur dan tidak jitu. Kekaburan ini kerana tiap-tiap negeri mempunyai ciri-ciri kelas menengah masing-masing dan terdapat perbezaan yang jelas. Kelas menengah itu adalah heterogenus iaitu berkelompok-kelompok. Ada kelas menengah tentera, kelas menengah profesional, kelas menengah pentadbir dan lain-lain. Akibat dari masalah tersebutlah yang menyebabkan kajian yang menumpukan perhatian khusus terhadap kelas menengah tidak begitu banyak.

### 2.3 Konsep Kelas Menengah

Menurut buku Ensiklopedia Sains<sup>4</sup> Sosial, kelas menengah ialah undang-undang yang digunakan untuk menunjukkan status sosio-ekonomi dan kelas pelajaran. Johnson D.L.,<sup>5</sup> mendefinisikan

---

<sup>3</sup> Nordin Selat, Kelas Menengah Pentadbir Melayu: Satu Kajian Perkembangan Gaya Hidup, Tesis Ph.D., Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1975, m.s. XI telah diterbitkan oleh Utusan Melayu Press.

<sup>4</sup> Encyclopedia of Social Science yang dipetik oleh Goldhorpe dari Journal Sociology, 1978, m.s. 7.

<sup>5</sup> Johnson, D.L., Middle Classes in Dependent Countries, Beverly Hills: Sage Publications, 1985, m.s. 13.

kelas sosial sebagai "groupings of subjects meshed within networks of antagonistic social relations". Manakala

G. Carchendi<sup>6</sup> pula mengatakan kelas sosial ialah:

"A social is thus defined both in terms of property ownership or non-ownership and thus the degree of control over, or subservience to exploitation and the degree of personal freedom its members enjoy."

Namun begitu ahli-ahli sosiologi mempunyai kriteria-kriteria tertentu untuk melihat kelas misalnya Molver, Page dan Ossowski merujuk kepada faktor-faktor seperti "Class Interaction, Class Consciousness and Class Culture."<sup>7</sup>

Oleh itu apabila kita membincangkan tentang kelas ianya akan menyentuh tentang stratifikasi satu-satu golongan manusia sebagai satu bentuk perbezaan sosial yang dicirikan oleh corak perlakuan dan tindak-tanduk serta ciri-ciri ekonomi tertentu. Dengan demikian, para pengkaji telah melihat kelas menengah sebagai kumpulan sosial yang mempunyai ciri-ciri tertentu. Raynor telah mendefinisikan kelas menengah sebagai kumpulan sosial yang mempunyai "... similar attitudes and beliefs, linked to a common style of life, among members of

---

<sup>6</sup>Carchendi G., On the Economic Identification of Social Classes, Institut Door Ekonomishe Sociology, University of Amsterdam London, Routledge and Kegan Paul, 1977, m.s. 30.

<sup>7</sup>S. Gouldner, The Intellectual and the Rise of the New Middle Class, Mac Millan, 1968, m.s. 10.

a class."<sup>8</sup> Di sini ciri-ciri kesamaan telah diberikan tumpuan untuk melihat kelas menengah. Kesamaan ini boleh dilihat melalui jenis pekerjaan dan jumlah pendapatan.

Melalui faktor pekerjaan ini, Terry Mc Gee<sup>9</sup> telah membahagikan golongan kelas menengah ini kepada tiga bahagian utama iaitu:

- (i) Mereka yang terdiri dari kerani tinggi, ketua kerani, penghulu, pembantu makmal, jururawat, guru, polis, peniaga-peniaga besar dan orang yang berharta.
- (ii) Pekerja-pekerja mahir yang meliputi tukang kayu, tukang paip, mekanik dan ahli teknikal.
- (iii) Pekerja-pekerja di peringkat rendah seperti kerani biasa, budak pejabat dan pekedai runcit.

Jika dibandingkan dengan penilaian Raynor ternyata ia mempunyai kelainan dalam melihat golongan kelas menengah, walaupun kedua-duanya mengkategorikan mengikut jenis pekerjaan. Penilaian Raynor berdasarkan kepada enam kategori utama iaitu:

---

<sup>8</sup> King, R. dan Raynor, J., op. cit., m.s. 5. Lihat juga Neaigus, A., Methodology and Ideology in Theories of the New Middle Class, Los Angeles, University of California, 1976.

<sup>9</sup> Dalam Nordin Selat, op. cit., m.s. xiv.

- (i) Kumpulan pekerja profesional seperti akauntan, doktor dan peguam.
- (ii) Pekerja di peringkat pertengahan seperti pemandu kapal terbang, pegawai bomba dan guru-guru sekolah.
- (iii) Pekerja-pekerja yang tidak memerlukan tenaga seperti kerani dan wakil rakyat.
- (iv) Kumpulan pekerja yang menggunakan tenaga seperti pekerja elektrik, tukang kayu dan pemecah batu.
- (v) Pekerja separuh masa terutamanya pemandu bas, posman dan pembungkus.
- (vi) Pekerja-pekerja yang tidak mahir seperti buruh, pencuci dan pengangkut-pengangkut.<sup>10</sup>

Bagi pengkaji, pendefinisian dan pengkategorian yang dikemukakan oleh Raynor lebih sesuai untuk digunakan dalam konteks masyarakat Malaysia. Ini disebabkan masyarakat Malaysia adalah masyarakat majmuk dari segi etnik dan mempunyai jenis pekerjaan yang berbeza-beza. Kategori-kategori ini sekurang-kurangnya dapat mengidentifikasikan golongan kelas menengah di Malaysia.

---

<sup>10</sup> John Raynor, The Middle Class, Logman Green, 1969, m.s. 7.

Alan Neaigus<sup>11</sup> mengatakan bahawa sebarang kajian mengenai kelas menengah mestilah menekankan kepada 2 perkara penting iaitu fungsi-fungsi ideologi politik dan status kelas menengah sebagai pekerja-pekerja yang menerima gaji. Sebenarnya terdapat banyak pendekatan di kalangan sarjana-sarjana barat berhubung dengan kriteria kelas menengah tersebut. Masing-masing mengemukakan teori tersendiri. Di Malaysia jika kita ambil ukuran jenis pekerjaan iaitu manual dan non-manual untuk menentukan keanggotaan kelas menengah, kita akan berdepan dengan dua gambaran tentang kelas menengah. Satu, yang mengukuhkan signifikan pembahagian pekerjaan antara manual dengan non-manual dalam menentukan keanggotaan kelas menengah. Kedua, yang menunjukkan bahawa pembahagian pekerjaan itu kurang signifikan iaitu memperlibatkan suatu kelas menengah yang tidak begitu homogen, berpecah-pecah dari segi sifat dan kewujudannya. Justeru itu sempadan yang memisahkan kelas menengah dengan kelas-kelas lain begitu kabur. Gambaran kabur inilah yang wujud di Malaysia.<sup>12</sup>

Jadi perbincangan mengenai konsep golongan kelas menengah tidak akan menemukan satu kesatuan idea tentangnya. Masing-masing sarjana mengemukakan konsep tersendiri mengikut selera dan tujuan kajian. Ia pula dilihat dari pelbagai sudut sama ada ekonomi, sosial dan politik.

---

<sup>11</sup>Neaigus, A., op. cit., m.s. 2-2 - 203.

<sup>12</sup>Shamsul Amri Baharuddin, op. cit., m.s. 4.

## 2.4 Tulisan-Tulisan Tentang Kelas dan Kelas Menengah

Bagi memudahkan perbincangan mengenai teori kelas menengah, pengkaji telah membahagikan kepada 3 kategori tulisan iaitu:

- (i) Teori-teori awal/klasik
- (ii) Teori sarjana barat masa kini
- (iii) Tulisan oleh penulis-penulis tempatan

Biasanya penulisan tentang kelas menengah tidak terkeluar dari teori-teori yang dikemukakan oleh penulis dalam ketigatiga kategori tersebut.

### 2.4.1 Teori-Teori Klasik Mengenai Kelas dan Kelas Menengah

#### 2.4.1.1 Karl Marx

Pendekatan yang digunakan oleh Karl Marx untuk menjelaskan tentang masyarakat ialah pendekatan ekonomi khususnya untuk melihat masyarakat kapitalis. Beliau telah menjalankan kajian ke atas masyarakat Eropah dalam abad ke-19 dan telah mengkonsepsikan bahawa perhubungan-perhubungan sosial dalam masyarakat kapitalis adalah dipengaruhi oleh tahap pemilikan harta benda di kalangan individu masyarakat itu. Tahap pemilikan harta benda bergantung kepada jumlah kekayaan yang dimiliki oleh seseorang itu. Akan tetapi, bukan semua orang mempunyai harta benda atau sumber kekayaan yang banyak. Seseorang individu yang mempunyai sumber kekayaan yang banyak akan menduduki tempat

yang tinggi dalam strata sosial. Marx mengandaikan bahawa keperluan asas yang dipentingkan dalam memahami ragam pengeluaran ialah kewujudan harta benda.<sup>13</sup> Unsur harta benda dalam teori Marx mesti difahamkan dalam konteks sebuah masyarakat yang berunsurkan masyarakat bourgoeis atau kapitalis di mana pengumpulan harta benda oleh individu-individu persendirian merupakan hakikat yang diterima dan digalakkan. Dalam sistem ekonomi kapitalis, status seseorang itu ditentukan oleh jumlah harta benda yang dimiliki olehnya. Sifat pengumpulan kekayaan material merupakan sifat keperibadian yang seterusnya menimbulkan konflik antara kaum bourgoeis<sup>14</sup> dan proletariat.<sup>15</sup> Bourgeois cuba memaksimakan keuntungan dengan mengurangkan upah, manakala kaum proletariat menuntut upah yang tinggi. Akan tetapi, ia bukanlah bermakna bahawa peluang-peluang yang disediakan oleh sistem ekonomis kapitalis adalah terbuka kepada semua individu masyarakat itu. Kritikan yang seringkali dilemparkan kepada sistem ekonomi

---

<sup>13</sup> Dahrendorf, R., Class and Class Conflict in Industrial Society London, Routledge and Kegan Paul, 1959, m.s. 11.

<sup>14</sup> Bourgeoise - merupakan satu golongan atasan dan kadangkala juga menjadi golongan kelas pertengahan. Golongan itu menguasai faktor-faktor pengeluaran dan juga menjadi tuan tanah. Lihat Karl Marx dan Friedrich Engels, The Communist Manifesto, New York International Publisher, m.s. 30 - 35.

<sup>15</sup> Proletariat adalah golongan bawahan dan merupakan golongan pekerja yang mendapat upah dari golongan bourgeoise. Karl Marx dan Friedrich Eagels, Ibid., m.s. 30 - 35.

kapitalis ialah 'yang kaya jadi lebih kaya, yang miskin jadi lebih miskin'. Situasi ini wujud kerana orang kaya memiliki sumber kewangan yang lebih. Oleh itu kesempatan yang banyak untuk menambahkan kekayaannya. Akibat daripada bentuk pertandingan ekonomi sedemikian rupa maka perasaan tidak puas hati di kalangan golongan tertindas menjadi fenomena yang nyata. Marx mengatakan "The power of society thus becomes the private power of a private person". Bilamana mereka yang mempunyai sumber kewangan yang cukup untuk mencipta kekayaan, maka wujudlah golongan minoriti yang menguasai sebahagian besar kekayaan. Jadi dalam teori Karl Marx ia menegaskan kepada dua kelas iaitu kelas Bourgeois dan kelas proletariat. Dan ciri utama yang membezakan keduanya ialah ganjaran yang mereka terima. Pada satu pihak (Bourgeoise) mengutamakan untung dan pihak yang kedua berusaha mendapatkan upah yang berpatutan.

Teori kelas Karl Marx dibincang pula oleh Dahrendoft.<sup>16</sup> Dahrendoft telah menyambung usaha Marx yang tidak dapat disiapkan olehnya, terutama bahagian akhir tesisnya iaitu teori kelas. Dahrendoft telah berusaha menghabiskan bahagian ini dengan menggunakan rangkaikata-rangkai kata Marx sendiri demi mengekalkan idea Marx. Dalam teori yang telah dibentangkan oleh Marx, ciri utama yang telah membezakan antara kelas-kelas masyarakat di dalam sistem ekonomi kapitalis ialah tahap pemilikan harta

---

<sup>16</sup> Dahrendoft, R., Ibid. Beliau mengambil petikan ini dalam buku Karl Marx, Das Kapital, 1953, m.s. 138.

bendanya. Pemilikan harta benda itu merupakan syarat mustahak yang menentukan perbezaan kelas dan menentukan penilaian sosial. Marx mengkonsepsikan bahawa tahap pemilikan harta benda yang dipentingkan dalam tesisnya ialah suatu pandangan makro di mana perhubungan-perhubungan sosial dalam masyarakat itu diperlihatkan dalam konteks sebuah masyarakat kapitalis.

#### 2.4.1.2 Max Weber

Max Weber juga melihat kelas-kelas sosial dari sudut ekonomi. Jika Karx Marx melihat kelas dalam konteks hubungan-hubungan produktif, Weber pula menekankan kelas sosial dalam konteks pasaran buruh. Dalam buku Weber yang disunting oleh J.E.T. Eldridge, 'kelas' didefinisikan sebagai kumpulan orang yang mempunyai status kelas yang sama.<sup>17</sup> Menurut Weber terdapat beberapa jenis kelas yang boleh diperolehi iaitu:

- (a) Sesuatu kelas itu dikatakan merupakan kelas berharta apabila status kelas untuk semua

---

<sup>17</sup> Eldridge, J.E.T. & Max Weber, The Interpretation of Social Reality, London: Michael Joseph Ltd., 1971, m.s. 87. Kelas juga didefinisikan sebagai "... any group of name beings which shares a similar class situation" dan class situation pula didefinisikan sebagai "... the typical chances of material provision, external position and personal destiny in life which depend on the degree and natural of the power, or lack of power, to dispose of goods or qualifications for employment and the way in which, within a given economic order, such goods or qualifications for employment can be utilised as a source of income or revenue." W.G. Runciman (ed.), Weber, Selections in Translation, yang diterjemahkan oleh E. Mathews, London, Cambridge University Press, 1978, m.s. 97.

ahli-ahli dalam kelas itu ditentukan oleh kesepunyaan sejumlah harta benda.

- (b) Sesuatu kelas itu dikatakan merupakan kelas mengumpul apabila status kelas itu untuk semua ahli-ahli ditentukan oleh peluang-peluang yang tersedia untuk ahli-ahli itu mengeksploitasi perkhidmatan-perkhidmatan di pasaran.
- (c) Kelas sosial merujuk kepada pelbagai status-status kelas yang terjadi akibat dari interaksi majmuk di antara individu-individu yang membendung pelbagai jenis kelas itu.

Konsep kelas dan status kelas yang digunakan oleh Weber hanyalah merujuk kepada identiti atau kesamaan dalam situasi yang tipikal di mana seseorang individu itu akan mengaitkan minat-minatnya dengan minat-minat individu lain yang berada dalam kumpulan kelas yang dianggap sama dengannya. Weber mengkonsepsikan bahawa tahap pengawalan ke atas pelbagai barang-barang pengguna, cara pengeluaran, pelaburan, modal atau tenaga pekerja akan membentuk pelbagai jenis status kelas yang berbeza dari segi variasi dan kombinasi. Dalam konsepsi Weber, golongan pekerja yang tidak mempunyai kemahiran, harta benda atau bergantung rezeki kepada pekerjaan yang tidak stabil akan tergolong dalam status kelas yang agak serupa. Beliau menegaskan lagi bahawa

kesenangan atau kekerapan seseorang individu atau sekumpulan individu dalam sesuatu status kelas itu berpindah ke status kelas yang lain adalah berbeza-beza dan adalah secara relatif.

Dalam teori Weber mengenai konsep kelas, beliau telah memperkatakan bahawa sesuatu kelas yang mempunyai harta benda dan hak istimewa mempunyai kelebihan-kelebihan berikut:

- (a) Ahli-ahlinya dapat memonopoli pembelian barang-barang mahal dan mewah.
- (b) Mereka mungkin menguasai peluang-peluang pengumpulan harta benda dengan menggunakan kelebihan kekayaan.
- (c) Mereka mungkin memonopoli peluang-peluang mengumpulkan simpanan demi untuk memperbanyakkan lagi pelaburan mereka, dan
- (d) Mereka mungkin memonopoli peluang-peluang mendapat taraf pelajaran yang istimewa berbanding dengan individu lain.

Selain daripada kelas berada yang dinyatakan di atas wujud kelas yang tidak mempunyai kekayaan. Weber telah membahagikan kelas tidak berada ini kepada 4 kumpulan iaitu:

- (a) Individu-individu yang dimiliki oleh golongan berada.

- (b) Individu-individu yang dianggap tidak berkelas
- (c) Kelas berhutang
- (d) Golongan miskin

Terdapat beberapa sarjana yang mengkritikkan tulisan Weber dalam memperkatakan 'kelas' dan 'status'. Aubrey Weinberg dan Frank Lyong menyatakan konsep-konsep 'kelas' dan 'status' yang diperkenalkan oleh Weber harus menitikberatkan, "the community aspect of status and its estimation according to honour and prestige factors. Throughout his (Weber's) analysis there is close overlap between his status and class characteristics." Oleh yang demikian kedua-dua penulis ini telah mengesyorkan agar penggunaan konsep-konsep 'kelas' dan 'status' haruslah dilihat dalam suatu kerangka yang luas, bilamana mereka berkata, "... in order to avoid reducing status to the dominant dimension of occupation, some non-occupational factors are necessary if any distinction between class and status is to be maintained. These factors became transposed by Weber into specific style of life separated from each other by social distance."<sup>18</sup>

---

<sup>18</sup> A. Weinberg dan F. Lyons dalam *The British Journal of Sociology*, Volume 23, 1972, London, Routledge and Kegan Paul Limited, m.s. 54.

## 2.4.2 Teori Kelas Menengah oleh Sarjana-Sarjana Barat Masa Kini

### 2.4.2.1 John Raynor

Dari segi sejarah Raynor<sup>19</sup> menyatakan penggunaan istilah kelas menengah telah mula mendapat perhatian di negara-negara Eropah dalam tahun 1800 apabila Eropah telah mengalami perubahan-perubahan akibat revolusi perindustrian. Revolusi perindustrian merupakan suatu agen yang telah membawa perubahan-perubahan radikal kepada struktur dan komposisi masyarakat Eropah. Ketika Marx menulis tentang masyarakat kapitalis di Eropah, golongan kelas menengah baru sahaja muncul dan ini pula ditafsirkan Marx sebagai golongan sementara sebelum ia diresap oleh kelas bourgeois dan proletariat. Menjelang permulaan abad ke-20 keahlian kelas menengah telah bertambah dan semakin nyata. Ini sama sekali telah menyangkal konsep kelas menengah yang ditafsirkan oleh Karl Marx.

Raynor telah cuba memperlihatkan perkembangan golongan kelas menengah di Britain dan beliau telah bermula dari hakikat bahawa keanggotaan kelas menengah adalah bersifat bebas yakni boleh bermobilisasi kerana pada asasnya. Konsep kelas menengah itu sendiri tidak mempunyai sempadan definisi yang jelas. Hasil dari kajian beliau di Britain, ia mendapati anggota-anggota kelas menengah tidak suka mengidentifikasikan diri mereka sebagai

---

<sup>19</sup> King R., dan Raynor J., op. cit.

anggota kelas menengah. Mereka dikatakan menyembunyikan identiti mereka dan jarang sekali mengakui diri mereka sebagai anggota-anggota kelas menengah. Raynor juga telah memperkatakan tentang "the middle class invisibility" di mana beliau merujuk kepada perkara ini.

Dari segi teori pula Raynor telah mengesyorkan unit pekerjaan sebagai kaedah paling baik dalam mengidentifikasikan keanggotaan kelas menengah. Sekiranya dianggap bahawa unit pengukuran Raynor sah, maka diperkatakan juga bahawa anggota-anggota kelas menengah termasuklah kumpulan-kumpulan 'white-collar' dari peringkat penyelia sehingga kumpulan ikhtisas serta peniaga-peniaga. Bagi Raynor kelas menengah adalah suatu kelompok yang mempunyai "... similar attitudes and beliefs, linked to a common style of life, among members of a class."<sup>20</sup> Oleh itu, sesuatu kumpulan sosial dikatakan sebagai suatu kelas sosial selagi ia dibendung oleh kesamaan dalam aspek-aspek kepercayaan, sikap dan cara hidup.

Dalam tulisan yang lain<sup>21</sup> John Raynor telah menetapkan jumlah pendapatan berdasarkan jenis pekerjaan.

- (i) Golongan profesional dengan pendapatan di sekitar \$5,000.00 hingga \$7,000.00.

---

<sup>20</sup> King, R., dan Raynor, J., op. cit., m.s. 5.

<sup>21</sup> John Raynor, op. cit., m.s. 64.

- (ii) Pengurus Syarikat yang mana gajinya antara \$4,000.00 hingga \$5,000.00.
- (iii) Pegawai kerani gajinya di sekitar \$3,000.00 hingga \$4,000.00.
- (iv) Kumpulan penyelia gajinya adalah antara \$2,000.00 hingga \$3,000.00.
- (v) Pekerja yang tidak menggunakan tenaga gajinya antara \$1,000.00 hingga \$2,000.00.
- (vi) Pekerja-pekerja yang menggunakan separuh tenaga gajinya antara \$500.00 hingga \$1,000.00.
- (vii) Pekerja-pekerja kurang mahir di mana pendapatannya adalah di sekitar \$500.00 ke bawah.

Pembahagian yang dibuat oleh Raynor ini adalah usaha beliau untuk mengenalpasti kelas dengan lebih jelas, walau bagaimanapun pada pendapat pengkaji, pendefinisi yang sedemikian akan mewujudkan dilema baru iaitu kesukaran untuk mentafsir golongan profesional, pekerja mahir dan tidak mahir, pekerja menggunakan tenaga penuh dan separuh tenaga. Oleh itu konsep yang lebih umum adalah lebih sesuai untuk melihat kelas-kelas.

#### 2.4.2.2 C.W. Mills

Mills adalah seorang ahli sosiologi berbangsa Amerika yang terkenal pada zaman kini. Tulisannya tentang kelas menengah terkandung dalam bukunya "White-Collar".<sup>22</sup> Perbincangan awalnya menyentuh tentang dilema yang dihadapi oleh pengkaji-pengkaji Marxist dalam mengkaji kelas menengah. Ini disebabkan teori kelas Marx tidak memperlihatkan kemungkinan kelas menengah akan wujud sebagai suatu golongan kelas yang penting. Akan tetapi tafsiran itu tidak benar kerana menjelang permulaan abad ke-20, bilangan kelas menengah telah muncul dan fenomena penyerapan kelas menengah ke dalam kelas proletariat dan kelas bourgeois tidak pula berlaku seperti mana yang telah disarankan oleh Marx. Lebih-lebih lagi pengkaji-pengkaji Marxist mendapati bahawa golongan kelas menengah tidak mempunyai harta benda yang dapat melayakkan mereka dipanggil kelas atasan. Jadi dalam konsepsi Marxist, kelas menengah itu tergolong dalam kelas proletariat. Di sini timbul pula masalah bilamana golongan kelas itu dikatakan tidak memihak kepada ideologi Marxist. Jadi saranan Marx, bahawa proses revolusi akan terjadi yang menyebabkan perkara kapitalis kepada sosialis tidak wujud. Dengan itu Mills telah menganalisa kelas menengah baru yang didapati kini dan cuba menerangkan masalah-masalah yang terlibat dalam usaha mendefinisikan teori mengenai kelas menengah. Beliau telah memperkatakan bahawa

---

<sup>22</sup> Mills, C.W., White Collar, The American Middle Class, USA: Oxford University Press Inc., 1951.

teori-teori kelas menengah tidak banyak mengalami pembaharuan sejak 1920an dan menyarankan bahawa kajian-kajian kelas menengah telah digolongkan dalam empat kumpulan utama iaitu:-

- (i) Kelas menengah baru ini dijangka meningkat keanggotaannya dan pengaruh politiknya. Dalam konteks ini, kelas menengah akan menjadi suatu kelas yang mempunyai identifikasi politiknya yang tersendiri suatu hari kelak. Kumpulan teori ini pula menyarankan kelas menengah akan menggantikan kelas-kelas sosial yang lain sebagai golongan kelas yang bakal berkuasa menguasai masyarakat moden. Jadi dikatakan zaman moden lain kepunyaan kelas menengah.
- (ii) Kelas menengah menambahkan keanggotaannya dan kekuasaan politiknya tetapi mereka tidak akan menjadi suatu kumpulan yang menguasai masyarakat. Sebaliknya kelas menengah dikatakan menjadi pengaruh yang kuat dalam menentukan pembahagian kuasa di antara kelas-kelas *bourgeois* dan *proletariat*. Dikatakan pula kelas menengah ini merupakan penyambung kepada trend masyarakat kapitalis yang liberal di mana mereka akan menghalang fenomena yang dikatakan oleh ahli-ahli teori ini sebagai "creeping proletarianization".

Anggota-anggota kelas menengah baru akan mengambil alih peranan-peranan yang dimainkan oleh kelas menengah lama dan mengubahsuai peranan-peranan lama itu supaya dapat diaplikasi dalam konteks masyarakat moden kini.

(iii) Ahli-ahli teoris dalam kumpulan ini memperkatakan bahawa ahli-ahli kelas menengah baru dikongkong oleh sifat-sifat sosial dan politik mereka yang bercorak bourgeois. Bahkan kelas menengah ini pula dikatakan sebagai suatu kumpulan yang mempunyai kecenderungan untuk menjadi kumpulan-kumpulan status dan bukannya kelas ekonomi sahaja. Seterusnya mereka akan membentuk "... prime human materials for conservative for reactionary and even for fascist, movement. They are natural allies and shock of the larger capitalist drive."<sup>23</sup>

(iv) Kelas menengah baru dipandang sebagai kumpulan proletariat baru kerana dikatakan mempunyai kepentingan-kepentingan yang sama seperti kelas proletariat dalam teori kelas Marx. Dalam perjalanan masa, kelas proletariat dikatakan sebagai menjadi lebih heterogenus. Ahli-ahli

---

<sup>23</sup>Mills, C.W., Ibid., m.s. 291.

teori dalam kumpulan ini menyarankan bahawa kelas menengah baru akan berpihak dengan kelas proletariat di dalam konteks perjuangan antara kelas-kelas sebenar dalam masyarakat kapitalis. Berdasarkan kepada anggapan golongan teori ini, dapat disimpulkan bahawa pendekatan yang diamalkan adalah pendekatan Marxist yang menyarankan kewujudan dua kelas sosial dalam masyarakat kapitalis sahaja. Tambahan lagi, dalam proses perjuangan antara proletariat dan bourgeois, anggota-anggota kelas menengah baru akan "swept into the proletarian ranks. A thin, upper layer may go over to the bourgeoisie but it will not count in number or in power."<sup>24</sup>

Mills telah memperkatakan bahawa keempat-empat aliran teori kelas menengah itu adalah susah dibandingkan kerana pendefinisian dan unit pengukuran yang digunakan oleh ahli-ahli teoris yang berkenaan itu tidak sama antara satu sama lain. Sebagai contoh, ahli-ahli teoris itu tidak menggunakan jenis pekerjaan yang sama dalam analisa mereka menjadikan perbandingan yang objektif tidak dapat dilakukan. Sebagai contohnya ahli-ahli teori yang mengatakan bahawa kelas menengah baru sebagai terdiri daripada individu-individu berpangkat tinggi dalam masyarakat

---

<sup>24</sup> Mills, C.W., Ibid., m.s. 291.

seperti pakar teknik, jurutera, pengurus dan pegawai-pegawai. Golongan teoritis yang keempat menyarankan bahawa kelas menengah baru adalah terdiri daripada pekerja-pekerja berpangkat kerani dan jurujual. Penekanan yang berbeza ini dan evolusi corak pekerjaan kelas menengah dari masa ke semasa telah menyebabkan perbandingan objektif sukar diusahakan. Mills juga menyedari bahawa penggunaan istilah-istilah untuk melabelkan kelas menengah baru yang berlainan akan menimbulkan masalah seperti istilah white-collar "Salaried Employee" dan "New Middle Class" digunakan saling berganti.

Mills membidas teori-teori kelas menengah baru yang disarankan di atas kerana salah satu daripada anggapan mereka adalah Amerika Syarikat merupakan sebuah negara yang tidak mempunyai kelas sosial. Orang-orang Amerika dikatakan tidak "aware of themselves as members of classes, do not identify themselves with their appropriate economic level, do not often organize in terms of these brackets or vote along the lines they provide. Mills memperkatakan bahawa anggapan di atas tidak membayangkan perkara yang sebenarnya di duit nyata. "Because men are not class conscious at all times and in all places does not mean that there are no classes or that in America everybody is middle class."<sup>25</sup>

---

<sup>25</sup>Mills, C.W., Ibid., m.s. 294.

Oleh yang demikian, Mills tidak menyetujui cara psikologi dalam memperlihatkan kewujudan kelas dalam masyarakat, khususnya di kalangan "white-collar" di Amerika Syarikat. Ini adalah kerana anggapan bahawa "... Psychology is the essence of classes" tidak secocok dengan realiti sosial dan ekonomi dunia nyata. Mills juga mengatakan bahawa struktur kelas sebagai suatu aturan ekonomi adalah ciri penting dalam mempengaruhi peluang-peluang hidup individu berdasarkan kedudukan yang dipegang oleh mereka.

Di samping dua orang sarjana barat tersebut, terdapat beberapa orang lagi sarjana barat masa kini yang menulis tentang kelas menengah. Di antara mereka ialah Guglielma Carchedi, N. Abercrombie, John Urry dan Dale L. Johnson. Bagi Carchedi ia mendefinisi kelas menengah itu berasaskan kepada perhubungan-perhubungan pengeluaran di dalam konteks negara-negara maju kapitalis atau di negara-negara di mana kapitalisma dikatakan meningkat ke tahap monopoli. Urry pula memperkatakan perbezaan penggunaan istilah kelas menengah dalam abad ke-18 dan masa kini. Pada abad-abad ke-18 dan 19 istilah kelas menengah merujuk kepada "the propertied and largely entrepreneurial class located between landowners on the one hand, and urban-industrial workers and agricultural labourers on the other in society undergoing transition."<sup>26</sup> Istilah kelas menengah ini pula dikatakan

---

<sup>26</sup> Abercrombie, N. dan Urry, J., Capital, Labour and the Middle Classes, London: George Allen & Unwin Ltd., 1983, m.s. 1.

sebagai merangkumi "white-collar occupation, from higher professionals to relatively routine clerical workers." Johnson dalam bukunya 'Middle Classes in Dependent Countries' pula memperlihatkan peranan yang dimainkan oleh golongan kelas menengah di negara-negara dunia ketiga. Peranan yang paling penting ialah menentukan corak kepimpinan politik di negara-negara masing. Kewujudan kelas menengah juga sebagai mungkin yang mencetuskan perubahan-perubahan sosial.

#### 2.4.3 Tulisan-Tulisan Kelas Menengah Oleh Penulisan Tempatan

##### 2.4.3.1 Nordin Selat

Nordin Selat adalah salah seorang penulis tempatan yang menumpukan kajiannya ke atas kelas menengah pentadbir Melayu. Nordin telah menyatakan perkembangan kelas menengah pentadbir Melayu di Malaysia adalah dipengaruhi oleh latar-belakang sejarah Malaysia sendiri iaitu titik tolaknya bermula dengan kedatangan orang British. Beliau telah menggunakan beberapa angkuabah untuk memperlihatkan ciri-ciri utama yang melambangkan kelas menengah pentadbir Melayu. Di antara angkuabah yang digunakan ialah:

- (i) Perjawatan dan 'fringe benefits' pekerjaan  
(kelulusan akademik, umur, tempoh perkhidmatan,  
skim gaji, elaun, cuti bergaji, kemudahan pinjaman).

- (ii) Keluarga (kelulusan akademik isteri, pelajaran isteri, gaji isteri, pendapatan bersama, bilangan anak, pencapaian pelajaran bapa, pekerjaan bapa, pendapatan bapa, jumlah adik-beradik, bilangan adik-beradik ke universiti).
- (iii) Persekolahan (tempat bersekolah, biasiswa, cita-cita bapa, cita-cita sendiri) dan
- (iv) Corak hidup (jenis rumah, corak makanan, orang gaji, corak perbelanjaan, jenis kereta yang dipakai).

Angkubah-angkubah ini digunakan untuk mendapat gambaran yang jelas tentang kelas menengah pentadbir Melayu di mana beliau telah memperkatakan bahawa kelas menengah itu menghadapi dilema penerimaan oleh masyarakat Melayu sendiri. Ini adalah kerana mereka masih mengalami perubahan-perubahan sosio-budaya yang akan membezakan mereka daripada masyarakat Melayu yang lain, perubahan itu boleh dikesan dari beberapa ciri tertentu,<sup>27</sup> iaitu:

- (i) Kelas pentadbir adalah 'socially unattached' di mana perkara yang menyamakan mereka ialah pendidikan Inggeris.

---

<sup>27</sup> Nordin Selat, op. cit., m.s. 349 - 350.

- (ii) Kelas ini tidak mempunyai sebarang teras di mana dikatakan bahawa kumpulan ini dijadikan sebagai alat penjajah British dan ia wujud dari landasan warisanyang kucar kacir dan kabur.
- (iii) Kelas ini dikatakan masih mencari keperibadiannya dan anggotanya dikatakan tanpa 'sense of distinction'.
- (iv) Kelas menengah ini dikatakan sebagai kumpulan yang kenyang dan puas di mana mereka hidup dalam keadaan yang serba mencukupi.

#### 2.4.3.2 Mohammad Fauzi Yaacob

Berlainan dengan Nordin Selat, Muhammad Fauzi<sup>28</sup> telah memberi tumpuan kepada kelas menengah dari golongan peniaga Melayu. Kajiannya dijalankan di Kota Bharu, Kelantan. Walaupun berbeza dari segi responden yang dikaji tetapi kedua-duanya tergolong dalam kumpulan kelas menengah. Beliau telah memperkatakan tentang corak perniagaan yang dipunyai oleh usahawan-usahawan di Kota Bharu di mana ia telah menentukan cara hidup dan perbelanjaan para responden. Pada hakikatnya, beliau juga telah memperkatakan tentang pemisahan hal-hal perniagaan dengan hal-hal keluarga. Dalam menjayakan perniagaan mereka, hubungan

---

<sup>28</sup> Muhammad Fauzi Yaacob, Peniaga-Peniaga dan Perniagaan Melayu Di Kota Bharu, Kelantan, Ph.D. Thesis, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1978.

dengan tokoh-tokoh politik adalah sudah menjadi kelaziman. Hasil daripada hubungan yang erat ini, secara tidak langsung menggambarkan status sosio-ekonomi mereka yang lebih tinggi. Kadangkala mereka ini juga bergerak cergas dalam politik kepartian.

#### 2.4.3.3 Oliver Popenoe

Oliver Popenoe<sup>29</sup> telah menjalankan kajiannya di Semenanjung Malaysia. Tumpuan kajiannya ialah ke atas usahawan Melayu. Popenoe telah menunjukkan bahawa nilai-nilai budaya, keperibadian dan proses-proses sosialisasi secara langsung telah mempengaruhi personaliti para usahawan-usahawan itu. Dalam kajiannya, Popenoe mengatakan usahawan tempatan itu boleh didapati di bandar-bandar utama di Semenanjung Malaysia dan mereka merupakan suatu kumpulan yang digolongkan mengikut kejayaan mereka dalam sektor perniagaan. Oleh itu Popenoe menyarankan bahawa unit ukuran yang paling sesuai bagi mendapatkan klasifikasi mengenai kelas menengah di kalangan usahawan-usahawan Melayu ialah penglibatan secara langsung dalam kegiatan perniagaan mereka dan setakat manakah mereka itu berjaya dalam profesion perniagaannya.

---

<sup>29</sup> Oliver Popenoe, Malay Entrepreneurs - An Analysis of the Social Backgrounds, Careers and Attitudes of the Leading Malay Businessman in Western Malaysia, Ph.D. Thesis, London School of Economics, 1970.

Jadi, golongan usahawan Melayu yang dikaji itu diklasifikasikan mengikut dua segi iaitu satu kumpulan yang lebih gigih, berjaya dan inoratif dalam mengerjakan perniagaan mereka sementara satu kumpulan lain dikatakan kurang berjaya dan kurang inoratif. Kumpulan usahawan yang bersikap lebih positif dikatakan memperolehi untung dan memperluaskan perniagaan mereka secara besar-besaran.

Setelah meneliti hasil kajian Popenoe pengkaji mendapati tulisan itu boleh dikemukakan sebagai kajian tentang kelas menengah.

#### 2.4.3.4 Mavis Puthuchearry

Kajian Mavis Puthuchearry<sup>30</sup> juga boleh dikategorikan sebagai hasil kajian tentang kelas menengah. Beliau telah mengkaji peranan pegawai kerajaan dalam pembangunan dan perpaduan negara. Ia kemudian cuba menyelami ragam fikiran pegawai kerajaan dan masalah kerajaan dalam melaksanakan rancangan pembangunan. Masalah ini wujud kerana Malaysia adalah sebuah negara yang mempunyai penduduk berbilang kaum, tambah merumitkan bilamana perkhidmatan awam Malaysia mempunyai ciri-ciri pentadbiran politik. Walau bagaimanapun beliau juga memperkatakan beberapa kebaikan bilamana birokrasi tersebut dipolitikkan misalnya ia akan membantu

---

<sup>30</sup> Mavis Puthuchearry, The Politics of Administration - The Malaysian Experience, Oxford University Press, Oxford New York, Melbourne, 1978.

kakitangan kerajaan memahami dengan lebih baik tujuan dan cita-cita pemimpin politik. Hal ini amat penting untuk membawa perubahan kepada masyarakat Malaysia terutama untuk menjayakan Dasar Ekonomi Baru. Seterusnya membantu pemerintah mencapai matlamat untuk menjadi negara Industri Baru setaraf dengan Korea Selatan, Jepun dan Hong Kong.

Kajian Mavis Puthuchearry boleh dikategorikan sebagai kajian tentang kelas menengah kerana pegawai kerajaan merupakan kumpulan minoriti dari segi pekerjaan berbanding dengan kumpulan pekerja-pekerja lain. Kumpulan minoriti di bidang pekerjaan merupakan salah satu ciri kelas menengah. Tambahan pula status mereka sebagai golongan yang dihormati di kalangan masyarakat kerana ia mempunyai kedudukan istimewa dan sifat-sifat elit. Misalnya pendapatan dan tahap pelajaran yang dicapai olehnya.

## 2.5 Kesimpulan

Setelah mengalami kekaburan dalam mencari definisi dan konsep golongan kelas menengah, pengkaji akhirnya telah membahagikan penulisan tentangnya kepada tiga bahagian yang nyata iaitu konsep yang berasaskan tulisan klasik, kedua tulisan masa kini dari penulis barat dan ketiga kajian-kajian yang dijalankan oleh penulis tempatan yang cuba meneroka kajiannya ke atas golongan kelas menengah.

### BAB III

#### SIKAP DAN PANDANGAN KELAS MENENGAH TERHADAP POLITIK KEPARTIAN

##### 3.1 Pengenalan

Setelah dihuraikan konsep kelas menengah dalam Bab II, pemahaman terhadap pandangan dan persepsi mereka dalam hal-hal yang berkaitan dengan politik, ekonomi dan sosial adalah sangat berguna dan penting. Kepentingan aspek itu memang tidak dinafikan kerana ia menyentuh kehidupan seharian dan masa depan golongan menengah itu sendiri.

Dalam bab ini, pengkaji akan menghuraikan terlebih dahulu pandangan kelas menengah terhadap aspek-aspek politik. Di sini politik didefinisikan sebagai sebarang kegiatan yang ada hubungannya dengan pengambilan keputusan mengenai pembahagian sumber-sumber dan ganjaran serta keputusan mengenai cara mengatur hidup bermasyarakat.<sup>1</sup>

Sebagai golongan yang mempunyai taraf pendidikan dan ekonomi yang tinggi, pandangan mereka diharapkan dapat memberi gambaran sebenar tentang kesedaran yang wujud dalam diri mereka terhadap suasana politik tanahair. Ia juga diharapkan dapat memecah beberapa persoalan penting iaitu apakah pandangan mereka

---

<sup>1</sup>K. Ramanathan Kalimuthu, Asas Sains Politik, Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1957, m.s. 2.

ini menggambarkan pemikiran yang dipengaruhi oleh kaum, kepentingan atau apakah ia didorong oleh kesedarannya kerana menjadi pendokong atau pengkritik kerajaan melewati pandangan sebagai anggota kelas menengah?

Penglibatan yang semakin nyata golongan ia dalam arena politik kepartian sejak akhir-akhir ini juga menarik minat pengkaji untuk menganalisa pandangan atau persepsi mereka.

### 3.2 Angkubah-Angkubah Yang Mempengaruhi Pandangan Politik

#### 3.2.1 Pendidikan

Pada umumnya istilah pendidik dan pendidikan adalah suatu elemen yang saling berhubungkait. Di satu pihak ia merupakan individu atau kelompok masyarakat yang dipertanggungjawab lagi mensosialisasikan nilai-nilai yang dipersetujui oleh kelompok masyarakat tersebut ke atas individu atau kelompok lain dalam masyarakatnya.<sup>2</sup> Manakala pendidikan adalah kaedah dan kesan yang diterima hasil dari sosialisasi pendidikan. Justeru itu pendidikan yang diterima dari golongan pendidikan adalah satu saluran yang efektif untuk merubah masyarakat sama ada dari sudut pandangan atau tingkahlaku. Arah aliran perubahan ini sama ada ianya negatif atau positif bergantung kepada orang yang mendidik dan yang terima pendidikan tersebut.

---

<sup>2</sup> Sosialisasi politik pula didefinisikan sebagai "... political socialization processes operate at both the individual and community levels. At the community level it is best understood as cultural transmission." Dawson and Prewitt Political Socialization, Little Brown and Company, 1967, m.s. 17.

Dalam hal ini keluarga dan sekolah merupakan dua saluran pendidikan asas yang memainkan peranan secara langsung atau tidak langsung mendidik masyarakat.<sup>3</sup> Dari kajian yang dijalankan 100% responden mendapat pendidikan dari sekolah rendah hingga mencapai ke institusi pengajian tinggi. Hal ini secara tidak langsung telah membentuk pandangan golongan kelas menengah di samping pengaruh di luarnya.

Menyedari hakikat bahawa sekolah juga menjadi saluran bagi pihak kerajaan untuk menyampaikan mesej-mesej atau ideologi yang dikehendakinya maka secara langsung atau tidak langsung pemikiran golongan menengah juga turut dipengaruhi. Bagi orang Melayu pula pelajaran dan pencapaiannya dalam bidang pendidikan merupakan input penting untuk mobiliti diri. Bagi Dr. Nordin Selat, mobiliti sosial orang Melayu yang paling berkesan ialah pelajaran.<sup>4</sup> Sama ada pendapat ini benar atau tidak, ia tidak dipersoalkan tetapi apa yang lebih penting ialah peranan pelajaran atau pendidikan sebagai agen perubahan yang paling berkesan patut diakui. Jadi hakikatnya perubahan itu bukan sahaja di dalam bidang sosial tetapi mencakupi juga hal-hal yang berkaitan dengan pandangan politik mereka.

---

<sup>3</sup> Untuk perbincangan lebih lanjut lihat buku Drs. Mochtar dan Dr. Colin Mac Andrews, Perbandingan Sistem Politik, Gajah Mada University Press, 1981, m.s. 35 - 37.

<sup>4</sup> Artikel Dewan Masyarakat, "Mobiliti Orang Melayu Melalui Pelajaran", Disember 1971.

### 3.2.2 Media Massa

Setelah individu itu dewasa, faktor keluarga dan sekolah tidak lagi memainkan peranan yang berkesan dalam mempengaruhi tingkahlaku dan pandangannya. Mereka telah dapat menilai dengan kritis pelbagai sumber yang diterima.

Walaupun begitu dengan kemajuan komunikasi yang pesat peranan media massa telah mengambil tempat utama mendidik masyarakat. Dengan kecekapan media massa dan kadar kenal huruf yang tinggi, kita dapati idea pemikiran manusia seringkali diganggu-gugat atau diubah-ubah mengikut apa yang dikehendaki oleh orang yang membawa mesej melalui media massa. Golongan menengah tidak terkecuali dalam hal ini. Mereka lebih senang menerima maklumat sama ada maklumat politik, ekonomi, sosial dan lain-lain maklumat kerana kemampuannya yang tinggi sama ada kemampuan ekonomi dan ilmu pengetahuan.

Peranan media massa sebagai alat komunikasi politik dapat diterangkan seperti di bawah:

"The process by which political relevant information is transmitted from one part of the political system to another and between the social and political system, it is a continuous process involving the exchange of information between individually and groups of individual at all levels of society."<sup>5</sup>

---

<sup>5</sup>Rush M. and Althoff P., An Introduction to Politics Sociology, Welton University Paperback, London, 1970, m.s. 14.

Dari sumber soalselidik, menunjukkan kebanyakan golongan kelas menengah menggunakan semua media massa yang lazim terdapat di kawasan kajian untuk mendapatkan maklumat politik. Maklumat-maklumat ini seterusnya boleh mempengaruhi pandangan mereka.

Jadual 3.1: Dari Mana Dapat Maklumat Tentang Parti?

Punca Maklumat	Bilangan	Peratus
Radio/TV	8	26.7
Suratkhabar	14	46.7
Kawan-Kawan	4	13.3
Syarahan/Ceramah	3	10.0
Perbincangan	1	3.3
Surat Layang	0	0
JUMLAH	30	100

Dari jadual di atas kita dapati suratkhabar merupakan punca maklumat yang paling penting bagi golongan menengah iaitu 14 (46.7%) responden menggunakannya. Ini mungkin dipengaruhi oleh sikap di kalangan mereka yang suka membaca sejak dari alam persekolahan lagi. Golongan ini berpendapat akhbarlah yang merupakan sumber utama untuk mengetahui segala dasar kerajaan dengan cepat. Kenyataan ini memang benar kerana kebanyakan akhbar-akhbar harian di Malaysia dikawal oleh pihak pemerintah. Pihak kerajaan berharap kawalan itu akan melahirkan keadaan

politik mantap sebagaimana yang dicita-citakan oleh seluruh negara yang baru mencapai kemerdekaan.<sup>6</sup> Peranan akhbar dalam politik terutama bagi pihak kerajaan bertambah nyata di musim pilihanraya. Bilamana pilihanraya akan diadakan pihak kerajaan akan menyiarkan berita-berita yang boleh mengukuhkan kedudukan parti pemerintah misalnya kedudukan ekonomi bertambah teguh, rancangan-rancangan pembangunan dan pembinaan imej pemimpin. Berita-berita itu juga mengandungi hal-hal yang negatif berhubung dengan parti pembangkang. Jadi dalam hal ini peranan dan kesan yang ditonjolkan melalui akhbar tidaklah kecil. Akibatnya segala pandangan golongan kelas menengah turut dipengaruhi oleh surat-khabar.

Di samping akhbar saluran media massa lain sebagai punca maklumat politik golongan kelas menengah ialah Radio dan TV. Bilangan responden yang menggunakannya ialah 8 (26.7%) orang. Radio dan TV ini jatuh ke tempat kedua dari segi populariti. Radio seperti mana suratkhbar adalah menjadi saluran komunikasi di bawah kawalan kerajaan, walaupun ia tidak 100% menyiarkan berita tentang ideologi pemerintah. Media massa lain ialah ceramah atau syarahan 3 (10%). Ia boleh dikategorikan sebagai media massa bilama ceramah itu disampaikan melalui kaset-kaset

---

<sup>6</sup> Ianya menjadi harapan kerana salah satu ciri umum dalam masyarakat yang sedang membangun ialah susunan masyarakat yang belum mantap khususnya dari segi perpaduan. Kemerdekaan yang dicapai tidak pernah menjanjikan satu harapan yang boleh menyatukan rakyat dengan mudah sebagaimana yang pernah diimpikan oleh kebanyakan perjuang kemerdekaan.

atau video. Satu hakikat yang dapat diperhatikan di sini ialah tiada seorang pun responden mendapat maklumat melalui surat layang. Ini mungkin istilah surat layang itu sendiri membayangkan ia membiak berita-berita berunsur fitnah atau memburuk-burukkan pihak tertentu.<sup>7</sup>

Darjah keberkesanan media massa ini sama ada positif atau negatif tidak dapat diukur secara kualitatif dan konkrit. Namun begitu imejnya terhadap golongan menengah berhubung dengan pandangan terhadap dunia politik tidak dapat disangkal. Apa yang penting ialah peranannya sebagai salah satu agen yang bernilai kepada pihak-pihak yang berkepentingan.

### 3.3 Sikap Terhadap Politik

Setelah meneliti faktor-faktor yang mempengaruhi persepsi golongan menengah dalam bidang politik. Di sini pengkaji akan menganalisa pula sikap dan pandangannya terhadap fenomena politik kepartian khususnya di bandar Kota Bharu. Sikap di sini merujuk kepada tahap kesedaran mereka terhadap politik. Tahap kesedaran ini boleh dianalisa berdasarkan kepada peranan, minat, aktiviti dan penyertaan mereka dalam politik setempat.

---

<sup>7</sup>Perbincangan yang lebih menarik tentang surat layang dapat dilihat dalam artikel Dewan Masyarakat "Surat Layang Taktik Kotor Politik". November 1988, m.s. 12.

### 3.3.1 Minat Terhadap Politik

Berdasarkan kepada sumber soalselidik, responden telah ditanya tentang sikap mereka terhadap politik sama ada mereka berminat atau tidak. Lihat jadual di bawah.

Jadual 3.2: Adakah Anda Berminat Dalam Politik

Sikap	Bilangan	Peratus
Berminat	24	80
Tidak Berapa	4	13.3
Tidak Sama Sekali	2	6.7
JUMLAH	30	100

Data tersebut menunjukkan responden mempunyai sikap yang positif terhadap politik. Ini kerana majoritinya berminat dalam hal ehwal berkaitan dengan politik di mana seramai 24 (80%) responden menyatakan demikian. Minat yang tinggi ini menggambarkan golongan menengah sadar tentang kepentingan politik dalam kehidupan dan kelompok masyarakatnya. Hal ini diperkukuhkan lagi apabila 90% responden menyatakan kuasa politik adalah suatu elemen yang penting dalam menentukan masa depan mereka sama ada dalam kehidupan sosial atau ekonomi. Jawapan ini diberi semasa temubual dijalankan dan golongan kelas menengah sadar akan trend politik masa kini yang mana kebanyakan mereka yang mencebur diri dalam arena politik adalah untuk mobiliti diri. Politik dijadikan platform bagi sesetengah golongan untuk mencapai status kehidupan

yang lebih baik. Mereka juga sedar status boleh dicapai melalui penglibatan dalam politik dan ekonomi secara serentak.

Manakala 4 (13.3%) dan 2 (6.7%) responden yang tidak begitu berminat atau sama sekali tidak berminat dalam politik adalah terdiri dari wanita dan profesion pekerjaannya sebagai guru. Mereka begitu pasif terhadap politik bukan kerana tiada kesedaran tentang kepentingan politik tetapi kerana kesibukan dalam urusan-urusan rumahtangga dan pekerjaan yang tidak membenarkan mereka bergerak aktif. Walaupun minat mereka terhadap politik kurang tetapi mereka telah menjadi ahli kepada satu-satu pertubuhan politik. Jadual 3.3 menunjukkan bilangan ahli dalam sesebuah parti politik.

Jadual 3.3: Bilangan Ahli Dalam Parti-Parti Politik

Parti	Bilangan	Peratus
UMNO	16	53.3
MCA	6	20.0
PAS	4	13.3
GERAKAN	1	3.3
DAP	3	10.0
JUMLAH	30	100

Bagi mengatur sikap politik mereka, pengkaji telah menganalisa penyertaan golongan ini dalam politik kepartian sama ada penglibatan atau penyertaan itu secara aktif atau pasif.

Penyertaan yang aktif mempunyai tahap tertentu pula daripada keadaan formal dengan memegang jawatan rasmi sehinggalah kepada bentuk kegiatan aktif yang sederhana misalnya menjadi ahli parti politik yang biasa. Sementara itu penyertaan yang pasif boleh jadi dalam bentuk menjadi pengundi biasa sekali sekala sehinggalah tidak terlibat dengan apa kegiatan sekalipun, sedangkan mereka mempunyai kelayakan yang sewajar.<sup>8</sup>

Jadual 3.4: Peranan Responden Dalam Pertubuhan Politik

Jawatan	Bilangan	Peratus
Pengerusi/Presiden	0	0
Naib Pengerusi/Presiden	2	6.67
Setiausaha	4	13.33
Bendahari	4	13.33
Ahli Jawatankuasa	10	33.3
Ahli Biasa	10	33.3
JUMLAH	30	100

Daripada jadual di atas jelas menunjukkan tahap penyertaan politik golongan menengah adalah aktif atau positif. Ini kerana jawatan-jawatan itu menunjukkan golongan menengah juga mempunyai kewibawaan dalam mencorak parti politik yang disokong. Ia sekaligus menggambarkan peranan yang dimainkan dalam masyarakat setempat. Fenomena ini menunjukkan kelas menengah tidak sahaja melibatkan diri dalam aktiviti ekonomi tetapi juga dalam hal-hal yang

<sup>8</sup> Lihat juga buku Samuel P. Huntington and Joan Nelson, Political Participation in Developing Countries, Harvard University Press, Cambridge, 1976.

berhubung dengan kuasa dan kuatkuasa. Trend ini adalah trend politik masa kini yang mana golongan berpendidikan berlumba-lumba mencapai jawatan yang baik dalam politik. Salah seorang daripada 2 responden yang memegang jawatan Naib Pengerusi adalah Naib Pengerusi di peringkat Bahagian dan seorang lagi di peringkat Cawangan (Bahagian Pemuda UMNO). Penglibatan yang semakin serius ini kerana sikap mereka dan sikap pucuk pimpinan parti berkenaan yang memandang golongan ini boleh memainkan peranan penting dalam menggerakkan jentera parti. Daripada 30 orang responden itu, 4 (13.33%) orang responden pula memegang jawatan Setiausaha, 4 (13.33%) jawatan Bendahari dan lain-lainnya menjadi ahli biasa. Ahli biasa ini berkemungkinan akan terus memperjuangkan diri dalam usaha meningkatkan penglibatan mereka dalam politik dengan memegang jawatan-jawatan yang lebih penting.

Walaupun penglibatan golongan menengah dalam sesebuah parti politik adalah berguna untuk kemajuan parti itu. Namun jika sikap golongan ini melibatkan diri hanya untuk mencapai kepentingan diri, ia akan mewujudkan suasana politik tidak mantap bukan sahaja terhadap parti politik berkenaan tetapi juga terhadap negara dan masyarakatnya. Ini kerana matlamat untuk membela nasib rakyat tidak akan tercapai. Kebimbangan ini telah disuarakan oleh Haji Ibrahim Azmi<sup>9</sup> yang mengatakan bahawa semakin ramai cerdik pandai maka semakin banyak kesibukan

---

<sup>9</sup> Ahli Parlimen Kuala Nerus, lihat Watan 1hb. Oktober 1988, m.s. 4.

yang membawa kepada tergugatnya keamanan dan perpecahan masyarakat. Justeru itu sikap golongan menengah yang mempunyai minat yang tinggi terhadap politik boleh memberi kesan-kesan negatif dan positif.

### 3.3.2 Motif Penyertaan Politik

Motif penyertaan politik juga menggambarkan sikap golongan kelas menengah terhadap politik. Motif ini menggambarkan hasrat sebenar penglibatan mereka dalam aktiviti politik. Di mana politik tidak lagi menjadi aktiviti sampingan. Tanpa motif tertentu mereka seolah-olah tidak menaruh harapan kepada kuasa politik sebagai faktor yang boleh mengubah corak kehidupan mereka.

Jadual 3.5: Apakah Tujuan Anda Sertai Politik?

Motif	Bilangan	Peratus
Lebih Faham Tentang Politik	9	30
Untuk Mendapat Pengetahuan Yang Lebih Baik	5	16.6
Menjayai Politik	10	33.3
Mengisi Masa Lapang	4	13.3
Tidak Tahu	2	6.6
JUMLAH	30	100

Dari jadual itu jelas menunjukkan motif sebenar penyertaan golongan menengah dalam aktiviti politik. Dari 30 orang responden yang disoal selidik 10 (33.3%) orang daripadanya

mempunyai motif untuk menjayai parti politik yang disokong. Motif ini jelas menggambarkan penyertaan aktif mereka. Kebanyakan responden ini terdiri dari mereka yang memegang jawatan-jawatan penting dalam parti tersebut terutamanya parti UMNO. Penglibatan mereka dalam politik adalah secara langsung seperti menghadiri mesyuarat parti, berceramah atau lawatan bersama tokoh-tokoh politik.

Responden yang mempunyai motif hanya untuk mendapatkan kefahaman pula berjumlah 9 (30%) orang. Kefahaman di sini lebih menekankan kepada keinginan untuk mengetahui isu-isu semasa, dasar-dasar politik yang menjadi pertikaian antara parti pemerintah dan pembangkang. Isu-isu ini sama ada ianya politiking semata-mata atau memang benar boleh dijelaskan apabila mereka terlibat dalam aktiviti politik tersebut. Manakala responden yang menyertai politik hanya semata-mata mengisi masa lapang adalah tidak ramai iaitu 4 (13.3%) orang dan tanpa tujuan ialah 2 (6.6%) orang. Mereka tidak mempunyai motif tertentu dalam aktiviti politik, walaupun ia menyedari kepentingan yang boleh dicapai dari kegiatan tersebut. Tegasnya penglibatan yang ramai golongan menengah untuk menjayai politik bukan sahaja didorong untuk kejayaan organisasi politik berkenaan, bahkan dorongan itu lebih kuat datangnya dari kesedaran bahawa dengan kuasa politik mereka boleh mencapai status yang lebih baik. Bilamana mereka berjaya dalam politik, mereka akan mempunyai kuasa, kuasa itu pula menggambarkan nilai-nilai

keburukan, pendapatan dan keselamatan telah dicapai.<sup>10</sup>

### 3.4 Pandangan Terhadap Politik

Seperti mana sikap terhadap politik, pandangan politik juga dipengaruhi oleh pelbagai angkubah dalam kehidupannya. Kaum Cina dan Melayu mempunyai pandangan yang tersendiri terhadap aktiviti politik yang berlangsung di persekitaran mereka. Begitu juga pandangan penyokongan parti pemerintah dan pembangkang, masing-masing mempunyai pandangan tersendiri. Namun begitu apa yang paling penting untuk dianalisa di sini ialah pandangan dari sudut anggota kelas menengah sebagai salah satu kelas dalam klasifikasi sosial.

#### 3.4.1 Pandangan Umum Terhadap Parti Politik

Dalam pemerintahan demokrasi berparlimen seperti mana diamalkan di Malaysia, pilihanraya dan pengundian merupakan kaedah politik terpenting untuk menentukan kuasa atau kepimpinan politik umumnya. Melalui pilihanraya ini rakyat diberi mandat memilih Wakil Rakyat yang menganggotai sebuah parti politik. Sehubungan dengan itu adalah penting untuk menganalisa pandangan golongan menengah terhadap parti-parti politik sama ada ianya parti pemerintah atau pembangkang.

Bagi mendapat kefahaman yang lebih konkrit parti politik sebagaimana didefinisikan oleh Samuel J. Eldersveld

---

10

Bagaimana.

Siapa Mendapat Apa, Bila dan

ialah suatu kumpulan sosial dalam lingkungan masyarakat besar yang mempunyai sistem bermakna dan pola pergerakan. Kumpulan sosial ini berisi satu set individu yang menduduki peranan yang spesifik sebagai para pelaku bagi suatu kawasan yang dikenali sebagai unit sosial.<sup>11</sup>

Manakala Carl J. Friedrich pula mendefinisi parti politik sebagai:

"Sekelompok manusia yang berorganisasi secara stabil dengan tujuan untuk mendapatkan, merebut atau mempertahankan penguasaan mereka terhadap pemerintah. Melalui penguasaan ini akan dapat memberi anggotanya manfaat yang lebih bersifat idea atau material."<sup>12</sup>

Dari dua definisi yang dikemukakan di atas jelas menunjukkan parti politik ditubuhkan bagi mencapai matlamat kumpulan sosial yang diwakilinya. Matlamat ini semakin jelas bilamana sesebuah negara itu mencapai kemerdekaan.

Hasil dari dorongan tersebut dan kerana amalan demokrasi berparlimen membenarkannya. Maka wujudlah parti-parti politik yang mewakili pelbagai kaum, kepentingan dan kelas. Kelas

---

<sup>11</sup> Elderveld S.J., A Theory of the Politics Party dalam William E. Wright (ed.), Comparative Study of Party Organization.

<sup>12</sup> Carl J. Friedrich, Constitutional Government and Democracy, Theory and Practices in Europe and America, m.s. 419. Lihat juga Jacobson, G.A. and Lipman M.H., Political Sciences, Barnes and Nobles, Inc., N. York, 1985; Sorouf F.J., Political Parties in the American System, Little Brown and Co., Boston, Toronto, 1964.

menengah sebagai satu kumpulan dalam sesebuah masyarakat juga melibatkan diri dalam parti politik untuk mencapai pelbagai tujuan. Dari sumber soalselidik terdapat 5 buah parti politik yang menjadi pilihan mereka. Parti-parti tersebut ialah UMNO, PAS, DAP, MCA dan GERAKAN. Dari sumber soalselidik itu 16 orang responden menganggotai UMNO, 6 orang MCA, 4 orang PAS, 1 orang GERAKAN dan 3 orang DAP.

Kajian yang dijalankan menunjukkan UMNO menjadi pilihan utama golongan kelas menengah Melayu. Mereka berpendapat UMNO adalah parti yang memperjuangkan nasib bangsa Melayu dan parti yang mempunyai ideologi sederhana. Manakala kaum Cina pula kebanyakan menganggotai parti MCA. Apabila ditanya tentang kelemahan parti, pada umumnya majoriti kelas menengah mengatakan parti-parti politik yang wujud di Malaysia adalah parti perkauman iaitu ianya hanya berjuang untuk kepentingan kelompok bangsanya sahaja.

Jika dianalisa dengan lebih mendalam kelas menengah mempunyai pandangan yang berbeza-beza terhadap kelemahan parti-parti politik. Bagi parti UMNO kelemahan paling ketara mengikut pandangan mereka ialah perpecahan di kalangan pucuk pimpinan atau krisis dalaman. Kelemahan ini adalah akibat daripada wujudnya segelintir pemimpin yang mempunyai kepentingan diri. Mereka mahu menjadikan parti UMNO sebagai tapak asas untuk mendapat kekayaan dan status. Begitu juga dengan parti MCA menghadapi krisis kepimpinan seperti perebutan jawatan dalam

parti, politik wang dan pemimpin rasuah serta korupsi.

Kelemahan parti DAP, GERAKAN dan PAS pula adalah disebabkan semangat perkauman yang menebal dan fanatik. Mengikut pandangan mereka parti-parti ini seringkali membangkitkan dan mencipta isu-isu yang membakar semangat perkauman. Walaupun parti ini mendakwa ianya mewakili pelbagai kaum tetapi oleh perjuangannya bersifat perkauman. Parti PAS pula dikatakan terlalu ekstrim kepada agama Islam. Sikap fanatik ini menunjukkan kelemahan parti berkenaan. Lihat Jadual 3.6.

Jadual 3.6: Kenapa Parti Lain Tidak Sesuai Pada Pandangan Anda

Pandangan	Bilangan	Peratus
Semangat Perkauman	16	53.3
Memperjuangkan Untuk Orang Kaya	4	13.3
Ideologi Yang Keterlaluan	10	33.3
<b>JUMLAH</b>	<b>30</b>	<b>100</b>

Berdasarkan kepada jadual di atas, 16 (53.3%) orang responden tidak menyokong parti lain kerana semangat perkauman yang menebal. Manakala 10 (33.3%) orang responden tidak menyokong disebabkan ideologi parti berkenaan adalah keterlaluan. Pandangan ini menunjukkan kelas menengah sama ada kaum Melayu dan Cina membenci sikap perkauman yang dibawa oleh parti-parti politik. Pada pandangannya semangat perkauman tidak akan membawa kesejahteraan rakyat kerana akan wujud konflik yang berterusan dan dari

segi politik kestabilannya pasti akan terganggu. Hal ini akan membawa kepada kemerosotan ekonomi dan kemelaratan hidup rakyat.

Walau bagaimanapun pandangan ini sebenarnya bertentangan dengan sikap mereka yang menyokong parti-parti politik seperti UMNO, MCA dan DAP yang ternyata wujud ciri-ciri perkauman. Jika benar mereka tidak menyokong parti lain kerana semangat perkauman atau ideologi keterlaluan mengapakah mereka menjadi ahli parti-parti tersebut. Mungkinkah sokongan mereka terhadap parti UMNO, PAS atau MCA kerana kepentingan peribadi? Hal ini sukar dijawab jika hanya berdasarkan soalselidik kerana motif-motif tersebut seringkali dilindungi oleh dakwaan bahawa perjuangan mereka adalah untuk menjaga kebajikan bersama.

Seramai 4 (13.3%) responden pula tidak menyokong parti lain kerana ia memperjuangkan untuk orang kaya. Pandangan ini sukar ditaksirkan, cuma ia lahir dari responden yang menyokong parti pembangkang. Mungkin pandangan ini diluahkan bilamana mereka melihat parti UMNO yang sekarang telah dianggotai oleh mereka yang mempunyai kedudukan ekonomi yang teguh seperti ahli perniagaan, doktor dan golongan-golongan profesional lain.

Pandangan yang mengatakan parti politik yang mereka sokong mewakili kepentingan bangsa, agama dan kewangan adalah 10 orang (33.3%) dan yang menyokong kerana mewakili kepentingan bangsa sahaja berjumlah 9 orang (30%). Pandangan ini jelas menunjukkan matlamat mereka menyokong sesebuah parti politik

Jadual 3.7: Kenapakah Anda Rasa Parti Yang  
Anda Sokong Itu Patut Dipilih

Pandangan	Bilangan	Peratus
Ianya Mewakili Kepentingan Bangsa Anda	9	30
Ideologinya Sederhana dan Sesuai	9	16.6
Ianya Mewakili Semua Bangsa	6	20
Ianya Memperjuangkan Nasib Bangsa, Agama dan Kewangan	10	33.3
JUMLAH	30	100

adalah untuk memperjuangkan nasib bangsa sama ada mereka terdiri dari kaum Cina ataupun Melayu. Pandangan ini mengukuhkan lagi pandangan mereka terhadap kelemahan parti-parti politik iaitu perjuangan bercorak perkauman. Pandangan ini pada umumnya dilahirkan oleh penyokong parti UMNO kerana ia selaras dengan Nasionalisma Melayu selarasnya dengan matlamat UMNO itu sendiri. Walaupun MCA, GERAKAN dan DAP juga memperjuangkan bangsa Cina tetapi golongan kelas menengah Cina tidak menjadikan faktor itu sebagai alasan mengapa mereka menyokong parti tersebut. Sebaliknya mereka lebih menekankan kepada alasan parti itu mewakili semua bangsa, di mana seramai 6 orang (20%) responden memberi pandangan demikian. Alasan ini mungkin diberi kerana pengkaji adalah orang Melayu, jadi semangat perkauman itu cuba dilindungi.

3.4.2 Pandangan Terhadap Dasar Perjuangan Parti UMNO, MCA dan GERAKAN

Bagi mengukuhkan lagi tanggapan atau pandangan kelas menengah mengapa mereka tidak menyokong parti lain dan juga sebagai analisa pandangan mereka terhadap parti UMNO. Pengkaji telah mengemukakan soalan tentang perjuangan parti UMNO, MCA dan GERAKAN.

Jadual 3.8: Pada Pendapat Anda Adakah UMNO  
Memperjuangkan Kepentingan  
Orang Melayu

Jawapan	Bilangan Responden				Jumlah	
	Melayu	%	Cina	%		
Ya	19	95	10	100	29	96.6
Tidak	0	0	0	-	0	-
Tidak Pasti	1	5	0	-	1	5
JUMLAH	20	100	10		30	

Di sini pengkaji akan menganalisa pandangan terhadap parti UMNO terlebih dahulu. Jadual menunjukkan 29 (96.6%) responden bersetuju bahawa UMNO memperjuangkan kepentingan bangsa Melayu sahaja. Dari 29 (96.6%) responden itu, 10 (100%) orang daripadanya terdiri dari kaum Cina dan 19 (95%) kaum Melayu. Kenyataan ini jelas menunjukkan mengapa orang Cina tidak menyokong parti UMNO, lebih-lebih lagi Perlembagaan UMNO sendiri menghadkan ahlinya kepada bangsa Melayu sahaja.

Bilamana wujudnya parti-parti lain seperti MCA, GERAKAN dan DAP, trend ini terus menjadi amalan atau asas perjuangan mereka. Jadi pandangan kelas menengah adalah selari dengan asas perjuangan parti politik berkenaan. Lihat Jadual 3.9.

Jadual 3.9: Adakah Parti MCA atau GERAKAN  
Memperjuangkan Kepentingan  
Orang Cina

Jawapan	Bilangan Responden				Jumlah	
	Melayu	%	Cina	%		
Ya	20	100	5	50	25	83.3
Tidak	0	0	4	40	4	13.3
Tidak Pasti	0	0	1	10	1	3.3
JUMLAH	20	100	10	100	30	100

Aliran pemikiran dan pandangan kelas menengah tidak berbeza dengan pandangannya terhadap dasar perjuangan parti UMNO. Bagi mereka parti MCA juga adalah parti yang memperjuangkan kepentingan berasaskan kaum iaitu kaum Cina. Seramai 25 (83.3%) responden yang berpandangan demikian. Jadi jelaslah bahawa majoriti kelas menengah berpendapat parti-parti politik yang wujud di Malaysia dan di Kota Bharu khususnya adalah parti yang bercorak perkauman iaitu masing-masing memperjuangkan kepentingan bangsanya. Namun demikian apa yang menarik perhatian ialah penyokong-penyokong parti tersebut iaitu MCA dan GERAKAN seolah-olah cuba melindungi tujuan sebenar itu. Mereka masih mempertahankan

bahawa parti-parti itu adalah parti yang membela rakyat Malaysia keseluruhannya. Misalnya 4 (40%) responden Cina mengatakan MCA bukan sahaja memperjuangkan kepentingan orang Cina malah juga bangsa lain dan 1 (10%) responden tidak pasti.

### 3.5 Pandangan Terhadap Isu-Isu Politik

Pilihanraya merupakan ciri terpenting dalam negara yang mengamalkan demokrasi berparlimen. Bilamana pilihanraya hendak diadakan maka pihak-pihak yang terlibat di dalamnya baik yang berupa parti politik, individu yang menjadi calon perlu memikirkan banyak isu. Parti dan calon yang pernah berkuasa perlu mempertahankan kedudukan mereka dengan menimbulkan isu-isu tertentu yang boleh menjamin kuasa itu dapat dikekalkan atau diteruskan. Sementara pihak lawan iaitu calon atau parti yang ingin merebut kuasa pula perlu mencari dan menimbulkan persoalan yang boleh menjanjikan mereka mungkin merebut kuasa. Sementara pengundi-pengundi umumnya pula terdedah dan perlu memikirkan pula calon mana yang sesuai untuk dipilih bilamana masa mengundi tiba.

Sementara itu pula, golongan kelas menengah sama ada mereka itu menjadi ahli politik atau pengundi biasa juga tidak terkecuali dari isu-isu yang ditonjolkan oleh kedua-dua belah pihak. Pandangan atau persepsi mereka terhadap isu-isu tersebut akan dapat mengukur sejauhmanakah mereka menyokong atau menidakkan isu-isu itu dan sejauhmanakah isu tersebut mempengaruhi tingkahlaku mereka dalam arena politik kepartian di kawasan Kota Bharu dan Kelantan umumnya.

Bagi memudahkan penganalisaan, pengkaji telah membahagikan isu-isu tersebut dalam 3 kategori besar iaitu isu peringkat kebangsaan, peringkat kenegerian dan isu tempatan. Walaupun isu ini dibahagikan sedemikian rupa namun ketiga-tiganya akan dilihat dari perspektif golongan kelas menengah di kawasan Kota Bharu. Dalam soal selidik yang disediakan kebanyakan soalan-soalan yang terdapat adalah berkaitan dengan isu kebangsaan. Namun ianya relevan untuk dibincang di peringkat negeri. Bagi melihat pandangan isu peringkat tempatan dan negeri pengkaji telah membuat soalan sendiri secara lisan.

### 3.5.1 Isu Di Peringkat Kebangsaan

#### (a) Penerapan Nilai-Nilai Islam

Penerapan nilai-nilai Islam dalam dasar baru kerajaan adalah mempunyai maksud yang murni serta mulia. Tujuan sebenar kerajaan ialah untuk meningkatkan daya pengeluaran negara melalui sikap yang rajin, tekun, bersih, cekap dan amanah dalam urusan pentadbiran negara. Dasar ini tidak bermaksud untuk mengislamkan mereka yang bukan Islam. Ini merupakan tanggapan yang salah. Ianya juga bukanlah bertujuan untuk mengenakan paksaan terhadap peraturan dan undang-undang Islam kepada masyarakat bukan Islam di negara ini.<sup>13</sup> Namun begitu tujuan sebenar dasar ini mendapat reaksi yang berbeza-beza dari kalangan masyarakat Malaysia.

---

<sup>13</sup> Hasmah Ahmad, Dasar-Dasar Baru Kerajaan, Jabatan Penerangan Malaysia, Kementerian Penerangan. Dicitak oleh Utusan Printcorp Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 1986, m.s. 7.

Lebih-lebih lagi bilamana ia dijadikan isu politik. Maka dasar ini diberi gambaran yang berlawanan dengan apa yang dicita-citakan.

Bagi melihat tindakbalas atau reaksi itu, responden ditanya dengan beberapa soalan yang menyentuh perkara-perkara dasar dan amalan dalam pelaksanaan dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam di Malaysia.

Jadual 3.10: Apakah Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam Boleh Diterima

Jawapan	Bilangan Responden				Jumlah	
	Melayu	%	Cina	%		
Ya	14	70	5	50	19	63.3
Tidak	6	30	5	50	11	36.6
JUMLAH	20	100	10	100	30	100

Daripada sumber soalselidik itu ianya menunjukkan majoriti golongan kelas menengah Melayu menerima dasar-dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam, iaitu sebanyak 14 (70%) orang responden yang mengatakan demikian. Alasannya dasar-dasar penerapan ini boleh dijadikan benteng kepada nilai-nilai budaya asing yang cuba menghancurkan Islam dan umatnya. Ianya juga menggambarkan kerajaan mengambil berat Perlembagaan Malaysia Perkara 3 Fasal 1 yang menyatakan Islam sebagai Agama Rasmi Negara.<sup>14</sup> Walau bagaimanapun persoalan penting yang hangat

<sup>14</sup>Perlembagaan Persekutuan, Kuala Lumpur, 1983.

diperkatakan ialah kaedah dalam penerapan itu sama ada boleh diterima atau tidak.

Persoalan inilah yang menyebabkan terdapat seramai 6 (90%) orang responden Melayu tidak terima dasar penerapan itu. Responden ini kebanyakan dari parti PAS. Bagi mereka kerajaan tidak harus menerapkan nilai-nilai Islam kerana apa yang perlu dilakukan ialah melaksanakan dasar-dasar Islam secara menyeluruh baik dalam bidang politik, ekonomi dan sosial kerana itu adalah tanggungjawab orang Islam. Lebih-lebih lagi kepada pemimpin yang menerajui negara yang majoriti penduduknya Islam. Islam adalah agama yang sesuai untuk mentadbir segala cara kehidupan manusia. Oleh sebab percanggahan pandangan inilah golongan yang menyokong parti PAS mengatakan kerajaan hari ini cuba memisahkan antara politik dan agama.<sup>15</sup> Mereka juga tidak menerima dasar ini kerana mereka berpendapat kerajaan tidak berhasrat menjadikan dasar itu sebagai landasan untuk mewujudkan sebuah negara Islam yang tulen. Ucapan beberapa orang pemimpin kerajaan telah menguatkan lagi ketidakyakinan mereka kepada dasar penerapan nilai-nilai Islam yang dilaksanakan oleh kerajaan. Misalnya Tunku Abdul Rahman Putra Al Haj ada menyebut, "Malaysia tidak seharusnya dijadikan sebuah negara Islam.... Malaysia dibentuk sebagai sebuah negara sekular.... Malaysia terus menjadi negara sekular."<sup>16</sup> Jadi kita dapat lihat pertentangan pandangan antara

---

<sup>15</sup> Dewan Ulamak PAS Pusat, "Islam dan Politik", Harakah, Sept. 1980.

<sup>16</sup> The Star, 9 Februari 1984.

kelas menengah di Kota Bharu yang menyokong parti-parti politik yang berbeza.

Manakala 5 (50%) responden bukan Melayu yang tidak menyokong dasar penerapan nilai-nilai Islam itu kerana bimbang agama-agama lain akan tergugat. Alasan ini sebenarnya lahir dari pengetahuannya yang cetek terhadap Islam sebagaimana yang dapat dilihat semasa temubual dijalankan. Lagi pun Perlembagaan Persekutuan Bahagian Dua (2) Perkara 11 dan 12 telah menjamin hak kebebasan beragama.<sup>17</sup> Manakala 5 (50%) responden bukan Islam yang menerima dasar penerapan nilai-nilai Islam pula memberi alasan yang berbeza. Dasar itu boleh diterima selagi kebebasan agama lain terjamin. Kedua kerajaan juga harus memberi bantuan kepada perkembangan agama-agama lain di Malaysia. Jadi persetujuan mereka dilahirkan dengan beberapa syarat.

Rentetan dari soalan di atas responden juga ditanya pendapatnya terhadap usaha kerajaan dalam melaksanakan penerapan nilai-nilai Islam sama ada usaha itu dijalankan dengan bersungguh-sungguh atau untuk kepentingan tertentu sahaja.

Pada keseluruhannya responden menyatakan polisi penerapan nilai-nilai Islam bersungguh-sungguh di peringkat permulaan sahaja. Tiada usaha yang menyeluruh dan berterusan. Di mana jumlah responden yang berpandangan demikian ialah 7 (23.3%) orang. 4 (13.3%) orang responden pula menyatakan ahli-ahli politik dan pentadbir bersikap pasif terhadap dasar tersebut. Begitu juga

---

<sup>17</sup>Hasmah Ahmad, *op. cit.*, m.s. 9.

apabila ditanya tentang faktor kemerosotan pelaksanaan dasar penerapan nilai-nilai Islam. Kebanyakan (10 orang responden) menyatakan bahawa fahaman sekularisma yang masih kuat mengikut pemikiran ahli-ahli politik dan perancangan dasarlah yang menyebabkan keadaan itu terjadi. Bagi mereka Islam tidak boleh dicampuradukkan dengan fahaman lain kerana ia telah lengkap sebagai panduan hidup.

Jadual 3.11: Pada Pendapat Anda Adakah Kerajaan Bersungguh-Sungguh Melaksanakan Polisi Penerapan Nilai-Nilai Islam

Jawapan	Bilangan Responden	
a	7	(23.3%)
b	2	( 6.6%)
c	4	(13.3%)
d	1	( 3.3%)
e	7	(23.3%)
a + c	4	(13.3%)
a + d	5	(16.6%)
JUMLAH	30	100

Kod: a - Bersungguh-sungguh pada peringkat permulaan sahaja

b - Serius sehingga sekarang

c - Banyak ahli politik dan pentadbir bersikap pasif

d - Golongan bawahan sahaja semakin serius

e - Tidak pasti

Dasar ini pada pandangan mereka (Golongan Menengah) tidak harus dijadikan isu politik kerana ia akan menambahkan kebimbangan bukan Islam terhadap agama Islam. Ia juga menggambarkan tiada perpaduan di kalangan masyarakat Islam sendiri untuk menghayati Islam sebagai agama yang sempurna dan lengkap.

(b) Isu Dasar Bersih, Cekap dan Amanah

Kerajaan di bawah pucuk pimpinan sekarang telah menjanjikan sebuah pentadbiran yang bersih, cekap dan amanah. Janji ini dibuat kerana pemerintahan yang bersih, cekap dan amanah membolehkan negara mencapai kemajuan yang pesat, menjamin kebahagiaan rakyat melalui kelicinan pentadbiran yang sudah tentu dapat meningkatkan daya pengeluaran dan seterusnya menjadikan negara ini stabil, kukuh dan kuat.<sup>18</sup> Slogan ini seringkali diucapkan oleh pemimpin kerajaan supaya semua lapisan masyarakat sentiasa sedar akan tujuan itu. Namun demikian keberkesanan dasar ini sering dipersoalkan. Berbagai-bagai pendapat diluahkan sama ada ia benar-benar telah dijiwai atau diamalkan atau semata-mata slogan kosong sahaja. Sehubungan dengan persoalan ini pengkaji telah mendapatkan beberapa pandangan anggota kelas menengah.

---

<sup>18</sup> Hasmah Ahmad, op. cit., m.s. 4 - 6.

Jadual 3.12: Adakah Dasar Bersih, Cekap dan Amanah Berkesan Dalam Amalan Harian Pentadbiran Kerajaan

Jawapan	Bilangan Responden				Jumlah	
	Melayu	%	Cina	%		
a	3	15	1	10	4	(13.3%)
b	5	25	6	60	11	(36.6%)
c	6	30	1	10	7	(23.3%)
d	6	30	2	20	8	(26.6%)
JUMLAH	20	100	10	100	30	100

Kod: a - Tidak berkesan sama sekali

b - Berkesan di kalangan kakitangan bawahan sahaja

c - Berkesan di seluruh peringkat

d - Tidak pasti

Dalam masa temuduga dilakukan dasar bersih, cekap dan amanah telah mendapat perhatian yang serius. Ini kerana dasar ini melibatkan golongan kelas menengah secara langsung. Seramai 4 (13.3%) orang responden iaitu 3 (15%) Melayu dan 1 (10%) Cina menyatakan dasar ini tidak berkesan sama sekali. Mereka berpendapat tiada indeks yang menunjukkan keberkesanan dasar ini sejak ia dilancarkan. Bahkan sejak akhir-akhir ini dasar tersebut dipandang sepi sahaja. Manakala 11 (36.6%) orang responden berpendapat keberkesanan hanya di kalangan kakitangan bawahan sahaja dan tidak bergerak di semua peringkat. Bagi responden yang mengatakan mereka tidak pasti sama ada dasar ini berkesan atau tidak seramai

8 (26.6%) orang. Bagi mereka sukar untuk menilai sikap dan amalan ini kerana keberkesanan sesuatu dasar kerajaan banyak dipengaruhi oleh faktor lain seperti kesedaran, teknologi dan kadar upah.

Keraguan terhadap dasar bersih, cekap dan amanah ini bertambah nyata bilamana 10 orang responden bersetuju sekunder BMF adalah bukti tidak wujudnya BCA dalam pentadbiran kerajaan. 12 responden lagi mengatakan BCA hanya slogan kosong kerajaan sahaja.

(c) Isu Kepimpinan Melalui Teladan

Kepimpinan melalui teladan adalah suatu dasar yang dirangka bagi meningkatkan prestasi kerja di kalangan kakitangan kerajaan dan swasta.<sup>19</sup> Dengan mencontohi pemimpin yang berjaya, kerajaan berharap kebolehan kerja, kuantiti dan kualiti pengeluaran bertambah. Walaupun begitu dasar ini juga mempunyai matlamat-matlamat lain. Bagi isu ini kelas menengah di kawasan Kota Bharu diminta memberi pandangan tentang keberkesanannya di kalangan ahli-ahli politik, pentadbir dan kakitangan awam kerajaan.

Sehubungan dengan itu 18 (60%) orang responden memberi pandangan bahawa dasar ini hanya berkesan kepada segelintir kakitangan kerajaan sahaja. Ini disebabkan sukar untuk mencari pemimpin yang benar-benar boleh dicontohi, kebanyakan yang ada

---

<sup>19</sup> Hasmah Ahmad, op. cit., m.s. 43 - 44.

tidak berkebolehan untuk memimpin. Kelakuan dan peribadi menggambarkan ahli-ahli politik atau pentadbir tidak jujur dalam menjalankan tugas. Walaupun media massa terutama yang menyokongnya cuba membina imejnya dengan sempurna dan baik.

Tiada 'committed' kepada dasar-dasar kepimpinan Islam, tiada kesungguhan dari segi amalan dan dasar kepimpinan yang bercanggah dengan Islam merupakan alasan yang seringkali dijadikan rujukan kepada ketidakberkesanan itu. Bagi melihat pandangan dasar ini secara menyeluruh lihat Jadual 3.13.

Jadual 3.13: Dari Segi Amalan Adakah Dasar Kepimpinan Melalui Teladan Mendapat Respon Yang Baik Di Kalangan Ahli-Ahli Politik, Pentadbir Dan Kakitangan Awam Kerajaan

Jawapan	Bilangan Responden				Jumlah	
	Melayu	%	Cina	%		
a	2	10	2	20	4	(13.3%)
b	7	35	3	30	10	(33.3%)
c	5	25	3	36	8	(26.6%)
d	6	30	2	20	8	(26.6%)
JUMLAH	20	100	10	100	30	100

Kod: a - Tidak memberi apa-apa kesan di semua peringkat

b - Hanya memberi kesan kepada segelintir kakitangan kerajaan

c - Berkesan di semua peringkat

d - Berkesan di peringkat permulaan sahaja

### 3.5.2 Isu Di Peringkat Kenegerian

#### (a) Isu Kafir-Mengkafir

Isu dakwaan kafir-mengkafir ini dilaporkan terjadi secara meluas di negeri Kelantan, Terengganu dan Kedah di mana PAS dan UMNO bergerak aktif dan kuat. Masing-masing cuba mencari kekuatan dan pengaruh. Kejadian kafir-mengkafir ini disifatkan oleh sebuah risalah sebagai, "... tuduhan mengkafirkan sesuatu pihak.... seperti kerana berikat dengan orang kafir memerintah negeri, kafir kerana tidak menjalankan hukum Allah sepenuhnya, kafir kerana memisahkan agama dan politik."<sup>20</sup>

Sementara Dato Perwira Negara, Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama Terengganu menyebut kafir-mengkafir sebagai menuduh orang Islam lain kafir seperti tuduhan bahawa orang UMNO adalah murtad, tidak sah menjadi makmum kepada imam Barisan Nasional dan sebagainya.<sup>21</sup> Dalam kajian ini, pengkaji bukanlah berhasrat untuk membakar lagi isu ini tetapi cuba mendapat pandangan kelas menengah sama ada setuju atau tidak. Pendapat ini adalah hasil dari pengamatan mereka terhadap isu-isu semasa.

---

<sup>20</sup> Risalah Carilah Kebenaran, Fitnah Kafir-Mengkafir Sesama Islam, Jawatankuasa Kemajuan dan Penerangan Am, Terengganu, T.T.

<sup>21</sup> Berita Harian, 3 Mac 1982.

Jadual 3.14: Apakah Anda Setuju Isu Kafir-Mengkafir

Jawapan	Bilangan Responden				Jumlah	
	Melayu	%	Cina	%		
Ya	4	20	0	0	4	(13.3%)
Tidak	16	80	1	10	17	(56.6%)
Tidak Tahu	0	0	9	90	9	(30.0%)
JUMLAH	20	100	10	100	30	100

Kebanyakan responden Melayu tidak bersetuju dengan isu kafir-mengkafir. Seramai 16 (80%) responden Melayu menyatakan demikian. Pandangan ini dilahirkan kerana kesedaran bahawa isu ini adalah isu politik, pihak yang mempunyai kepentingan tertentu apabila isu ini dibangkitkan. Mereka juga tidak setuju dengan isu ini kerana adalah punca perpecahan umat Melayu. Sepatutnya pihak-pihak terlibat menyelesaikan masalah ini dengan cara berkompromi dan dengan rasa kesedaran Islam. Bersangkutan dengan hal ini, Prof. Syed Naguib berkata, "Masalah-masalah ini tampak menonjol kepada kita (yang disebabkan oleh proses sekularisasi) bersebab daripada pemakaian cara berfikir, menilai dan kepercayaan Barat."<sup>22</sup>

Seramai 4 (20%) orang responden yang bersetuju dengan isu ini pula, memberi alasan bahawa jika isu ini tidak ditonjolkan

---

<sup>22</sup>Syed Mohammad al-Naguib al-Attas, Preliminary Statement on a General Theory of the Islamization of the Malay-Indonesia Archipelago, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, m.s. 13.

maka pihak pemerintah tidak akan mengambil berat tentang pelaksanaan hukum Islam. Rakyat pula tidak akan peka terhadap tuntutan agama Islam. Ini akan membuka peluang kepada kemasukan pengaruh Kristian atau lain ajaran yang bertentang dengan Islam. Jadi menjadi tanggungjawab mereka menyedarkan hal ini. Mereka menyatakan demikian berdasarkan surah Al-Imrah Ayat 28 yang bermaksud, "Janganlah orang-orang yang beriman mengambil orang kafir menjadi pemimpin atau tema dengan meninggalkan orang yang beriman."

Bagi responden bukan Melayu pula mereka mengambil sikap tidak peduli dalam isu ini. Hal ini nyata bilamana seramai 9 (90%) responden menjawab tidak tahu. Pandangan ini mungkin kerana mereka tidak mahu campurtangan dalam urusan kaum lain atau ketidakfahaman mereka terhadap isu kafir-mengkafir.

### 3.5.3 Isu Di Peringkat Tempatan

Walaupun isu ini tidak relevan dibincangkan di sini, namun impeknya ke atas masyarakat adalah sangat besar. Malah ia boleh menggugat kestabilan dan keharmonian hidup bermasyarakat. Dalam soal selidik yang disediakan tiada soalan yang boleh dikelaskan sebagai isu di peringkat tempatan. Namun demikian pengkaji telah menggunakan beberapa persoalan tersebut berdasarkan pengetahuan sendiri. Di antara isu yang dibangkitkan ialah diskriminasi dalam layaran sosio-ekonomi terutama di kampung-kampung tertentu. Misalnya di kawasan ramai penyokong parti pembangkang pelaksanaan

pembangunan dibekukan, subsidi disekat, kemudahan prasarana ditangguh dan lain-lain.

Dalam hal ini kebanyakan responden berpendapat diskriminasi itu tidak wajar wujud. Rata-rata penduduk kampung adalah golongan yang berada di bawah paras kemiskinan dan majoritinya Melayu. Sekiranya diskriminasi ini wujud mereka akan terus mundur dan jurang pembangunan bandar dan luar bandar terus melebar. Seterusnya kegagalan untuk melihat kesejahteraan dan kemakmuran rakyat tanpa mengira etnik. Sebagaimana yang menjadi harapan pemimpin dan rakyat seluruhnya.

### 3.6 Kesimpulan

Dari kajian ini, dapatlah dirumuskan bahawa kelas menengah di Kota Bharu mempunyai tahap kesedaran yang tinggi terhadap aktiviti politik kepartian. Sikap dan pandangan mereka mencerminkan golongan ini juga mengambil perhatian yang berat terhadap isu-isu politik. Aktiviti ekonomi tidak menghalang mereka bergiat cergas, ini dapat dilihat dari penyertaan secara langsung sama ada menjadi pemimpin politik atau ahli biasa.

Kematangan berfikir ditonjolkan apabila mereka diminta memberi pandangan terhadap isu-isu politik. Mereka tidak dipengaruhi oleh media massa secara langsung tetapi pendidikan dan media massa sebenarnya telah mematangkan mereka dalam berhujah tentang politik. Bangkangan terhadap dasar-dasar kerajaan adalah sesuatu yang wajar kerana mereka melihat dari segi realiti.

Walau bagaimanapun terdapat sikap dan pandangan yang berbeza antara kelas menengah ini terutamanya antara golongan kelas menengah Melayu dan Cina. Perbezaan ini juga terdapat di kalangan penyokong parti pemerintah dan pembangkang. Sikap dan pendapat ini jika dianalisa dari sudut kelas menengah menggambarkan pemahaman mereka terhadap trend politik masa kini yang sentiasa berkonflik dan tidak puas hati terhadap sesuatu dasar sebelum ianya boleh diterima.

University of Malaya

## BAB IV

### PANDANGAN EKONOMI GOLONGAN KELAS MENENGAH - TUMPUAN KEPADA DASAR EKONOMI BARU (DEB)

#### 4.1 Pengenalan

Dalam Bab III telah diperkatakan tentang pandangan politik golongan kelas menengah. Golongan ini memperlihatkan tahap kesedaran politik yang tinggi. Namun demikian tahap kesedaran itu tidak mencerminkan kesatuan pendapat mereka. Kepelbagaian pandangan ini adalah suatu manifestasi, wujudnya elemen-elemen yang mempengaruhi pendapat itu. Bagi negara membangun seperti Malaysia pertentangan ini boleh mendatangkan masalah kepada pihak pemerintah jika ianya dipraktik atau dikelirukan secara terbuka.

Sama juga halnya dengan konsep pembangunan ekonomi negara, boleh membawa erti yang berlainan bagi sesetengah pihak. Tanggapan-tanggapan yang berlainan itu akan menyulitkan usaha negara untuk mencapai matlamat pembangunannya. Ia mewujudkan pula konflik perhubungan antara kumpulan, kaum dan kelas dalam sesuatu masyarakat tanggapan itu menjadi asas sikap dan kelakuan manusia serta menjadi segala punca tindakan.

Sehubungan dengan hal itu, dalam bab ini pengkaji akan menganalisis tanggapan atau pandangan golongan kelas menengah di Kota Bharu tentang konsep pembangunan ekonomi yang direncanakan oleh kerajaan. Pembangunan ekonomi yang dijadikan tumpuan di sini

ialah Dasar Ekonomi Baru (DEB). DEB diberi perhatian kerana dalam tempoh masa hampir 20 tahun (1977 - 1990) matlamatnya masih lagi berada di tahap tidak pasti. Sedangkan tenaga dan wang telah banyak dibelanjakan. Oleh itu apa yang perlu difikirkan ialah adakah semua lapisan masyarakat dari kelas dan kaum yang berlainan mempunyai tanggapan yang sama tentang matlamat pembangunan negara? Apakah perbezaan tanggapan terhadap pembangunan yang dirancang dahulu<sup>1</sup> masih tertanam kukuh di hati masing-masing dan menjadi penghalang kepada pencapaian ekonomi seterusnya, termasuk DEB?

#### 4.2 Tahap-Tahap Pembangunan Di Malaysia

Pada amnya, rancangan pembangunan di Malaysia boleh dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu:-

1. Dasawarsa 1950an yang sesuai dengan Rancangan Pembangunan Deraf (RPD) dan Rancangan Lima Tahun Pertama (R5T1), di mana kepentingan British menjadi pengaruh utama terhadap proses pembangunan zaman penjajah. Jangka masa ini dibentuk serta dilaksanakan di bawah pemerintahan British. Pengaruh British

---

<sup>1</sup> Orientasi pembangunan yang berasaskan kepada kepentingan penjajah dan kaum kapitalis. Di mana kepentingan tempatan telah diabaikan. Ini melahirkan rasa tidak puas hati di kalangan rakyat. Lihat Ozay Mahmet, "Pagar Makan Padi! Amanah, Kemiskinan dan Kekayaan dalam Pembangunan Malaysia di Bawah Dasar Ekonomi Baru". INSAN, 1986, m.s. 13 - 73.

tetap kuat menjelang tahun-tahun 1950an, selepas penyerahan kuasa rasmi dalam tahun 1957.

2. Dasawarsa 1960an yang berhubung dengan Rancangan Lima Tahun Kedua (R5T2) dan Rancangan Malaysia Pertama (RM1) adalah zaman lepas penjajahan, di mana kerajaan Malaysia memainkan peranan orang tengah antara kapitalis dengan pihak pemerintah malah peranan ini mencerminkan kuasa golongan yang menguasai parti Perikatan iaitu Pentadbir Malaya dan Pemodal Cina. Ini pula mempengaruhi strategi pembangunan pada tahun-tahun 1960an.
3. Pada tahun 1970 dapatlah disaksikan tumpuan kepada usaha menyusun semula harta ekonomi dengan menggalakkan pengumpulan modal pemodal Melayu dan membasmi kemiskinan di bawah Dasar Ekonomi Baru (DEB) dengan Rancangan Malaysia Kedua 1971-1977 (RM2), Rancangan Malaysia Ketiga 1976-1980 (RM3), Rancangan Malaysia Keempat 1981-1985 (RM4) dan seterusnya Rancangan Malaysia Kelima 1985-1990 (RM5).<sup>2</sup>

---

<sup>2</sup> Jomo K. Sundram dan Tan Kin Woon, "Sifat Pemerintah Malaysia dan Implikasinya Untuk Perancangan Pembangunan" dibentangkan dalam Persidangan Kebangsaan Pembangunan di Malaysia, Perencanaan, Perlaksanaan dan Prestasinya, 9 - 11, Disember 1984, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, m.s. 1 - 2.

Pembahagian perancangan pembangunan yang dialami oleh Malaysia penting diutarakan di sini kerana pengkaji berharap ianya dapat memberi kefahaman yang lebih jelas akan kelahiran Dasar Ekonomi Baru. Program-program pembangunan ini mencerminkan kesungguhan kerajaan untuk membentuk sebuah negara yang harmonis. Jadi pandangan golongan kelas menengah wajar dianalisa bagi melihat sikap mereka terhadap program itu terutama Dasar Ekonomi Baru yang hampir tamat tempohnya.

#### 4.3 Sejarah Kelahiran Dasar Ekonomi Baru

Strategi pembangunan negara sebelum tahun-tahun tujuh puluhan mementingkan pertumbuhan ekonomi melalui pelaburan di dalam bidang infrastruktur, pertanian dan pembangunan luar bandar. Ketidakseimbangan di dalam arena ekonomi dan sosial yang lahir daripada strategi pembangunan pada masa itu melahirkan polarisasi politik yang mengancam keutuhan negara.<sup>3</sup>

Gambaran ketidakseimbangan ekonomi itu diperlihatkan dari pendapatan bulanan purata sebelum Dasar Ekonomi Baru. Dalam tahun 1970 pendapatan bulanan tiga kaum di Malaysia ialah orang Melayu pendapatannya bulanan ialah \$172.00, kaum Cina \$394.00 dan India \$304.00. Lain-lain 50% daripada isirumah Melayu pula mendapat pendapatan bulanan kurang dari \$100.00.<sup>4</sup>

---

<sup>3</sup> Sukor Kasim, "Jarak Dasar Ekonomi Baru dan Pertanian Nasional" dibentangkan dalam Persidangan Kebangsaan Pembangunan di Malaysia: Perencanaan, Perlaksanaan dan Prestasinya, 9 - 11 Disember 1984, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, m.s. 2.

<sup>4</sup> Malaysia Rancangan Malaysia Malaysia Kedua 1971-1975, Jabatan Cetak Kerajaan, Kuala Lumpur, 1974.

Akibat ketidakseimbangan ini, ia menimbulkan kegelisahan di kalangan kaum tertentu terutama yang miskin untuk mengatasinya. Kerajaan telah melaksanakan beberapa program pembangunan. Bilamana strategi pembangunan dijalankan pelbagai tanggapan telah diertikan oleh kaum tertentu sehingga tercetusnya peristiwa 13 Mei 1969 yang menggambarkan rasa tidak puas hati kaum di Malaysia terhadap pendapat itu, walaupun motif politik yang lebih ditonjolkan. Peristiwa 13 Mei 1969 telah menyebabkan kerajaan terpaksa menilai semula kedudukan perimbangan ekonomi antara kaum di Malaysia dan kerajaan mendapati bahawa jurang perbezaan ekonomi antara kaum itu terlalu besar. Oleh itu strategi-strategi baru perlu bagi mengatasi masalah itu. Hasil dari penilaian ini lahirlah Dasar Ekonomi Baru yang dirangkanya telah diumumkan oleh YAB Tun Abdul Razak secara sistematik pada 23hb. Januari 1971, di Perhimpunan Agung UMNO yang ke-22 di Kuala Lumpur.<sup>5</sup> Rancangan Dasar Ekonomi Baru ini dapat dinyatakan menerusi sedutan ucapan YAB Tun Abdul Razak dalam Perhimpunan Agung tersebut. Ucapan beliau ialah:

"Tidak lama dulu, saya telahpun mengisytiharkan Dasar Ekonomi Baru yang bertujuan untuk memperbaiki kedudukan ekonomi negara yang tidak seimbang. Kerajaan telahpun melaksanakan beberapa rancangan baru bagi memperhebatkan lagi pembangunan pertanian dan perusahaan di samping memberi peluang yang lebih besar dan berkesan kepada mereka yang tidak mendapat peluang dalam bidang perindustrian dan perusahaan. Kesimpulannya Dasar Ekonomi Baru ini akan dilancarkan dengan rasminya di bawah Rancangan Malaysia Kedua dan seterusnya..."<sup>6</sup>

---

<sup>5</sup> Akmal, "Dasar Ekonomi Baru Negara". Dewan Masyarakat, 15 Mei 1971, m.s. 2.

<sup>6</sup> Akmal, Ibid., m.s. 4.

#### 4.4 Harapan Dasar Ekonomi Baru (DEB)

Dengan berasaskan kepada 'National Unity' perpaduan nasional, strategi pembangunan negara sekarang memasuki peringkat ketiga (semasa) di dalam spektrum pembangunan. Era ini hampir tamat di mana DEB menjadi titik tolak pandangan pembangunan dalam tahap ini. Bagi menganalisa persepsi golongan kelas menengah kita lihat dahulu harapan yang dibebankan ke atas DEB. DEB pada asasnya mempunyai dua matlamat utama iaitu:

1. Mengurangkan dan akhirnya membasmi kemiskinan melalui peningkatan pendapatan dan juga penambahan peluang pekerja bagi semua warganegara Malaysia tanpa mengira kaum.
2. Mencepatkan lagi proses penyusunan semula masyarakat Malaysia untuk membetulkan ketidakseimbangan ekonomi yang ada supaya mengurangkan serta menghapuskan pembahagian kerja mengikut kaum.<sup>7</sup>

Lebih khusus lagi, dengan matlamat penyusunan semula masyarakat, dijangka bumiputera akan menguasai 30%<sup>8</sup> dari pemilik saham menjelang tahun 1990. DEB juga tidak mementingkan soal-soal kemajuan ekonomi semata-mata tetapi meliputi perubahan

---

<sup>7</sup> Malaysia: Rancangan Malaysia Kedua 1971 - 1975, Percetakan Kerajaan, Kuala Lumpur, m.s. 1

<sup>8</sup> Matlamat ini terdapat dalam setiap laporan Rancangan Malaysia (RM2, RM3, RM4 dan RM5).

masyarakat seluruhnya dalam semua aspek kehidupan. Di sepanjang misi perlaksanaannya ia telah membangkitkan reaksi yang berbeza di kalangan pelbagai kelas, kumpulan dan etnik. Emosi negatif dan positif seringkali dijadikan isu. Namun bagi pihak pemerintah ia lebih memamatkan lagi strategi pembangunan yang akan direncana untuk masa depan.

#### 4.5 Pandangan Responden Terhadap Pencapaian Matlamat Dasar Ekonomi Baru

##### 4.5.1 Matlamat Ekonomi

Responden telah diminta mengemukakan pandangan mereka berhubung dengan pencapaian matlamat DEB. Sama ada DEB telah mencapai matlamat atau tidak dan sama ada memenuhi kehendak golongan sasaran atau sebaliknya.

Sebagaimana dalam Jadual 4.1, seramai 14 (70%) orang responden Melayu bersetuju DEB boleh memperbaiki ekonomi orang Melayu. Sebilangan besar responden mengatakan peluang-peluang yang disediakan oleh kerajaan sama ada melalui agensi amanah seperti ASN, MARA dan lain-lain telah menyediakan banyak ruang untuk orang Melayu berhijrah dari belunggu ekonomi tradisi yang rendah mobilisasi ekonomi. Latihan dan kuota yang disediakan menyediakan asas yang kukuh untuk orang Melayu bergerak ke depan. Bahkan kaum lain juga berpeluang untuk memperbaiki corak hidup mereka.

Bilangan responden Melayu yang tidak yakin dengan DEB dalam usaha memperbaiki ekonomi masyarakat ialah 6 (30%) orang. Bagi mereka, pencapaian matlamat untuk membasmi kemiskinan golongan sasaran (kaum yang miskin) adalah gagal. DEB adalah lanjutan daripada sistem kapitalis. Oleh itu programnya hanya menguntungkan golongan yang sudah maju dari segi ekonomi dan mempunyai modal yang besar.

Jadual 4.1: Pada Pandangan Anda Apakah DEB Boleh Memperbaiki Keadaan Berikut Bagi Orang Melayu

Ekonomi

Jawapan	Bilangan Responden				Jumlah	
	Melayu	%	Cina	%		
Ya	14	70	7	70	21	(70%)
Tidak	6	30	3	30	9	(30%)
<b>JUMLAH</b>	<b>20</b>	<b>100</b>	<b>10</b>	<b>100</b>	<b>30</b>	<b>(100%)</b>

Dari segi kaum, 7 (70%) orang responden Cina telah menyatakan keyakinannya kepada matlamat DEB dalam usaha memperbaiki ekonomi orang Melayu. Penglibatan kerajaan sama ada secara langsung atau tidak adalah alasan yang paling banyak diberi oleh mereka. Penglibatan pihak pemerintah adalah jaminan kepada orang Melayu bahawa potensinya untuk maju dan berjaya akan dilaksanakan. Salah seorang dari 3 (30%) responden Cina yang mengatakan DEB tidak berjaya memperbaiki nasib orang Melayu memberi alasan

tersendiri. Alasannya jika matlamat-matlamat DEB itu dicampur-adukkan dengan kepentingan-kepentingan politik maka golongan miskin akan terus terabai.

Matlamat yang lebih khusus dari program DEB ialah pencapaian 30% ekonomi oleh Bumiputera menjelang tahun 1990. Bumiputera mempunyai 2 tahun lagi untuk melaksanakan tugas itu. Bolehkan Bumiputera berjaya mencapai 30% itu? Persoalan ini sering diperkatakan. Bagi kelas menengah mereka mempunyai pandangan tersendiri terhadap polisi DEB.

Jadual 4.2: Bolehkah Bumiputera Menguasai 30%  
Daripada Kegiatan Ekonomi Di  
Malaysia Menjelang Tahun 1990

Jawapan	Bilangan Responden				Jumlah	
	Melayu	%	Cina	%		
Ya	4	20	6	60	10	(33.3%)
Tidak	7	35	1	10	8	(26.6%)
Tidak Pasti	9	45	3	30	12	(40%)
JUMLAH	20	100	10	100	30	100

Bilangan responden Cina yang bersetuju bahawa Bumiputera boleh kuasai 30% dari kegiatan ekonomi negara ialah 6 (60%) orang. Angka ini melebihi daripada pandangan kelas Melayu sendiri iaitu hanya 4 (20%) orang sahaja. Apakah yang menyebabkan keyakinan mereka itu? Bilamana ditanya tentangnya kebanyakan responden Cina mengatakan dengan menyediakan kuota-kuota khas bagi orang

Melayu dan campurtangan kerajaan secara langsung sudah pastilah 30% itu dapat dicapai.

Sementara itu, sebanyak 12 orang responden memberi jawapan tidak pasti sama ada Bumiputera boleh menguasai 30% daripada kegiatan ekonomi negara pada tahun 1990. Jika mengikut komposisi etnik 9 (45%) orang responden Melayu dan 3 (30%) responden Cina yang berkata demikian. Kebanyakan responden ini tidak mengetahui peratus penguasaan ekonomi Bumiputera sekarang (1988 - semasa kajian) oleh itu prospeknya tidak dapat dijangkakan. Namun begitu setengahnya berpendapat jika pertambahan ekonomi dunia pulih kemungkinan 30% itu boleh dicapai.

#### 4.5.2 Perpaduan Kebangsaan

Bagi mencapai matlamat perpaduan kebangsaan rata-rata responden meragui atau tidak yakin dengan DEB. Sebenarnya ukuran perpaduan itu sendiri tidak jelas. Apakah indeks bagi mengatakan perpaduan nasional itu sudah wujud atau tidak. Adakah dengan tiadanya rusuhan, konflik atau pemberontakan itu menunjukkan wujudnya perpaduan? Apa yang jelas ialah perpaduan kaum di Malaysia belum lagi teruji kecuali peristiwa 13 Mei 1969. Walau apapun persoalan yang timbul, pengkaji akan menganalisa pandangan kelas menengah berhubungan dengan perpaduan nasional.

Jadual 4.3: Perpaduan Nasional

Jawapan	Bilangan Responden				Jumlah	
	Melayu	%	Cina	%		
Ya	2	10	3	30	5	(16.6%)
Tidak	18	90	7	70	25	(83.3%)
JUMLAH	20	100	10	100	30	(100%)

Dari jadual di atas, 18 (90%) orang responden Melayu dan 7 (70%) responden Cina berpendapat DEB tidak berjaya mencapai matlamat perpaduan kebangsaan. Bagi responden Melayu kegagalan ini disebabkan DEB telah disalahanggap oleh kaum bukan Bumiputera. Bagi kaum bukan Bumiputera DEB adalah dasar untuk orang Melayu. Oleh itu timbul rasa tidak puas hati di kalangan mereka terutama bilamana ia menganggap dasar ini telah mendiskriminasi hak-hak mereka. Selain daripada dasar tersebut kegagalan DEB untuk mewujudkan perpaduan nasional juga disebabkan kepentingan politik telah meresap dalam pelaksanaan dasar DEB. Kenyataan ini telah disokong oleh beberapa ahli sains sosial yang berkata, "Rancangan-rancangan ekonomi Malaysia selalunya berunsur politik serta ekonomi."<sup>9</sup>

Manakala 2 (10%) orang responden Melayu menyatakan pendapat mereka bahawa DEB boleh memperbaiki perpaduan nasional.

---

<sup>9</sup>Rudner, M., The Political Economy of Planning in Analysis: Goals, Policies and Role Expansion, 1975.

Pandangan ini dilahirkan memandangkan DEB dapat mengurangkan kemiskinan di kalangan semua kaum. Oleh itu rasa tidak puas hati atau cemburu terhadap kaum lain atau kelas yang berjaya dapat dibanding. Apabila pihak pemerintah berjaya memperbaiki keadaan hidup mereka maka kegelisahan kaum juga semakin berkurangan. Hal ini turut dipersetujui oleh 3 (30%) orang responden Cina yang mengatakan kemakmuran ekonomi yang dikecapi sekarang adalah penentu kepada kejayaan perpaduan nasional sebagaimana yang menjadi harapan pihak pemerintah.

#### 4.6 Dasar Ekonomi Baru Implikasinya Ke Atas Perubahan Bentuk Masyarakat Melayu

##### 4.6.1 Di Bandar

Sejak DEB menjadi Rancangan Nasional 1970, pertambahan penduduk Melayu di bandar terus meningkat. Pihak pemerintah pada peringkat awalnya menggalakkan perhijrahan orang Melayu dari luar bandar ke bandar untuk memperbaiki taraf hidup dan kedudukan ekonomi mereka, kerana di bandar adalah pusat pembangunan ekonomi. Pertambahan penduduk di kawasan bandar di Malaysia dari tahun 1981 - 1985 ialah 4.1% setahun. Pertambahan orang Melayu ini telah mengubah komposisi etnik di bandar. Dalam tahun 1980 orang Melayu di bandar ialah 37.4%, orang Cina 50.4%, India 11.3% dan lain 0.8%. Pada tahun 1985 pertambahan orang Melayu terus meningkat menjadi 40.5%, Cina 47.9%, India 10.9% dan lain 0.6%.<sup>10</sup>

---

<sup>10</sup> Sanusi Osman, "Dasar Ekonomi Baru dan Pencapaian Orang Melayu di Kota" dibentangkan dalam Persidangan Kebangsaan Pembangunan di Malaysia: Perencanaan, Perlaksanaan dan Prestasinya, 9-11 Disember 1984, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, m.s.1-2.

Sesungguhnya pertambahan ini telah mengubah corak kehidupan masyarakat di bandar dan luar bandar. Jadi DEB mempunyai implikasi tertentu yang dapat dilihat dari pelbagai segi.

Persoalan ini sebenarnya dapat dikesan dari kelas menengah itu sendiri, kerana merekalah yang banyak menariki faedah dari DEB. Walau bagaimanapun di sini pengkaji akan menganalisa pandangan kelas menengah tentang peranan DEB dalam mengubah corak hidup masyarakat di bandar terutama bagi golongan imigran luar bandar.

Jadual 4.4: Adakah DEB Memberi Kesan Ke Atas Perubahan Bentuk Kehidupan Masyarakat Melayu Di Bandar?

Jawapan	Bilangan Responden			
	Melayu	%	Cina	%
Amat Berkesan	8	40	4	40
Berkesan Sedikit Sahaja	6	50	4	40
Tidak Memberi Apa-Apa Kesan	2	10	0	0
Tidak Pasti	4	20	2	20
JUMLAH	20	100	10	100

Mengikut pandangan golongan kelas menengah Melayu pelaksanaan DEB, amat berkesan mengubah corak kehidupan masyarakat Melayu di bandar. Di sini 8 (40%) orang responden mengatakan demikian. Masyarakat Melayu bandar sama ada golongan penghijrah

atau penakluki asal telah mengalami perubahan dari segi sosio-ekonomi.

Keputusan dari analisa ini telah disokong oleh Sanusi Osman<sup>11</sup> dalam kajiannya Dasar Ekonomi Baru dan pencapaian orang Melayu di Kota. Mengikut beliau perubahan corak kehidupan dapat dilihat dari segi sikap orang Melayu yang lebih optimistik dalam mengajar kehidupan yang lebih baik. Ini ditambah lagi dengan janji pihak kerajaan untuk membantu dan memperbaiki kedudukan sosio-ekonomi orang Melayu. Dari segi status dan prestij pula didapati dari perubahan kawasan tempat tinggal, saiz dan jenis rumah, alat perabot dan kelengkapan rumah, jenis kenderaan, cara habiskan masa lapang dan sebagainya. Mereka juga lebih utamakan cara hidup di bandar.

Dari kajian ini apa yang ganjil ialah terdapat 2 (10%) orang responden Melayu yang mengatakan DEB tidak membawa perubahan radikal ke atas kehidupan orang Melayu di bandar. Pandangan ini menunjukkan keraguan mereka terhadap kemampuan program DEB. Sama ada DEB berjaya atau tidak membawa perubahan, apa yang lebih penting ialah arah mana perubahan itu berlaku, iaitu ia menguntungkan orang Melayu atau tidak.

#### 4.6.2 Di Luar Bandar

Pada hakikatnya, Perencanaan DEB sangat ketara di kawasan luar bandar kerana di kawasan inilah majoriti golongan

---

<sup>11</sup>Sanusi Osman, Ibid., m.s. 14.

sasaran tinggal. Kebanyakan penduduknya berada di bawah garis kemiskinan<sup>12</sup> dan ketinggalan di setiap bidang berbanding dengan masyarakat di bandar. Jadi apakah program-program pembangunan yang dilaksana di bawah kerangka DEB itu berjaya mengubah corak kehidupan masyarakatnya. Analisa data di bawah akan cuba memberi gambaran pandangan kelas menengah berhubung dengan persoalan tersebut.

Jadual 4.5: Adakah DEB Memberi Kesan Ke Atas Perubahan Bentuk Kehidupan Masyarakat Melayu Di Luar Bandar

Jawapan	Bilangan Responden				Jumlah
	Melayu	%	Cina	%	
Amat Berkesan	5	25	6	60	11(36.6%)
Berkesan Sedikit Sahaja	10	50	2	20	12(40%)
Tidak Memberi Apa-Apa Kesan	0	0	0	0	0( 0 )
Tidak Pasti	5	25	2	20	7(23.3%)
JUMLAH	20	100	10	100	30(100)

<sup>1</sup>Garis Kemiskinan Mengikut Indeks Ekonomi 1982 ialah \$322.30 sebulan. Malaysia, Rancangan Malaysia Keempat 1981 - 1985. Jabatan Cetak Kerajaan, Kuala Lumpur. Kemiskinan didefinisikan sebagai "Social Inequality stands as the main cause of economic inequality, while at the same time economic inequality supports social equality, social and economic inequality stand as the main cause of poverty of the nation..." Mydral Gunnar, The Challenge of World Poverty: A World Anti-Poverty Programme in Outline, N. York, Vintage Book, m.s. 56 - 57.

Dari data-data itu jelaslah DEB telah memainkan peranan penting merubah struktur kehidupan masyarakat di luar bandar. Cuma darjah keberkesanannya adalah berlainan. Bagi kelas menengah Melayu 10 (50%) orang daripadanya menyatakan DEB hanya memberi kesan sedikit sahaja dan 2 (20%) responden Cina sependapat dalam hal ini. Manakala yang mengatakan DEB amat berkesan ialah 5 (25%) responden Melayu dan 6 (60%) orang Cina. Data ini juga menunjukkan 5 (25%) orang responden Melayu dan 2 (20%) responden Cina memberi jawapan tidak pasti. Adakah mereka ini tidak peka kepada persekitaran hidup mereka atau tinggal jauh dari kawasan luar bandar yang menyebabkan mereka tidak dapat menilai pencapaian DEB di luar bandar atau sengaja tidak mahu melibatkan diri dalam persoalan ini?

Rumusan dari data tersebut menunjukkan DEB telah membawa perubahan yang besar ke atas corak hidup masyarakat Melayu di bandar dan luar bandar bahkan masyarakat Malaysia seluruhnya. Hakikat ini telah disedari oleh golongan kelas menengah dan ia memang dikehendaki oleh perancangan dasar. Namun apa yang lebih penting ialah arah mana perubahan yang dibarui oleh DEB, adakah unsur pembangunan ekonomi yang positif telah melebihi kesan-kesan negatifnya. Pada pendapat pengkaji DEB tidak membawa perubahan radikal yang positif kepada masyarakat seluruhnya. Hanya segelintir sahaja yang menikmati erti pembangunan itu. Jadi sampailah masanya pihak pemerintah mengkaji dan merubah kembali strategi DEB. DEB sebenarnya mempunyai matlamat yang ideal. Oleh itu patut

diteruskan dalam bentuk dan kerangka yang berlainan agar matlamatnya sampai kepada golongan sasaran.

#### 4.6.3 Kelahiran Kelas Baru

Penyusunan semula masyarakat di bawah DEB mengandungi dua aspek yang penting. Pertama untuk mencapai imbangan etnik dalam pekerjaan dan kedua menambah bahagian Bumiputera dalam penguasaan kekayaan negara. Sejauhmanakah penambahan bahagian Bumiputera dalam penguasaan kekayaan negara itu melambangkan kemakmuran dan kesejahteraan ekonomi umat Melayu? Pelbagai pendapat diutarakan ada yang mengatakan aspek kedua itu hanya berjaya melahirkan segelintir kelas baru dalam satu kelompok masyarakat Melayu sahaja iaitu melahirkan orang kaya baru.

Kenyataan-kenyataan itu seringkali diperkatakan oleh penganalisa DEB. Dalam hal ini golongan kelas menengah diminta mengambil pandangan mereka berhubungan dengan dakwaan DEB hanya melahirkan orang kaya baru, untuk analisa lebih jelas lihat Jadual 4.6.

Kajian ini menunjukkan 5 (25%) responden Melayu dan 7 (70%) responden Cina setuju dengan dakwaan bahawa DEB hanya melahirkan segolongan orang kaya baru. Di antara alasan mereka ialah orang kaya baru itu sebenarnya adalah individu yang sudah mempunyai kedudukan ekonomi yang teguh seperti mempunyai modal dan pengaruh. Bilamana DEB diperkenalkan mereka inilah yang paling berjaya merebut dan memanfaatkan peluang yang ada dan

terus meningkatkan mobiliti ekonominya jadi orang kaya baru ini bukanlah lahir dari golongan yang benar-benar miskin. Sementara yang miskin terus berada dalam purata kemiskinan. Tanda-tanda kegelisahan dan frustrasi sebilangan besar golongan miskin ini telah nampak jelas bilamana berlakunya demonstrasi petani di Baling - Sik Kedah dan gerakan anti-kerajaan.

Jadual 4.6: Adakah Benar Dakwaan Dari Setengah Kalangan Masyarakat DEB Hanya Berjaya Melahirkan Orang Kaya Baru Dalam Satu Kelompok Masyarakat Melayu?

Jawapan	Bilangan Responden				Jumlah
	Melayu	%	Cina	%	
Benar	5	25	7	70	12 (40%)
Tidak Benar	7	35	2	20	9 (30%)
Mungkin Benar	7	35	1	10	8 (26.6%)
Tidak Pasti	1	5	0	0	1 ( 3.3%)
<b>JUMLAH</b>	<b>20</b>	<b>100</b>	<b>10</b>	<b>100</b>	<b>30 (100%)</b>

Bagi 7 (35%) responden Melayu dan 2 (20%) responden Cina pula menyangkal polisi DEB yang menyebabkan kelahiran orang kaya baru. Kewujudan golongan ini sebenarnya disebabkan kebolehan individu mengeksploitasi sumber-sumber pengeluaran yang sedia ada pandangan yang berbeza-beza ini menyalurkan pengkaji untuk membuat satu rumusan yang tepat. Lebih-lebih lagi bilamana terdapat 8 (26.6%) responden yang mengatakan fenomena ini mungkin benar wujud. Di sini menunjukkan responden tidak mendapat bukti

#### 4.7 Dasar Ekonomi Baru Dari Perspektif Islam

Setelah menilai DEB ternyata pencapaian matlamatnya masih jauh, walaupun lebih kurang 20 tahun ianya menjadi laungan nasional. Secara tidak terduga banyak masalah yang serius timbul darinya perpaduan nasional yang diharapkan, polarisasi kaum yang muncul, pengagihan kekayaan yang dicita-citakan, ruang sosio-ekonomi yang timbul. Tetapi, tidak dapat dinafikan bahawa DEB telah mendatangkan banyak faedah untuk kesejahteraan rakyat. Masalah-masalah itu dihantui pula oleh jumlah hutang negara yang bertambah, imbalan perdagangan yang buruk dan kadar pergantungan ekonomi yang tidak berubah serta kemelesetan ekonomi dunia yang berpanjangan. Dari gambaran ini timbul persoalan iaitu apakah DEB tidak kebal atau tahan lasak menghadapi cabaran menghalang dari dalam dan luar. Atau, apakah ia perlu satu perubahan dari segi Perlaksanaan Dasar atau sekurang-kurangnya pengubahsuaian di segmen yang lemah. Persoalan ini perlu difikirkan kerana DEB mesti diteruskan untuk masa depan generasi akan datang. Semoga perubahan itu tidak menjadi cemuhan generasinya.

Pendekatan yang perlu diambilkira jika perubahan struktural itu hendak dilakukan ialah Dasar Ekonomi Islam. Dasar-dasar Islam ini diharapkan dapat mengubah masa depan negara yang tidak begitu cerah. Tapi, apakah ia boleh diterima dan diterapkan dalam Dasar Ekonomi Baru. Pengkaji akan analisa pandangan golongan kelas menengah dalam hal ini.

Jadual 4.7: (Bagi Responden Islam) Adakah DEB Boleh Dijustifikasikan Dari Perspektif Islam?

Jawapan	Bil. Responden
Tidak Dapat Dijustifikasikan Dari Sudut Islam	0 ( 0 )
Boleh Dijustifikasikan Dengan Beberapa Syarat	16 (80%)
Tidak Timbul Persoalan Justifikasi	4 (20%)
JUMLAH	20 (100%)

Keseluruhan responden bersetuju bahawa DEB boleh dijustifikasikan dari perspektif Islam dengan beberapa syarat. Di mana 16 responden menyatakan demikian. Malah ada sebilangan responden tidak ragu-ragu lagi menyatakan Islamlah dasar yang paling tepat dan terbaik untuk menyelesaikan kemelesetan ekonomi yang dihadapi oleh negara masa lain. Syaratnya perlaksanaan dasar Islam mestilah dijalankan dengan sepenuhnya tanpa keraguan.

Dari 20 responden Melayu yang disoal selidik, 4 orang darinya menyatakan soal justifikasi dari perspektif Islam tidak timbul. Kenyataan ini mungkin kerana mereka melihat kegagalan DEB mencapai matlamat bukan disebabkan strateginya tetapi pegawai-pegawai yang diamanah untuk melaksanakan strategi itu. Tiada seorang pun responden yang mengatakan DEB tidak boleh dijustifikasikan dari sudut Islam. Majoritinya menerima Islam sebagai dasar terbaik. Walau bagaimanapun pengkaji tidak

menganalisa pendapat bukan Melayu dalam soal ini kerana DEB itu sendiri adalah sensitif bagi mereka.

Bagi responden yang setuju dengan pendekatan Islam, mereka juga memberi alasan bahawa Islam akan dapat menyelesaikan masalah perpaduan kaum sebagaimana yang ingin dicapai oleh DEB. Ini kerana Islam mengandungi semua cara untuk berhubung dengan masyarakat, iaitu bagaimana untuk bergaul, bermasyarakat dan bekerjasama. Keyakinan ini turut diakui oleh Saudara Anuar Ibrahim semasa ia menerajui ABIM. Ucapan beliau yang terkandung dalam majalah Risalah ialah:

"Sekiranya saranan / menjadikan Islam sebagai satu penyelesaian / diterima maka ianya akan mengungkap babak baru dalam sejarah negara dan warganegara Malaysia di mana persoalan masyarakat majmuk diselesaikan secara yang paling jitu, tabii dan fitri. Justeru kerana Islam adalah former Ilahi yang digubah khas untuk menjawab segala masalah makhluk ciptanya."<sup>13</sup>

#### 4.8 Penerimaan Masyarakat Terhadap Dasar Ekonomi Baru

Masyarakat memainkan peranan yang penting bagi proses pembangunan dalam sesebuah negara. Penglibatan rakyat seluruhnya akan membantu jentera kerajaan bergerak dengan lebih efisien. Oleh itu soal terima atau tidak dasar pembangunan yang dirangka oleh pihak pemerintah adalah suatu hal yang amat penting.

---

<sup>13</sup> Masyarakat Majmuk, "Islam vs Cauvinisme", Risalah Tahun 6, Bil. 3, 1979.

Jika rakyat tidak terima maka sudah pastilah rancangan itu gagal kerana penyertaan, penglibatan dan kerjasama itu mencerminkan penerima rakyat. Begitu juga halnya dengan DEB, ia memerlukan penerima dari semua rakyat kerana rakyatlah yang akan mendapat faedah darinya.

Kepekaan golongan kelas menengah, sama ada masyarakat terima atau tidak DEB adalah sangat diperlukan. Ini disebabkan mereka adalah sebahagian dari anggota yang berada dalam birokrasi kerajaan dan bertindak sebagai perancang dasar tersebut. Untuk tujuan itu, kelas menengah diminta mengemukakan pandangan mereka sama ada DEB diterima oleh semua rakyat atau tidak.

Jadual 4.8: Adakah DEB Itu Diterima Dengan Perasaan Terbuka Oleh Semua Rakyat Malaysia?

Jawapan	Bilangan Responden				Jumlah
	Melayu	%	Cina	%	
Ya	6	30	2	20	8 (26.6%)
Tidak	12	60	6	60	18 (60%)
Tidak Pasti	2	10	2	20	4 ( 3.3%)
JUMLAH	20	100	10	100	30 (100%)

Berasaskan jadual sebahagian besar responden menyatakan DEB tidak diterima dengan perasaan terbuka oleh semua rakyat di Malaysia. Mengikut etnik, 12 (60%) responden Melayu dan 6 (60%) responden Cina. Pada amnya pandangan ini mencerminkan

pandangan keseluruhan masyarakat Malaysia, kerana kata mengata DEB menimbulkan rasa tidak puas hati kaum lain (bukan Melayu).

Bagi kelas menengah Melayu, DEB tidak diterima oleh kebanyakan kaum bukan Melayu kerana pada tanggapan kaum bukan Melayu, DEB adalah satu dasar diskriminasi. Kewujudan kuota dan sekatan tertentu terhadap kaum bukan Melayu telah menimbulkan cetusan tidak puas hati. Penolakan DEB oleh kaum bukan Melayu ini dapat dilihat dengan lebih jelas bilamana ianya dijadikan oleh isu-isu politik oleh parti DAP, GERAKAN dan MIC. Isu yang dibangkit ini menyemarakkan lagi rasa tidak puas hati rakyat bukan Melayu terhadap pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru.

Dasar Ekonomi Baru juga tidak diterima oleh segelintir kaum Melayu, bukanlah bermakna mereka menolak matlamat DEB tetapi kepincangan pelaksanaan yang tidak mempunyai orientasi yang jitu. Di mana akibat kepincangan itu pencapaian matlamat untuk membasmi kemiskinan dan mewujudkan perpaduan kaum tidak begitu berjaya. Sebaliknya, DEB yang mahal harganya hanya diketepi oleh sekumpulan kecil rakyat Malaysia.

Kadar pengangguran yang tinggi pada dekad ini menambahkan lagi ketidakpercayaan mereka kepada DEB. Timbul persoalan, adakah projek kereta (atau projek mewah) 'viable' dari segi ekonomi, adakah pemindahan teknologi Jepun akan menjamin kemunduran rakyat seluruhnya?

Bilangan responden yang mengatakan DEB dapat diterima oleh semua rakyat Malaysia seramai 8 (26.6%) orang, iaitu 6 (30%) responden Melayu dan 2 (20%) responden Cina.

Pada pendapat pengkaji, DEB sesungguhnya tidak diterima dengan perasaan terbuka oleh semua rakyat Malaysia. Buktinya jelas, bukan Bumiputera seringkali mempersoalkan dan mencurigai dasar ini. Parti politik DAP, GERAKAN dan lain-lain sering memainkan DEB sebagai mewujudkan sentimen orang Cina. Malah ura-ura untuk melanjutkan DEB tidak ditentang.

#### 4.9 Kesimpulan

Setelah meneliti data-data soalselidik jelaslah golongan kelas menengah mempunyai pendapat yang kritis dan peka terhadap dasar pembangunan negara khususnya DEB. Erti pembangunan yang dihayati bukan sahaja mencerminkan kelompok kelasnya sahaja, bahkan ia boleh mewakili masyarakat seluruhnya.

Corak dan arah pembangunan sosio-ekonomi yang dilaksanakan di bawah kerangka DEB bukan sahaja menerima pujian dari kelas menengah tetapi juga kritikan yang tajam. Perencanaan dan pelaksanaan DEB itulah yang sering dipersoalkan kerana kelemahan ini menyebabkan DEB dikatakan tidak mampu mencapai matlamat sebenar iaitu menghapuskan kemiskinan dan menghapuskan pengenalan kaum mengikut pekerjaan dan kawasan. Malah mereka berpendapat jurang perbezaan ekonomi di antara kaum terus melebar. Lihat Jadual 4.9 dan 4.10.

Jadual 4.9: Dasar Ekonomi Baru (DEB) Dapat  
Memperkecilkan Jurang Perbezaan  
Ekonomi Antara Kaum

Jawapan	Bilangan Responden				Jumlah
	Melayu	%	Cina	%	
Sangat Setuju	0	0	1	10	1 ( 3.3%)
Setuju	4	20	2	20	6 (20%)
Tidak Setuju	11	55	5	50	16 (53.3%)
Sangat Tidak Setuju	4	20	2	20	6 (20%)
Kurang Pasti	1	5	0	0	1 ( 3.3%)
<b>JUMLAH</b>	<b>20</b>	<b>100</b>	<b>10</b>	<b>100</b>	<b>30 (100%)</b>

Jadual 4.10: Adakah Anda Setuju DEB Menyebabkan  
Jurang Pendapatan Di Antara Golongan  
Kaya dan Miskin Bertambah Besar

Jawapan	Bilangan Responden				Jumlah
	Melayu	%	Cina	%	
Sangat Setuju	5	25	2	20	7 (23.3%)
Setuju	10	50	3	30	13 (43.3%)
Tidak Setuju	3	15	4	40	7 (23.3%)
Sangat Tidak Setuju	2	10	1	10	3 (10%)
Kurang Pasti	0	0	0	0	0 ( 0 )
<b>JUMLAH</b>	<b>20</b>	<b>100</b>	<b>10</b>	<b>100</b>	<b>30 (100%)</b>

Secara perbandingan, pandangan golongan menengah tentang DEB agak bercanggah dengan laporan Rancangan Malaysia Kelima (1986 - 1990).<sup>14</sup> Mengikut laporan RML program pembangunan di bawah DEB telah berjaya dalam banyak segi. Pertama dari segi membasmi kemiskinan, semua kumpulan sasaran telah menikmati faedah dari program itu. Di mana kadar kemiskinan di Semenanjung Malaysia secara keseluruhannya di lain berasaskan jumlah bilangan isirumah di bawah garis kemiskinan telah berkurang daripada 49.3% tahun 1970 kepada 18.4% pada tahun 1984. Dalam tempoh yang sama jumlah isirumah miskin berkurang dari 791,000 tahun 1970 kepada 483,300 tahun 1984.

Kemajuan juga dicapai dalam usaha mengurangkan ketidakseimbangan pendapat antara kumpulan etnik dan antara kawasan bandar dan luar bandar. Pendapatan bulanan purata sebenar bagi isirumah Bumiputera telah meningkat dari \$172 tahun 1970 kepada \$384 tahun 1984 sementara purata bagi kaum Cina sebanyak \$678 tahun 1984 dan India \$494. Penguasaan Bumiputera dalam sektor syarikat pula meningkat dari 4.3% tahun 1971 kepada 17.8% menjelang akhir tahun 1985.

Pada pendapat pengkaji, angka-angka ini tidak melambangkan pencapaian matlamat DEB yang sebenar. Ini disebabkan dalam masa yang sama pencapaian bukan Bumiputera jauh lebih baik dari

---

<sup>14</sup> Malaysia, Rancangan Malaysia Kelima 1986 - 1990, Jabatan Cetak Kerajaan, Kuala Lumpur, m.s. 8.

Bumiputera. Misalnya pemilikan saham, pertambahan Bumiputera ialah 22.7% iaitu 34.0% tahun 1971 kepada 56.7% tahun 1985. Sedangkan Bumiputera hanya 13.3% iaitu 4.3% tahun 1971 kepada 17.8% tahun 1985.<sup>15</sup> Jadi pertambahan 13.5% dalam tempoh masa hampir 20 tahun itu menggambarkan kelembapan dan kegagalan strategi DEB. Hal ini ditambah lagi bilamana kita memikirkan bahawa program pembangunan itu menelan belanja yang besar. Misalnya Rancangan Malaysia Kedua 1971 - 1975 belanjanya \$7,250 juta, Rancangan Malaysia Ketiga 1976 - 1980, \$18,555 juta dan Rancangan Malaysia Keempat 1981 - 1985, \$59,669 juta.<sup>16</sup> Menyedari hakikat inilah maka timbul persoalan. Wajarkah DEB diteruskan selepas tahun 1990 mengikut kerangka dan matlamat yang sama?

---

<sup>15</sup> Malaysia, Ibid., m.s. 9.

<sup>16</sup> S. Husin Ali, "Ke Arah Baru Pembangunan Malaysia" dibentangkan dalam Persidangan Kebangsaan Pembangunan Malaysia: Perencanaan, Perlaksanaan dan Prestasinya, 9 - 11 Disember 1984, UKM, m.s. 17.

## BAB V

### PANDANGAN KELAS MENENGAH TENTANG INTEGRASI NASIONAL

#### 5.1 Pengenalan

Matlamat pembangunan negeri Malaysia bagi mengisi kemerdekaan masih belum tercapai sepenuhnya. Walaupun pembangunan politik dan ekonomi sudah mula menampakkan hasil yang boleh dibanggakan. Namun Malaysia masih menghadapi masalah perpaduan kaum. Ini adalah masalah sosio-budaya yang kesannya boleh menjadi amat buruk jika tidak dibendung terlebih awal. Keadaan ini lahir dari suasana kependudukan yang timbul dari hakikat sejarah dan pergerakan manusia serantau - situasi kepelbagaian kaum dan suku dengan tradisi budaya yang berbeza yang wujud sejak zaman penjajah masih dirasai kesannya sehingga ke hari ini. Keadaan ini menjadi bertambah sensitif sejak akhir-akhir ini akibat dari konflik nilai serta dorongan-dorongan dari emosi dan sentimen.

Dari tahun 1945 sehingga 1969 terdapat 22 kes pergaduhan kaum antara Melayu dan Cina.<sup>1</sup> Peristiwa 13 Mei adalah kemuncak dari konflik itu walaupun kita tidak menafikan wujudnya faktor-faktor lain yang menyebabkan peristiwa gelap itu. Ia adalah petanda bahawa pembinaan ekonomi dan infrastruktur fizikal hanyalah sebahagian dari pembangunan manusia. Pembangunan negeri yang

---

<sup>1</sup> Malaysia, Kearah Memelihara Keselamatan Negeri, Kertas Perintah 14 tahun 1988.

menyeluruh perlulah melibatkan aspek-aspek kejiwaan, moral, kebudayaan dan identiti bangsa. Perpaduan rakyat adalah suatu pencapaian di dalam pembangunan bangsa. Dengan demikian rakyat Malaysia dari pelbagai kaum dan sukuan itu perlulah dibina dan dibentuk sebagai satu bangsa Malaysia dengan pendirian tegas melalui ciri-ciri persamaan pokok yang utuh. Masyarakat haruslah diisi dengan jiwa dan semangat kebangsaan, keperibadian dan pewatakan Malaysia.

Sesuai dengan hasrat kerajaan dan rakyat khususnya, pengkaji akan meneliti elemen-elemen yang memungkinkan ke arah perpaduan kaum atau integrasi nasional. Tumpuan tinjauan adalah kepada golongan kelas menengah. Golongan menengah diberi tumpuan kerana pengkaji menyedari hakikat bahawa ia telah banyak berubah (corak kehidupan) akibat pencapaian ekonomi dan politik mereka. Interaksi sosial, pandangan terhadap dasar-dasar kerajaan, akan menjadi mereka ke arah integrasi nasional. Samada golongan, menengah menyedari atau tidak, keperluan kepada integrasi adalah melebihi dari segala-galanya kerana ia akan menjamin pembangunan sektor-sektor lain.

## 5.2 Pengertian Integrasi Nasional

Dari segi sejarah, integrasi nasional telah dibincang sejak berabad-abad dulu lagi. Auguste Comte, Emile Durkheim misalnya melihat kesepaduan sosial masyarakat Perancis akibat revolusi Perancis. Perbincangan mereka teramat dalam karya-

karyanya "The Division of Labour in Society", "Suicide", "Elementary Forms of Religious Life" dan lain-lain.

Sejak itu, konsep integrasi nasional telah dilihat dan dibincang dari perbelbagai sudut. Bagi ahli antropologi dan sosiologi ia membahagikan integrasi kepada lima aspek.

- (i) Integrasi Budaya yang merujuk kepada saling penyesuaian unsur-unsur kebudayaan yang beraneka ragam atau bertentangan hingga menjadi satu sistem budaya yang harmoni.
- (ii) Integrasi normatif yang dimaksudkan dengan ketekalan (consistency) di antara normal dengan tingkahlaku manusia.
- (iii) Integrasi fungsional yang bererti sejauhmana saling pergantungan antara bahagian-bahagian sesuatu sistem sosial dalam mewujudkan penyatuan dan harmoni.
- (iv) Integrasi komunikasi yang merujuk kepada sejauhmana <sup>Jaringan</sup> priagen komunikasi bergerak dalam masyarakat dan sejauhmana berkesannya komunikasi itu dalam penyampaian matlumat.
- (v) Integrasi sosial yang bermaksud penyatuan kumpulan yang dahulunya berasingan.<sup>2</sup>

Kelima-lima aspek di atas menunjukkan betapa luas dan kompleksnya pengertian integrasi nasional boleh dianggap sebagai satu proses atau satu keadaan. Sebagai satu proses ia bererti

---

<sup>2</sup>Ting Chew Peh, "Sains Sosial dan Integrasi Nasional" dibentangkan dalam seminar Integrasi Nasional Peringkat Kebangsaan 1984, m.s. 2.

pelbagai kelompok etnik menyesuaikan diri antara satu sama lain, bekerjasama dan bersatupadu, sebagai satu keadaan ia menandakan perpaduan, harmoni dan ketiadaan prasangka serta diskriminasi. Situasi sosial yang dianggap sebagai berintegrasi ialah situasi di mana unsur-unsur ras dan etniksiti<sup>3</sup> tidak ada significant dari segi politik, ekonomi dan sosial.

Amir Awang<sup>4</sup> pula membahagikan integrasi nasional kepada dua tahap yang berlawanan iaitu satu peringkat idealistik dan peringkat realistik. Di mana tahap idealistik dicapai bilamana wujud masyarakat Malaysia tanpa identiti ras, sosial, ekonomi dan politik yakni bangsa Malaysia mempunyai satu bahasa, satu kebudayaan dan satu identiti. Dari segi aspirasi realistik pula definisinya agak sukar dan ke lain kabur dari definisi idealistik kerana konsep integrasi nasional yang realistik, harapan terletak di atas suatu spektrum yang seringkali berubah-ubah.

Bagi beliau integrasi nasional sebagai perpaduan antara kaum yang memperlihatkan ciri-ciri berikut bukan sahaja dari segi pemikiran, perasaan malah kelakuan.

---

<sup>3</sup>Etnik didefinisikan sebagai "An ethnic group represents one of a number of populations comprising the single species Homo Sapeans which individually maintain their differences, physical and cultural, by means of isolating mechanisms such as geographic and social barriers. Ashley Montagu, Race, Science and Humanity, D. Van Nostrand Company Inc. Princeton, New Jersey, New York, London 1965, m.s. 16.

<sup>4</sup>Amir Awang, "Dasar Pelajaran Kebangsaan dan Integrasi Nasional" dibentangkan dalam seminar Integrasi Nasional Peringkat Kebangsaan 1984, m.s. 5.

- (a) Kesediaan menerima hakikat sejarah
- (b) Kesediaan bertolak-ansur
- (c) Kesediaan hormat menghormati
- (d) Kesediaan mewujudkan suasana harmoni dalam ilmuan
- (e) Kesediaan memahami dan menerima usaha pemerintah
- (f) Kesediaan berterus-terang, jujur dan ikhlas
- (g) Kesediaan saling faham dan memahami

Pengertian di atas akan dijadikan panduan dalam perbincangan integrasi nasional dalam bab ini. Samada pengertian itu difahami dan cirinya sudah wujud adalah suatu hal yang perlu dianalisis. Hal ini sangat penting kerana pihak kerajaan telah merencana pelbagai projek untuk mencapai matlamat perpaduan negara.

Sebenarnya telah banyak kajian tentangnya telah dilakukan oleh pengkaji yang berminat melihat kemajmukan masyarakat Malaysia. Misalnya kajian Rabushka (1973)<sup>5</sup>, K.Y. Rafuam (1965)<sup>6</sup>, R.K. Vasil (1971)<sup>7</sup> dan Charles Hirsham (1972) telah memberi gambaran yang agak jelas tentang masalah perkauman, integrasi dan hubungannya dengan proses politik. Charles Hirsham telah menekankan pola perbezaan sosial dan ketidaksamaan sosial di kalangan pelbagai kumpulan etnik serta juga faktor sosial yang menyebabkan perbezaan itu.

---

<sup>5</sup> Bukunya Race and Politics in Urban Malaya, Stamford Hoover Institute Press.

<sup>6</sup> Bukunya Communalism and Politics Proses in Malaya, Kuala Lumpur, Universiti Malaya Press.

<sup>7</sup> Bukunya Politics in a Plural Society - A Study of Non-Communal Political Parties in West Malaysia, London: Oxford University Press.

Tetapi di sini, pengkaji akan melihat dari sudut kelas menengah. Bagaimana mereka menggunakan <sup>peluang - Peluang</sup> pelancung-pelancung yang boleh mewujudkan integrasi atau perpaduan atau sejauhmana faktor yang wujud secara langsung dan tidak langsung itu membuka peluang ke arah integrasi nasional.

### 5.3 Analisis Pola-Pola Ke Arah Integrasi

Bagi mewujudkan suasana integrasi, tiap-tiap kaum mestilah disediakan ruang dan masa bagi mereka bersemuka atau interaksi. Peluang itu tidak semestinya berbentuk formal, malah pertemuan secara tidak langsung lebih bererti dalam menjalin <sup>perhubungan</sup> perkembangan antara kaum. Kekerapan pertemuan akan memberi masa bagi mereka memahami ciri dan corak kehidupan antaranya. Bagi menjayakan usaha itu interaksi sosial di kalangannya mesti digalakkan. Persoalannya, adakah ruang dan tempat bagi membolehkan mereka berinteraksi? Jika sudah wujud interaksi, adakah ia menunjukkan sudah ada perpaduan atau integrasi di kalangan masyarakat Malaysia. Inilah persoalan-persoalan yang belum diselesaikan.

Di sini, interaksi sosial didefinisikan sebagai :

"A relationship between persons such that the behaviour of either one is a stimulus to the behaviour of the other social interaction then. Should be seen in terms of reciprocity mutual exchange of visit, mutual exchange of invitations and in a move permanent one, mutual exchange of brother or sister in marriage."<sup>8</sup>

---

<sup>8</sup> Abdullah Taib, Sanusi Osman dan Abu Hassan Othman, "The Patterns of Social Interaction in Malaysian Society", Nusantara, Bil.7, Julai 1981, hal. 44.

Oleh itu interaksi sosial boleh terjadi tanpa dibatas oleh tempat dan masa, samada dalam jangka masa lama atau pendek. Semua ini menunjukkan integrasi nasional. Pengkaji akan menganalisa samada interaksi antara kaum wujud atau tidak di tempat-tempat tertentu.

### 5.3.1 Tempat Penginapan

Pada anggapan pengkaji, tempat penginapan akan menyediakan suasana yang sesuai untuk berinteraksi kerana mereka tidak diganggu oleh tugas-tugas lain walau bagaimanapun kita lihat sikap golongan menengah dalam hal ini.

Jadual 5.1: Adakah Interaksi Berlaku di Tempat Tinggal Dengan

Jawapan	Melayu (%)	Cina (%)
Jiran dari bangsa anda sahaja	7 (35)	2 (20)
Jiran dari bangsa lain sama	13 (65)	8 (80)
Tiada jawapan	0 (0)	0 (0)
Jumlah	20 (100)	10 (100)

Dari data di atas, majoriti responden mengatakan interaksi di tempat tinggal terjalin di antara semua kaum. Dalam hal ini 13 (65%) responden Melayu dan 8 (80%) responden Cina memberi jawapan demikian. Bila dilihat dari struktur penduduk di Kota Bharu (lihat Jadual Bab I) ianya memang benar kerana komposisi penduduknya hampir sama dari segi jumlah.

Manakala 7 (35%) responden Melayu dan 2 (20%) responden Cina menyatakan interaksi di tempat tinggal hanya di kalangan bangsanya sahaja; ini mungkin kerana kawasan kediaman mereka hanya terdiri dari bangsanya sahaja. Bagi melihat ketekalan kenyataan ini, responden ditanya tentang jumlah kaum yang mendiami kawasan tempat tinggal mereka. Andaian pengkaji, jika jumlah bangsa lain sama banyak atau lebih ia menggambarkan interaksi sosial di tempat tinggal berlaku dan lebih kerap berbanding dengan tempat tinggal yang hanya terdapat satu bangsa sahaja.

Jadual 5.2: Tempat Penginapan  
(Residential Quarter) anda

Jawapan	Melayu (%)	Cina (%)
100% bangsa anda	0 (0)	0 (0)
Sebahagian besar terdiri dari bangsa anda	12 (60)	2 (20)
Campur (sama banyak)	5 (25)	4 (40)
Bangsa lain lebih banyak	3 (15)	4 (40)
Jumlah	20 (100)	10 (100)

Dari jadual di atas, tiada seorang pun responden memberi maklumat bahawa 100% tempat tinggal mereka terdiri dari bangsanya sahaja. Kebanyakkan responden menyatakan sebahagian besar tempat kediaman terdiri dari bangsanya iaitu 12 (60%) responden Melayu dan 2 (10%) responden Cina. Jumlah tempat kediaman yang mengandungi sama banyak kaum adalah tempat yang sesuai untuk berinteraksi. Dari 30 orang responden yang disoal selidik, hanya 5 (25%) responden

Melayu dan 4 (40%) responden Cina tinggal di tempat kediaman seumpama itu. Manakala responden yang mengatakan bangsa lain lebih banyak terdiri dari 3 (15%) responden Melayu dan 4 (40%) responden Cina. Dari analisa data ini dapatlah dikatakan bahawa interaksi sosial antara kaum telah wujud di tempat tinggal. Tetapi, sejauhmanakah interaksi ini menggambarkan wujudnya persefahaman dan keinginan hidup bersama secara harmonis? Apakah interaksi itu dapat melahirkan nilai-nilai baru dan dapat diterima oleh semua. Hal ini memerlukan pengamatan yang teliti terhadap tingkahlaku mereka.

### 5.3.2 Tempat Kerja

Selain dari tempat penginapan, responden juga ditanya tentang interaksi mereka di tempat kerja. Bagi menganalisa samada interaksi wujud atau tidak di tempat kerja kita tinjau dahulu jumlah bangsa lain yang bekerja di tempat responden.

Jadual 5.3: Jumlah Bangsa Lain di Tempat Anda Bekerja

Jawapan	Melayu (%)	Cina (%)
80 - 100 %	2 (10)	5 (50)
60 - 80 %	3 (15)	2 (20)
40 - 60 %	6 (30)	2 (20)
0 - 40 %	9 (45)	1 (10)
Jumlah	20 (100)	10 (100)

Bagi responden Melayu, kaum yang paling banyak di tempat kerja adalah terdiri dari bangsanya sendiri iaitu 9 (45%) orang responden menyatakan hanya ada 40% kaum lain. Berlainan dengan kaum Cina di mana hanya 1 (10%) orang responden sahaja. Bagi orang Cina jumlah bangsa lain di tempat kerja adalah lebih ramai di mana 2 (20%) responden menyatakan 80-100% di tempat kerja terdiri dari bangsa lain. 2 (20%) responden lagi menyatakan 60-80% bangsa lain. Bagi orang Cina hal ini memang benar terutamanya bagi mereka yang bekerja sebagai guru-guru yang mengajar di sekolah-sekolah yang majoritinya orang Melayu.

Pada hemat pengkaji mereka yang bekerja di tempat yang majoritinya terdiri dari kaum lain adalah individu yang boleh berkomunikasi dan berinteraksi dengan baik antara kaum lain. Jadi boleh dikatakan integrasi wujud. Dipandang dari sudut jumlah pula, angka yang kecil ( 4 responden Cina kesemua dan 5 responden Melayu) bagi mereka yang bekerja di tempat majoriti terdiri dari etnik lain dan kecenderungan yang besar bagi tiap-tiap etnik bekerja di tempat sama etnik membayangkan wujudnya garis pemisah bagi berintegrasi. Ini sudah tentu mewujudkan pola-pola polarisasi kaum. Tambahan pula sudah banyak diperkatakan bahawa pengenalan kerja juga menggambarkan pemisah antara kaum di Malaysia.

Oleh itu, pengkaji mengandaikan interaksi tidak berada di tahap yang membanggakan di tempat kerja. Lebih-lebih lagi bilamana memikirkan bahawa masa untuk berinteraksi di tempat kerja adalah terhad. Di tempat kerja, responden telah dibeban dengan

tugas-tugas tertentu, jika interaksi terjadi ia hanya merangkumi bidang tugas itu sahaja. Lantaran itu kurang perbincangan tentang kebudayaan, politik atau isu-isu semasa. Hakikat ini menyebabkan integrasi hanya sementara sahaja. Andaian ini agak bercanggah sedikit dengan analisa data di bawah (lihat Jadual 5.4). Di mana 15 (75%) orang responden Melayu dan 8 (80%) responden Cina menyatakan interaksi dengan kaum lain berlaku di tempat kerja. Walaupun begitu angka ini tidak mempengaruhi pengkaji kerana pada pendapat pengkaji interaksi itu tidak membawa kesan yang nyata ke arah perpaduan yang kukuh. Sebenarnya perpaduan melibat juga aspek dalaman seperti perasaan dan jiwa yang satu iaitu komitmen yang pada dalam menumpukan taat setia kepada negara.

Jadual 5.4: Adakah Interaksi Berlaku di Tempat Kerja

Jawapan	Melayu (%)	Cina (%)
Dengan bangsa anda sahaja	5 (75)	2 (20)
Dengan kaum lain	15 (75)	8 (80)
Tiada jawapan	0 (0)	0 (0)
Jawapan	20 (100)	10 (100)

#### 5.3.4 Hubungan Persahabatan

Selain dari interaksi di tempat kerja dan penginapan, pengkaji juga telah membuat soalselidik tentang hubungan persahabatan responden. Samada jalinan persahabatan itu berada dalam lingkungan

etniknya sahaja atau telah melampau batas etnik. Penganalisaan ini dianggap penting untuk mengetahui integrasi yang jitu di antara mereka. Andaian pengkaji ialah jika mereka sudah ada jalinan persahabatan dengan kaum lain bererti ciri-ciri integrasi sudah wujud sekurang-kurangnya dalam kelompok di mana mereka tinggal.

Golongan kelas menengah merupakan satu golongan masyarakat yang telah banyak mengalami. Perubahan dari segi corak Melayu<sup>9</sup> tetapi perubahan itu tidak melibatkan nilai-nilai asas bangsa mereka. Perubahan yang dimaksudkan ialah cara berpakaian, pergaulan, nilai, status dan prestij, ini ekoran daripada sosio-ekonomi yang dicapai. Oleh itu mereka cuba menyesuaikan dengan lain hidupnya dengan kehidupan di bandar. Oleh itu, rata-rata responden mempunyai jalinan persahabatan dengan kaum-kaum lain. Lihat Jadual di bawah.

Jadual 5.5: Perhubungan Persahabatan Anda Adalah

Jawapan responden	Melayu (%)	Cina (%)
Semata-mata dengan bangsa sendiri	2 (10)	4 (40)
Agak luas juga dengan bangsa lain	10 (50)	3 (30)
Sedikit-sedikit dengan bangsa lain	8 (40)	3 (30)
Jumlah	20 (100)	10 (100)

<sup>9</sup> Sanusi Osman, "Dasar Ekonomi Baru dan Pencapaian Orang Melayu di Kota", dibentangkan dalam Persidangan Kebangsaan Pembangunan di Malaysia - Perencanaan, Perlaksanaan dan Prestijnya, 9-11 Disember 1984, m.s. 14-18.

Data tersebut menunjukkan 10 (50%) responden Melayu dan 3 (30%) responden Cina mempunyai jaringan perhubungan persahabatan yang luas dengan kaum-kaum lain. Manakala 4 (40%) responden Melayu dan 3 (30%) Cina pergaulannya dengan bangsa lain berada di tahap yang rendah. Kedua-dua jawapan di atas menggambarkan fenomena hubungan persahabatan golongan kelas menengah yang tidak lagi diikat oleh kaum. Integrasi akan wujud jika corak perhubungan ini dijadikan rutin dalam kehidupan mereka.

Tetapi, apakah asas perhubungan tersebut? Adakah kerana wujudnya kepentingan-kepentingan tertentu atau ia didorong oleh keinsafan dan kesedaran bahawa negara mempunyai masyarakat majmuk? Lantas menjadikan perhubungan antara kaum itu sebagai lumrah, inilah persoalan yang perlu dianalisa dengan mendalam. Pada pendapat pengkaji, jika asas persahabatan itu kerana wujud kepentingan tertentu, maka sudah pastilah integrasi nasional akan lebar, ini kerana interaksi persahabatan itu lebih bersifat sementara. Yakni selagi kepentingan itu diperolehi selagi itulah wujud interaksi dan ia akan terputus bilamana kepentingan tiada lagi.

Integrasi akan wujud jika tiap-tiap etnik menjalin perhubungan kerana kesedaran bahawa setiap kaum hormat-menghormati serta bermanfaat untuk hidup bersama. Berdasarkan jadual di bawah golongan kelas menengah mempunyai sikap yang terbaik dan liberal.

Jadual 5.6: Asas Persahabatan Anda Adalah

	Melayu (%)	Cina (%)
Kerana bangsa	0 (0)	0 (0)
Kerana pangkat dan kedudukan	0 (0)	0 (0)
Kerana kawan semata-mata	8 (40)	5 (50)
Tiada apa-apa asas	12 (60)	5 (50)
Jumlah	20 (100)	10 (100)

Di mana 12 (60%) responden Melayu dan 5 (50%) responden Cina menyatakan tiada apa-apa asas dalam menjalin perhubungan dengan kaum lain dan 8 (40%) responden Melayu serta 5 (50%) Cina menyata asas persahabatan adalah kawan. Suatu hal yang membanggakan ialah tiada seorompok responden menyatakan asas persahabatan mereka kerana bangsa, pangkat dan kedudukan. Walaupun begitu apa yang tersirat dalam hati sanubari mereka terlalu sukar ditafsir. Tetapi, jika diperhatikan secara rambang jawapan ini boleh diterima bahawa integrasi telah ada. Apa yang jelas ialah integrasi itu belum teruji samada kental atau tidak. Cuma masing-masing mengelakkan diri dari membincangkan isu-isu yang menyentuh agama, budaya dan kedudukan kaum lain.

#### 5.3.4 Kefahaman Terhadap Agama

Setiap agama mengajar penganutnya berbuat baik. Agama-agama ini mempunyai nilai dan ajaran tersendiri mendidik penganutnya. Islam misalnya adalah agama sejagat yang mengandungi peraturan

hidup yang lengkap dan jelas. Tetapi manusia seringkali melanggar peraturan-peraturan itu menyebabkan peraturan mereka terganggu. Manakala usaha kerajaan untuk memperbaiki pelaksanaan dasar Islam seringkali dipertikaikan. Kaum bukan Islam menganggap usaha ini akan mengubah agama mereka. Rasa kebimbangan dan keresahaan ini merenggangkan lagi usaha integrasi.

Analisa selanjutnya ialah melihat pandangan golongan kelas menengah Cina terhadap agama Islam. Samada mereka mempunyai kefahaman mendalam atau tidak. Ia penting supaya isu agama tidak mudah diputarbelit oleh golongan berkepentingan.

Jadual 5.7: Adakah anda memahami serba sedikit tentang agama Islam yang tulin di negara ini?

Jawapan	Responden Cina (%)
Faham dengan mendalam	0 (0)
Memahami sepintas lalu	3 (30)
Tidak memahami langsung	5 (50)
Tidak pasti	2 (20)
Jumlah	10 (100)

Jadual 5.7 menunjukkan dengan jelas mengapa perpaduan kaum sukar wujud dalam masyarakat Malaysia. Jelas satu sebab ialah kefahaman tentang agama lain adalah begitu celak sekali. Data itu menunjukkan terdapat 5 (50%) orang responden tidak memahami langsung agama Islam manakali 2 (20%) orang tidak pasti.

Hal inilah yang menyebabkan interaksi sosial walaupun wujud ini tidak membawa kepada integrasi kaum dengan mendalam. Jika tiap kaum cuba memahami sedikit sebanyak nilai-nilai agama lain sudah pasti hubung kaum akan lebih mesra dan usaha-usaha tidaklah begitu dicurigai.

Apakah sebenarnya yang menyebabkan kaum Cina kurang memahami agama Islam sehingga merenggangkan perhubungan kaum? Apakah enggan kerana takut terpengaruh dengan Islam atau sememangnya kurang maklumat yang membolehkan mereka memahami serba sedikit tentang Islam. Keadaan di bawah cuba menjawab persoalan itu.

Jadual 5.8: Adakah anda memperolehi maklumat yang cukup mengenai Islam di negara ini?

Jawapan	Respondon Cina (%)
Tidak memperolehi maklumat sama sekali	0 (0)
Memperolehi maklumat yang keliru setelah dirujuk kepada sumber lain	2 (20)
Mendapat maklumat yang minima	6 (60)
Mendapat maklumat yang cukup	0 (0)
Tidak pasti	2 (20)
Jumlah	10 (100)

Dari 10 responden Cina yang ditemui terdapat 6 (60%) orang responden menyatakan mereka mendapat maklumat yang minima tentang Islam. Biasanya mereka mendapat maklumat secara tidak langsung dari media massa seperti TV, akhbar dan majalah. Jawapan

ini menggambarkan semasa interaksi dengan kaum-kaum lain soal keagamaan tidak dibincang. Masing-masing cuba mengelak kerana bimbang ia menimbul kemaraan kaum lain, dari satu segi sikap ini memang baik kerana ia tidak menyebabkan konflik agama. Tetapi sepatutnya mereka mesti mempunyai pengetahuan asas tentang Islam untuk mengelak rasa curiga. 2 (20%) responden lain menyatakan tidak pasti dan 2 (20%) lagi menyatakan ia mendapat maklumat yang keliru.

Model indah bagi sesuatu masyarakat yang stabil dan teratur mengandaikan bahawa populasi masyarakat tersebut mempunyai ciri-ciri kesamaan (homogeneity) dari segi selera, tabiat serta nilai-nilai dan matlamat yang ingin dicapai. Sekiranya masyarakat majmuk negara ini dibandingkan dengan model tersebut, ternyata bahawa negara mempunyai harapan tipis untuk menyelidikan perselisihan kaum. Pandangan ini telahpun dikemukakan oleh Syed Husin Ali, yang menyatakan bahawa perhubungan antara kaum merupakan masalah paling serius dihadapi di negara ini.<sup>10</sup> Apakah harapan untuk mencapai model tersebut tidak boleh dicapai?

#### 5.4 Cara Integrasi Nasional Dicapai

Agak sukar bagi pengkaji menganalisa pandangan golongan kelas menengah dalam hal ini. Kesukaran ini disebabkan soalan-soalan yang dikemukakan adalah berbentuk subjektif atau soalan terbuka. Namun demikian terdapat tiga kategori pandangan yang jelas telah diberi oleh mereka. Kategori pertama ialah melalui

---

<sup>10</sup> Dewan Masyarakat, Januari 1988, hal. 45.

pendekatan kebudayaan, kedua sistem pendidikan dan ketiga melalui agama.

#### 5.4.1 Pendekatan Kebudayaan<sup>11</sup>

Pada umumnya, kebudayaan ditakrifkan sebagai suatu cara hidup, yakni merangkumi seni, nilai, sikap dan lain-lain yang berkait dengan cara kehidupan suatu masyarakat.<sup>12</sup> Mengikut pandangan responden pendekatan adalah paling sesuai untuk mewujudkan integrasi nasional. Pihak kerajaan disarankan supaya mengambil nilai-nilai tertentu dari kebudayaan pelbagai etnik, ianya kemudian ditonjolkan sebagai kebudayaan nasional. Nilai atau aspek dari kebudayaan yang hendak dijadikan kebudayaan nasional itu janganlah menyentuh perasaan kaum lain. Ia harus dikemukakan kepada masyarakat umum supaya mereka dapat menerimanya.

Sebenarnya perpaduan negara melalui kebudayaan dalam perspektif yang luas memerlukan perancangan yang bersepadu dan diselaraskan melalui penglibatan semua agensi sesuai dengan bidang tugas masing-masing. Perpaduan akan lebih dirasakan apabila perhubungan di kalangan rakyat terjalin dengan harmoni melalui

---

<sup>11</sup> Kebudayaan meliputi segala-gala yang terdapat dalam masyarakat termasuk segala gagasan (idea), alatan (material) dan bentuk pengucapan (expression). Zainal Kling "Konsep Kebudayaan Kebangsaan di Malaysia", dibentangkan di Pertemuan Dunia Malaysia '82 Melaka, 18-21 Dis. 1982.

<sup>12</sup> Aliran, Lima Persoalan. Terbitan Aliran Kesedaran Negara, Pulau Pinang, m.s. 23.

ikatan semangat kebudayaan, ketaatan kepada negara, kesedaran dan rasa kekitaan. Jika hal-hal sebegini dihayati maka integrasi nasional akan wujud.

Bagi golongan menengah ini bahasa, agama dan adat resam bukanlah menjadi faktor pemisah yang keras dan tegas untuk mencapai integrasi. Sekatan-sekatan ini terbukti boleh dipecahkan. Namun yang menjadi masalahnya ialah kejahilan yang terdapat di antara satu kaum dengan yang lain. Kejahilan ini ditambah lagi dengan pelbagai prasangan dan stereotype etnik misalnya Melayu dilihat sebagai golongan pemalas, Cina sebagai mementingkan diri sendiri dan India pengotor. Mereka berpendapat jika masalah di atas dapat diatasi dan dibanding maka integrasi nasional melalui kebudayaan akan wujud.

Bagi pengkaji saranan-saranan itu sudah lama dilaungkan. Malah kerajaan telahpun merangka dan melaksanakan kebudayaan nasional. Di mana hasrat kebudayaan nasional ialah menimbulkan nilai-nilai umum yang nyata dari pelbagai kaum yang dinamis dalam konteks masa dan ruang. Dalam Kongress Kebudayaan 1971, dasar kebudayaan telah ditetapkan sebagai berikut:

- (i) Kebudayaan Kebangsaan mestilah berteraskan kebudayaan rakyat asal rantau.
- (ii) Unsur-unsur kebudayaan lain yang sesuai dan wajar boleh diterima menjadi unsur dalam pembentukkannya.

(iii) Islam menjadi unsur yang penting dalam pembentukan kebudayaan kebangsaan ini.<sup>13</sup>

Namun apa yang didapati sesudah kebudayaan kebangsaan diperkenalkan ialah integrasi nasional masih berada di tahap tidak memuaskan dan sangat tipis. Malah polarisasi kaum<sup>14</sup> telah membiak dengan segar. Ini diakui sendiri oleh kebanyakan responden apabila ditanya tentang polarisasi kaum. Polarisasi kaum ini bukan sahaja wujud di tempat kerja malah di Institusi Pengajian. Polarisasi juga berada di tahap yang membimbangkan. Lihat Jadual 5.9.

Jadual 5.9

	Sangat bertambah baik	Bertambah baik	Sedikit Merosot	Sangat Merosot	Kurang pasti
Polarisasi kaum di sekolah	1	4	6	4	0
Polarisasi di Pusat Pengajian Tinggi	0	2	7	7	3

Daripada jadual tersebut jelas menunjukkan polarisasi kaum sangat merosot di kalangan pelajar-pelajar. Apakah hal ini menunjukkan

<sup>13</sup>Wab Abdul Kadir Yusuf dan Zainal Abidin Borhan, Ideologi dan Kebudayaan Kebangsaan. Jabatan Penerbitan Universiti Malaya 1985, m.s. 159-160.

<sup>14</sup>Polarisasi ditakrifkan sebagai suatu situasi di mana kaum semakin merenggang antara satu sama lain. Ia juga suatu situasi di mana kaum terpisah antara satu sama lain oleh kerana perasaan, sikap dan cita.

slogan perpaduan tidak mendapat tempat di hati rakyat? Analisis yang lebih mendalam perlu dilakukan oleh pihak kerajaan sekarang. Apa yang jelas dan ia menjadi satu halangan besar perpaduan di bidang kebudayaan ialah kekurangan 'response' di kalangan bukan bumiputera yang menunjukkan masih adanay 'cultural barrier' dalam hubungan kaum dan mempunyai nilai-nilai dan norma berbeza. Lebih-lebih lagi pencorakan demografi sebelum rancangan perubahan dilakukan 'cultural polarization' jelas wujud.<sup>15</sup>

Cadangan yang lain pula menyatakan integrasi itu boleh dicapai bila proses asimilasi budaya-budaya itu dilakukan, yakni mencipta satu budaya baru yang berasaskan nilai-nilai budaya asal etnik. Bilamana ini dilakukan ia akan menimbulkan rasa kesepunyaan terhadap budaya itu. Walau bagaimanapun cadangan ini kadangkala menimbulkan rasa keresahan di kalangan kaum tertentu kerana setengahnya menakrifkan asimilasi sebagai satu proses di mana individu kehilangan identiti etnik yang asal dan mengambil identiti etnik yang baru.<sup>16</sup> Jadi mereka mencadangkan proses akulturasi dilaksanakan.

#### 5.4.2 Pendekatan Pendidikan

Dalam pendidikan mengandungi tiga elemen yang penting iaitu institusi, golongan pendidik dan yang dididik. Institusi

---

<sup>15</sup> Alitan, op.cit., m.s. 4.

<sup>16</sup> Dr. Tan Chee Beng, "Mencari asas perpaduan untuk masyarakat Malaysia", dibentangkan di Seminar Integrasi Nasional Peringkat Kebangsaan, Bangi 1984, m.s. 7.

ini samada rumahtangga dan sekolah. Bagi institusi rumahtangga biasanya sistem pendidikan diajar secara tidak formal. Ini berbeza di sekolah di mana pendidikan dilakukan secara formal iaitu mengandungi peraturan dan sukatan pelajaran yang digubal khusus. Dalam hal ini, pandangan golongan menengah tentang cara perpaduan negara dicapai di bahagi kepada dua kategori. Yang pertama menekankan kepada pendidikan secara khusus atau formal di sekolah. Mereka menyatakan sekolah-sekolah atau institusi pendidikan mesti menyediakan ruang yang luas bagi tiap-tiap etnik berinteraksi. Di mana sekolah akan menjadi tempat pertemuan bagi semua kaum. Oleh itu pengambilan pelajar-pelajar tidak mesti dihad kepada satu kaum sahaja. Tiap-tiap sekolah mesti memastikan bahawa jumlah etniknya sama ramai. Bilamana ini wujud maka rasa pengasingan atau tidak selamat dapat disemai di kalangan para pelajar. Terutama rasa pengasingan ini wujud pada pelajar yang etniknya kurang dari segi jumlah berbanding dengan kaum lain. Contohnya pelajar Melayu di sekolah kebangsaan Cina. Langkah ini juga dapat memastikan kewujudan kelompok-kelompok kaum di sekolah tidak berlaku. Mereka berharap langkah ini dapat menyediakan kefahaman untuk mereka berinteraksi.

Di tahap dalaman pula, mereka mencadangkan supaya diadakan satu matapelajaran budaya di sekolah. Matapelajaran budaya ini mesti mengandungi nilai-nilai kehur dan murni dari semua budaya etnik. Tujuannya untuk menyediakan asas kefahaman tentang budaya pelbagai etnik kepada murid-murid sekolah.

Bilamana asas ini sudah difahami dan diketahui maka perasaan jijik atau memandang rendah budaya kaum lain dapat dikurangkan dan dihapuskan. Aspek ini sangat penting kerana setengah amalan budaya kaum lain dipandang rendah. Hal ini menyebabkan rasa tidak puas hati dan enggan berintegraksi akan wujud. Ia boleh membahayakan jalinan perpaduan. Jadi penerimaan psikologi sebegini akan menolong mewujudkan perasaan tolakansur dan toleransi dalam soal-soal yang melibatkan perpaduan. Datuk Joseph Pairin Kitinggan pernah menegaskan hal ini. Katanya.

"Perpaduan negara mestilah pada akhir-akhirnya terletak difikirkan kita. Ia adalah penerimaan psikologi terhadap perkara-perkara which act on the life of the people". Adalah daripada penerimaan psikologi yang orang bertindak balas searah. Nationhood, is achieved only when the basis for national unity has all been examined, deliberated upon and accepted psikologically.<sup>17</sup>

Penggunaan Bahasa Malaysia sebagai alat integrasi seringkali diutarakan. Golongan kelas menengah yang dikaji tidak terkecuali dalam hal ini. Mereka menyarankan penggunaan Bahasa Malaysia seharusnya meluas yakni dalam semua aliran persekolahan. Pengguna Bahasa Malaysia ini harus diguna juga sesama etnik misalnya orang Melayu kelautan dengan orang Melayu di negeri lain.

---

<sup>17</sup> Joseph Pairin Kitinggan, "Pendekatan Kerajaan dalam Usaha Mewujudkan Perpaduan Negara", dibentangkan di Seminar Integrasi Nasional Peringkat Kebangsaan, Bangi 1984, m.s. 6.

Jika hal ini tidak diambil berat maka akan diragui matlamat perpaduan tidak akan tercapai. Di sekolah luar bandar samada di kelautan atau negeri lainnya, penggunaan Bahasa dailek masih meluas. Bilamana mereka berhubungan dengan komuniti Melayu di tempat lain kesukaran untuk memahami akan wujud. Akibatnya interaksi kurang . Jadi mereka menyarankan Bahasa Malaysia mesti diguna secara praktikal dan meluas di semua peringkat persekolahan agar cita-cita integrasi mudah digerak dan diwujudkan.

Kategori kedua ialah sistem pendidikan tidak formal di rumah. Pada pandangan mereka ruang dan masa bagi pelajar-pelajar adalah lebih panjang di rumah. Ibu bapa semestinya menggunakan peluang ini untuk menyemai rasa tanggungjawab, kesetiaan dan kepetuhan kepada negara melebihi segala-galanya. Mereka mesti diajar menghormati kebudayaan orang lain dan tidak terlalu emosional dalam membincangkan kepentingan-kepentingan kaum.

Analisa dari cadangan-cadangan tersebut menunjukkan golongan menengah menyetujui bahawa usaha-usaha untuk memupuk perpaduan negara tidak boleh diserahkan bulat-bulat ke atas bahu kerajaan sahaja. Perlaksanaannya memerlukan kerjasama dari semua pihak dan memakan masa yang lama. Ini memandangkan rakyat Malaysia terdiri dari berbagai keturunan, agama, cara hidup dan sosio-budaya yang berlainan adalah sangat rumit untuk disatupadukan. Inisiatif dan cabaran ini semestinya memerlukan pengembelian tenaga, wang dan yang lebih penting ialah perasaan.

#### 5.4.3 Pendekatan Agama

Tiap-tiap agama mempunyai nilai-nilai ajaran, konsep dan aspirasi tersendiri. Bagi golongan kelas menengah nilai-nilai agama boleh ditangskikan sebagai landasan untuk integrasi nasional. Konsep nilai di sini ditakrifkan sebagai satu ketetapan sosial yang digunakan sebagai ukuran yang unggul untuk menentukan mana yang baik dan mana yang buruk, mana yang betul dan mana yang tidak betul. Berdasarkan ketetapan seperti ini manusia menjalankan kegiatan mereka sehari-hari.<sup>18</sup>

Pengkaji akan menganalisa pandangan ini dari dua sudut iaitu sudut agama Islam dan bukan Islam. Bagi golongan kelas menengah yang beragama Islam mereka berpendapat ajaran Islam adalah kaedah yang paling sesuai untuk menyatukan rakyat berbilang kaum di negara ini. Mereka ini seringkali mengambil iktibar dari sejarah Rasullulah s.a.w. di Medinah sebagai asas perbincangannya. Pada zaman Rasullulah semua umat manusia dapat hidup dengan harmoni di bawah panji-panji Islam. Sedangkan pada masa itu kaum bukan Islam juga ramai dan sosio-budayanya lebih kompleks berbanding dengan masyarakat Malaysia. Bagi mereka kejayaan ini sebenarnya adalah hasil dari perlaksanaan nilai-nilai Islam di samping kebebasan diberi kepada penganut agama lain. Kejayaan kesejahteraan masyarakat dalam Islam dapat dilihat juga di zaman pemerintahan Khalifah Omar Ibu Abdul Aziz.

---

<sup>18</sup>Dr. Chen Hock Pong, "Peranan nilai-nilai agama bukan Islam dalam konteks kebudayaan Nasional", dibentangkan di seminar Integrasi Nasional Peringkat Kebangsaan, Bangi 1984, m.s. 7.

Jadi mereka menyarankan pelaksanaan Islam dalam mewujudkan integrasi. Pelaksanaan itu bukanlah ditonjol melalui pembinaan pelbagai institusi tetapi apa yang lebih penting ialah menyemai dan menanam nilai-nilai serta ajaran Islam di semua peringkat pentadbiran. Ia harus disebar secara menyeluruh agar bukan Islam memaham dan menerima nilai-nilai itu tanpa rasa terancam akan kedudukan agamanya. Dalam sejarah pemerintahan Islam, para Khalifah nabi telah melaksanakan perlindungan dan keharmonian terhadap warganegara yang bukan Islam. Negara Islam pertama di bawah pimpinan Rasulullah s.a.w. dengan piagam Medinahnya telah berjaya membangunkan masyarakat majmuk yang harmoni.

Cadangan ini bila dianalisa telah disokong oleh kebanyakan cendekiawan Islam. Misalnya saudara Fuad Hassan menyatakan konsep dan idea kesatuan manusia ini merupakan suatu sumbangan Islam yang unggul kepada perpaduan manusia yang lalu dari ajaran tawakkal<sup>19</sup> Oleh itu pengkaji juga setuju dengan cadangan ini kerana Islam agama yang bersifat universal menolak fahaman perkauman yang bukan sahaja tidak berhasil memenuhi cita-cita perpaduan malah akan mempertajamkan lagi pertentangan antara kaum.

Oleh kerana Malaysia membenarkan kebebasan agama lain maka nilai-nilai murni darinya juga harus diambilkira. Bagi golongan kelas menengah bukan Islam hal seperti ini mestilah diberi

---

<sup>19</sup> Fuad Hj Hassan, "Peranan Islam dalam Perpaduan" dibentangkan di Seminar Integrasi Nasional Peringkat Kebangsaan, Bangi 1984, m.s. 4.

tempat agar rasa dipaksa atau kebimbangan yang boleh meruncing perpaduan dapat dihapuskan. Dalam ajaran konfusianisma misalnya nilai-nilai ren, yi, li, zui dan yin<sup>20</sup> bukan sekadar terbatas kepada hubungan antara manusia, manusia dengan masyarakat tetapi juga manusia dengan alam semesta. Jadi bila nilai-nilai itu ditonjolkan kepada penganutnya dan orang lain, integrasi akan dapat diwujudkan dengan lebih mudah.

Mereka ini menyarankan nilai-nilai murni dari tiap-tiap agama boleh digabungkan sebagai nilai bersama. Ia harus didedah dan dipupuk di peringkat awal lagi, misalnya di sekolah rendah. Bagi pendapat apa yang lebih penting ialah tiap-tiap kaum mestilah memastikan bahawa penganutnya tidak melakukan aktiviti yang mencetuskan huru-hara kaum. Sentimen dan fanatik terhadap agama mestilah dibendung agar setiap kaum dapat bertoleransi.

#### 5.4.4 Lain-lain Pendekatan

Di samping tiga kategori cadangan di atas terdapat segelintir lagi golongan menengah yang mengemukakan pandang yang berbeza untuk mencapai integrasi nasional atau perpaduan negara. Pengkaji tidak dapat menganalisa dengan lebih mendalam kerana cadangan itu dinyatakan secara tidak langsung.

---

<sup>20</sup> Maksud ren - perikemanusiaan, yi - kejurusan, li - ritual seperti bersalam-salam, zi - kesedaran, yin - amanah.

Di antara cadangan itu ialah penghapusan label-label yang boleh membantut usaha-usaha pembangunan sosio-ekonomi dan yang menimbulkan rasa kebimbangan kaum-kaum lain. Label-label tersebut seperti 'bumiputera' dan 'bukan bumiputera', hak perlindungan, kuota dan sebagainya. Jika pembangunan sosio-ekonomi dilaksanakan berasaskan kepada kepentingan-kepentingan ini maka sudah tentu timbul keresahan kaum lain. Jadi jalan ke arah integrasi semakin sempit.

Pertubuhan atau badan sukarela seperti persatuan sukan, badan kebajikan dan pertubuhan belia mesti membuka keahliannya kepada semua etnik. Persatuan yang bercirikan perkauman mesti dihapuskan. Bilamana ini terjadi mereka berharap tiap-tiap rakyat akan merasakan mereka adalah saling memerlukan dalam mengeratkan sesebuah organisasi. Bilamana perasaan ini tersemat emosi kesukuman akan terhapus.

Akhbar juga memainkan peranan yang sangat penting di dalam masyarakat dengan menyampaikan berita, memberi ulasan, menyiarkan pendapat pembaca. Akhbar juga mempunyai pengaruh yang besar dalam membentuk pendapat aliran atau 'public opinion'. Pihak yang memiliki akhbar boleh memainkan peranan ini dengan berbagai cara. Jadi golongan menengah berpendapat salah satu cara akhbar dalam usaha membentuk integrasi nasional ialah menghadkan pendedahan berita-berita yang boleh menimbulkan ketegangan kaum dan berita seperti peristiwa prebet Adam, Isu hak kaum dan lain-lain. Bagi mereka berita-berita itulah yang boleh

menyemerakkan perasaan perkauman dan Melaga-lagakan pemimpin satu kaum atau pertubuhan. Sebenarnya pemimpin peringkat atasanlah yang mencipta isu-isu sebagai usaha mencari pengaruh. Hak dan isu itu kemudian dibesar-besarkan dalam akhbar.

#### 5.5 Kesimpulan

Dalam bab 5 pengkaji telah menganalisa sikap dan pandangan kelas menengah terhadap isu-isu integrasi. Daripada analisa itu golongan menengah mempunyai banyak ruang dan masa untuk berinteraksi. Namun peluang itu tidak berjaya mencipta suasana hidup yang harmonis antara kaum. Hal ini disebabkan 'sikap tidak peduli' terhadap sosial budaya kaum lain. Sikap sedemikian disuburkan lagi oleh pihak-pihak tertentu yang berlagak sebagai 'pembela bangsa'. Mereka ini menentang usaha-usaha kerajaan untuk mewujudkan integrasi antara kaum. Misalnya dasar kebudayaan nasional ditafsirkan sebagai langkah kerajaan untuk menghapuskan budaya-budaya tertentu. Dasar Ekonomi Baru sebagai usaha kerajaan menyekat penglibatan bukan bumiputera dalam bidang ekonomi, isu matapelajaran dan lain-lain. Dengan mengeksploitasi isu-isu seperti inilah 'pembela bangsa' meniup api perkauman yang subur untuk kepentingan dirinya.

Kesan daripada itulah, integrasi nasional yang diidam-idamkan, polarisasi kaum pula yang muncul. Berkudaskan kenyataan seperti ini juga golongan kelas menengah tidak optimis perpaduan negara atau integrasi nasional dapat dicapai di Malaysia. Pandangan

golongan kelas menengah boleh dilihat daripada jadual di bawah.

Jadual 5.10: Adakah anda optimis perpaduan  
Negara boleh dicapai?

Jawapan	Bil. Responden	
	Melayu (%)	Cina (%)
Ya	4 (20)	1 (10)
Tidak	16 (80)	9 (90)

Dari jadual tersebut 16 orang responden Melayu dan 9 orang Cina menyatakan perpaduan negara tidak tercapai. Mereka berpendapat usaha-usaha kerajaan sekarang hanya berjaya membendung perasaan perkauman daripada meletus seperti kejadian 13 Mei dengan menggunakan Akta Keselamatan Negeri (ISA), Akta Cetak, Akta Hasutan dan lain-lain akta. Semangat perpaduan sebenarnya tidak wujud manakala 4 responden Melayu dan seorang responden Cina optimis perpaduan negara boleh dicapai.

Cadangan-cadangan golongan menengah terhadap integrasi nasional pula memperlihatkan idea-idea yang sudah dilaksana oleh pihak kerajaan. Cuma terdapat beberapa saranan-saranan baru yang mempunyai relevannya. Mereka mahu dasar-dasar integrasi itu harus diberi nafas atau pendekatan baru agar ia sesuai dengan tuntutan semasa.

Pada pendapat pengkaji, masalah yang menghalang integrasi antara kaum bukanlah kerana faktor ras. Tetapi halangan ini disebabkan wujudnya kepentingan-kepentingan etnik yang berkonflik, sistem politik yang berdasarkan sentimen kaum dan faktor-faktor lain. Halangan ini memerlukan pengembelangan tenaga kerajaan dan rakyat secara jitu. Setiap rakyat yang cintakan keamanan dan kesejahteraan harus membuang sentimen perkauman yang boleh memudaratkan integrasi kaum sentimen perkauman harus diletak pada tempat yang sewajar.

Soal integrasi seringkali dilihat sebagai hubungan antara etnik iaitu antara Melayu, Cina, India, Iban dan kaum-kaum lain. Sebenarnya integrasi juga harus mengambilkira perhubungan dalam bangsa itu sendiri. Jika kelompok bangsa itu sendiri berpecah-belah bagaimana hubungan dengan kaum lain. Hal ini patut diambilkira terutama bila memikirkan pepecahan orang Melayu sekarang. Pepecahan ini bukan sahaja memberi kesan kepada orang Melayu bahkan juga terhadap kaum-kaum lain.

## BAB VI

### KESIMPULAN

Dalam latihan ilmiah ini, pengkaji telah memulakan perbincangan dengan mempertakankan tentang objektif kajian, metode-metode yang digunakan semasa kajian, lokasi kajian dan masalah-masalah yang dihadapi semasa kajian dijalankan. Kemudian perbincangan ditumpukan pula kepada konsep atau definisi kelas dan kelas menengah. Sesungguhnya konsep kelas menengah adalah sesuatu definisi yang tidak jitu dan jelas. Ini mungkin sesuai dengan golongan menengah itu sendiri yang seringkali mengalami perubahan dari segi sosio-ekonomi dan pandangan politik. Walaupun begitu, pengkaji telah membentangkan beberapa definisi yang telah ditulis oleh John Raynor, Carchendi G. dan Johnson D.L. Pengkaji berharap definisi ini akan memberi kefahaman asas dan menjadi panduan untuk menganalisis data-data berkenaan golongan kelas menengah di Kota Bharu, Kelantan. Lanjutan daripada definisi yang ditulis oleh tiga orang tokoh di atas, pengkaji juga telah mengemukakan tulisan-tulisan yang dihasilkan oleh ahli teori klasik dan masa kini. Di antara ahli teori klasik itu ialah Karl Marx, Marx Weber, manakala penulis masa kini terdiri dari penulis barat seperti John Raynor, Urray dan lain-lain. Ini ditambah lagi oleh pengkaji-pengkaji tempatan seperti Nordin Selat, Mohammad Fauzi dan Marvin Puthuchearry.

Bahagian kedua dalam tesis ini pula menumpukan perhatian kepada analisis data. Analisis data terkandung dalam Bab III, IV dan V. Dalam Bab III, pengkaji telah menganalisis sikap dan pandangan golongan kelas menengah berhubung dengan politik kepartian yang wujud di Malaysia. Sesungguhnya golongan kelas menengah ini telah memperlihatkan sikap dan kesedaran yang tinggi terhadap suasana politik di Malaysia. Kesedaran itu bukan sahaja ditonjolkan oleh pemahaman yang mendalam terhadap isu-isu politik semasa, malah mereka juga memainkan peranan yang aktif dalam pertubuhan politik. Peranan mereka secara langsung dan tidak langsung ini menggambarkan penglibatannya dalam politik semakin serius terutama sejak akhir-akhir ini. Keadaan ini memang benar bilamana memikirkan kuasa yang bakal diperolehi dari segi politik boleh menjanjikan kemewahan dalam kehidupannya. Tetapi yang menjadi kebimbangan ialah bilamana mereka menjadi pemimpin. apakah kita boleh mengharapkan suatu kepimpinan yang berkesan untuk membela rakyat yang menderita? Persoalan ini timbul kerana mereka yang mendapat kuasa sesetengahnya mempunyai kepentingan diri. Keduanya corak hidup golongan menengah yang sentiasa mewah menjadikan mereka kurang peka kepada rintihan golongan bawahan.

Pandangan terhadap isu-isu politik semasa telah memperlihatkan sikap kritis golongan kelas menengah. Sikap kritis ini terpancar dari kritikan mereka terhadap sesetengah dasar kerajaan yakni mereka tidak menerima bulat-bulat segala macam idea yang dilaungkan oleh pihak kerajaan. Corak pemikiran

sedemikian mungkin disebabkan tahap pendidikan tinggi yang dicapai olehnya. Walaupun mereka ini mempunyai sikap yang sedemikian rupa tetapi analisis data dalam Bab III menunjukkan kebanyakan kelas menengah adalah terdiri dari penyokong-penyokong parti pemerintah iaitu Barisan Nasional. Pergolakan politik semasa telah menjadikan mereka semakin ghairah membincangkan soal-soal politik kepartian. Ini merupakan aliran baru dalam trend politik Malaysia masa kini. Buktinya dapat dikesan dalam parti politik UMNO. Pimpinan UMNO sekarang telah didomonisikan oleh mereka yang tergolong dalam kelas elit atau golongan atasan yang mempunyai pemilikan harta yang banyak. Fenomena ini diharap dapat memberi nafas baru dalam pimpinan politik Malaysia iaitu kesedaran yang tinggi terhadap pembangunan sosio-ekonomi bagi menjamin kesejahteraan rakyat keseluruhannya. Tetapi separti mana yang dinyatakan sebelum ini apakah harapan ini akan menjadi realiti yang akan disanjung oleh generasi akan datang.

Analisis selanjutnya memberi tumpuan yang lebih khusus kepada dasar yang direncanakan oleh pihak kerajaan iaitu Dasar Ekonomi Baru (DEB). Pengkaji telah memberi fokus yang sedemikian rupa kepada DEB memandangkan ia melibatkan pelaburan masa dan wang yang banyak. Perbincangan awal DEB ialah memperkatakan harapan-harapan yang terkandung di dalamnya. Harapan atau matlamat utama DEB ialah mewujudkan perpaduan negara menerusi strategi serampang dua mata. Strategi itu ialah membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum dan menyusun semula masyarakat

supaya pengenalan kaum mengikut fungsi ekonomi dan kedudukan kawasan dapat dihapuskan. Golongan menengah kemudian diminta mengemukakan pandangan mereka terhadap DEB. Kebanyakan responden menyatakan DEB telah membawa suatu cita-cita yang murni dan unggul. Tetapi nada kekesalan dan kekecewaan seringkali diluahkan oleh mereka. Ianya lahir daripada perlaksanaan dan matlamat DEB yang gagal membaiki golongan sasaran iaitu rakyat miskin. Mereka menyatakan DEB sebenarnya telah melahirkan segelintir rakyat yang kaya. Manakala golongan miskin hanya mendapat limpahan yang menitis seperti kata pepatah "Yang kaya bertambah kaya dan yang miskin terus-terusan dibelenggu oleh putaran kemiskinan". DEB juga dikatakan tidak dapat menjanjikan keharmonian kaum. Ini ekoran dari salah tafsir terhadap DEB sehingga ia menjadi isu politik yang paling laris dan umpan yang paling baik untuk memancing undi di musim pilihanraya. Sebenarnya pandangan mereka ada kebenarannya. Contohnya bilamana kerajaan menyatakan taraf hidup rakyat meningkat dengan menonjolkan kenaikan dalam pendapatan per kapita, ia sebenarnya tidak mencerminkan kenaikan pendapatan rakyat seluruhnya. Alasan pertama ialah pada masa yang sama harga barangan pengguna turut meningkat dan kedua, kenaikan itu hanya meliputi sebahagian kecil golongan pekerja - bagaimanakah dengan petani, nelayan dan buruh-buruh yang kais pagi makan pagi? Jadi kesan DEB dari segi <sup>Pengagihan</sup> panggilan semula sering dipersoalkan, siapa sebenarnya yang mendapat faedah?

Seperti mana pandangan terhadap politik golongan menengah juga menunjukkan beberapa reaksi yang kontras terhadap DEB. Reaksi yang kontras itu adalah berlawanan dengan pandangan di atas. Golongan kedua ini menyatakan DEB telah mencapai kejayaan yang membanggakan. Kejayaan yang dicapai terutamanya dari aspek pembangunan ekonomi, misalnya dalam pemilikan saham 1983 bumiputera telah menguasai 18.7%. DEB juga dianggap dasar yang sesuai dengan gelombang nasionalisma ekonomi di negara Malaysia, yang ingin mewujudkan peluang-peluang pekerjaan dan menguasai serta memiliki sumber alam dan modal.

Walaupun wujud dua pandangan yang berbeza terhadap DEB tetapi masing-masing mahukan dasar itu diteruskan terutama untuk membela nasib orang Melayu yang telah dianiaya oleh proses sejarah lampau. Sejarah telah menyaksikan orang Melayu begitu bertoleransi terhadap kaum-kaum lain sehingga mereka kehilangan banyak hak yang sepatut dipertahankan. Oleh itu mereka mahu DEB melaksanakan orientasi baru yang lebih jitu dan lebih kental agar kehilangan itu dapat ditebus kembali. Harapan ini perlu dilaksanakan dari sekarang agar generasi mendatang tidak terhimpit di buminya sendiri. Mereka juga mengharapkan golongan yang sudah mempunyai kedudukan yang stabil tidak mengambil kesempatan ini untuk mengaut keuntungan sebanyak mungkin. Golongan kelas menengah Cina pula memandang DEB dengan sedikit rasa curiga. Keresahan itu dapat dikesan bilamana mereka tidak setuju dengan sistem kuota, konsep bumiputera dan bukan bumiputera serta subsidi yang dilaksanakan di bawah DEB. Jadi mereka menuduh

kerajaan melakukan diskriminasi di bawah program DEB. Pada pendapat pengkaji tuduhan sedemikian lahir kerana mereka tidak mahu memahami hakikat sejarah lampau. Jika orang Melayu sudah banyak bertolak ansur, apakah mereka ini masih tidak mahu mengucapkan terima kasih?

Setelah mencapai kemerdekaan lebih 30 tahun, masalah perpaduan kaum masih lagi menjadi kebimbangan utama rakyat Malaysia. Usaha-usaha untuk mengwujudkan perpaduan kaum dianggap sama pentingnya dengan usaha memerangi ancaman komunis. Apakah sebabnya gejala ini sukar diatasi? Persoalan ini sebenarnya perlu dijawab oleh semua rakyat yang mendiami bumi Malaysia. Jadi dalam Bab V ini pengkaji telah menganalisis pola-pola yang memungkinkan integrasi nasional terjalin di kalangan rakyat Malaysia. Pada hemat pengkaji, segala bentuk pembangunan sosio-ekonomi sukar mencapai matlamat jika rakyat Malaysia masih lagi hidup dalam emosi sukuan.

Analisis ke atas corak kehidupan golongan menengah menunjukkan terdapat ruang dan masa yang luas untuk mereka mewujudkan integrasi. Tetapi peluang-peluang interaksi itu tidak berjaya mencipta integrasi yang jitu. Integrasi yang wujud tidak lebih dari bersifat sementara sahaja. Bilamana cabaran terhadap integrasi datang, kepentingan terhadap bangsa akan melebihi segala-galanya. Ini disamarata pula oleh lagu-lagu perkauman yang dicipta oleh ahli-ahli politik untuk menjadi juara 'pembela bangsa'. Rumusan ini bukanlah bermakna golongan kelas

menengah tidak mempunyai tahap kesedaran yang tinggi terhadap soal-soal perpaduan tetapi hakikat itulah yang menjadi realiti dalam corak hidup rakyat Malaysia. Jalinan perhubungan yang berasaskan kaum sudah menjadi rutin dan ia sukar dipisahkan.

Sebagai golongan yang mempunyai tahap pendidikan yang tinggi, pengkaji cuba mengutip idea-idea mereka berkenaan dengan cara untuk mencapai integrasi nasional. Harapan pengkaji ialah akan ada idea yang konkrit, yang boleh membantu kerajaan melaksanakan program integrasi itu. Namun demikian kebanyakan pandangan responden adalah mencerminkan dasar-dasar yang telah pun dijalankan oleh pihak pemerintah. Terdapat tiga kategori pandangan yang dikemukakan untuk mencapai integrasi nasional. Kategori pertama ialah melalui pendekatan kebudayaan, kedua pendidikan dan ketiga agama. Dalam pendekatan ini terdapat beberapa saranan-saranan baru untuk mencapai matlamat integrasi itu, yakni pihak pemerintah harus mengambil kira aspek-aspek psikologikal agar rakyat tidak merasa terancam bilamana program integrasi itu hendak dilaksanakan.

Tegasnya perpaduan kaum itu hendaklah diutamakan bukan sahaja antara Melayu, Dayak, Kadazan, Iban, Cina dan India. Tetapi juga anantara Melayu UMNO dengan Melayu PAS, antara Cina MCA dengan Cina GERAKAN dan Cina DAP, bahkan antara Melayu Johor atau Melayu Kelantan. Oleh itu golongan menengah mengatakan asas perpaduan adalah terletak di atas tolak ansur dan beri terima dan bukannya menerima tanpa memberi. Dalam bidang ekonomi,

orang Cina boleh membantu bumiputera atas dasar usaha sama yang ikhlas dan bukannya usahasama Ali-Baba, sebagai balasan kepada pengorbanan orang Melayu kepada bukan Melayu. Tuntutan-tuntutan ini bukanlah bererti mengeneipkan kepentingan-kepentingan kaum lain tetapi untuk merapatkan jurang pemisah antara orang Melayu dengan bangsa lain. Integrasi akan dapat dicapai dengan cepat jika bangsa-bangsa lain memahami masalah orang Melayu dan golongan miskin.

Dengan demikian, pengkaji berharap hasil kajian ini bukan sahaja untuk menambahkan koleksi kajian tentang golongan kelas menengah. Tetapi apa yang lebih penting ialah dapat memberi gambaran yang berguna tentang pemikiran dan pandangan mereka. Pandangan ini terutamanya yang mencakupi pelbagai isu yang mewarnai corak hidup rakyat Malaysia. Oleh itu kajian-kajian akan datang diharapkan dapat meneroka aspek-aspek yang lain pula berhubung dengan kelas menengah. Dengan cara ini maklumat-maklumat tentangnya akan bertambah. Maklumat-maklumat ini sangat diperlukan, memandangkan golongan kelas menengah telah menjadi semakin penting sama ada dari segi peranan dan jumlahnya.

## BIBLIOGRAFI

- Ahmad Mahzan Ayub, Kaedah Penyelidikan Sosio-Ekonomi: Satu Pengenalan, Dewan Bahasa & Pustaka, Kuala Lumpur, 1983.
- Abercrombie, N. dan Urray, J., Capital, Labour and the Middle Classes, George Allen & Unwin Ltd., London, 1983.
- Ashley Montagu, Race, Sciences and Humanity, D. Van Nostrand Company Inc. Princeton, New Jersey, New York, London, 1965.
- Abdullah Taib, Sanusi Osman dan Abu Hassan Othman, The Patterns of Social Interaction in Malaysian Society, Nusantara, 7 Julai 1981.
- Black J.A. and Champion D.J., Methods and Issues in Social Research, New York 1976, John Wiley & Son.
- Carchedi, G., On the Economic Identification of Social Classes, Institut Voor Economische Sociologi, University of Amsterdam, London: Routledge and Kegan Paul, 1971.
- Dahrendorf, R., Class and Class Conflict in Industrial Society, London: Routledge and Kegan Paul, 1959.
- Dawson dan Pre Witt, Political Socialization, Little Brown and Company, 1967.
- Eldridge, J.E.T. (ed), Max Weber: The Interpretation of Social Reality, London: Michael Joseph, 1970.
- Gouldner, The Intellectuals and the Rise of the New Middle Class, Mac Millan, 1968.
- Johnson, D.L., Middle Classes in Dependent Countries, Beverly Hills: Sage Publication, 1985.
- Jacobson, G.A. and Lipman, M.H., Political Sciences, Barnes and Nobles, Inc. New York, 1985.
- K. Ramanathan Kalimuthu, Asas Sains Politik, Fajar Bakti Sdn. 1987.
- K.J. Retnam, Communalism and Politics Proseses in Malaya, Kuala Lumpur: Universiti Malaya Press, 1965.

- King, R. dan Reaynov, J., The Middle Class - the Social Structure of Modern Britain, London: Longman, Inc. 1981.
- Leon Festiger and Daniel Kantz, Research Methods in Behavioural Sciences, New York, Hort Rinehart and Winston, 1953.
- Marx, K. and Friedrick, E., The Communist Manifesto, New York International Publishers, 1968.
- Mochtar dan Colin Mac Andrews, Perbandingan Sistem Politik, Gajah Mada University Press, 1981.
- Mills, C.W., White Collar The American Middle Class, USA, Oxford University Press, Inc. 1956.
- Mydral Gunnar, The Challenge of World Poverty: A World Anti-Poverty Programme in Outline, New York, Vintage Book.
- Marvin Puthucheary, The Politics of Administration - The Malaysian Experience, Oxford University Press, Oxford, New York, Melbourne, 1978.
- Neaigus, A. Methodology and Ideology in Theories of the New Middle Class, Los Angeles: University of California, 1976.
- Oliver Popenoe, Malay Entrepreneurs - An Analysis of the Social Backgrounds, Careers and Attitudes of the Leading Malay Businessman in Western Malaysia, Ph.D. thesis, London School of Economics, 1970.
- Ozay Mehmet, Pagar Makan Padi: Amanah, Kemiskinan dan Kekayaan dalam Pembangunan Malaysia di bawah DEB, Insan, 1987.
- Samuel P. Huntington and Joan Nelson, Political Participation in Development Countries, Harvard University Press, Cambridge, 1976.
- Syed Muhammad Al-Naguib Al-Attas, Preliminary Statement on a General Theory of the Islamization of the Malay-Indonesia Archipelago, DBP, Kuala Lumpur.
- Soroaf, F.J., Political Parties in the American System, Little Brown and Co., Boston, Toronto, 1964.
- Rush, M. and Althoff, P., An Introduction to Politics Sociology, Welson University Paperback, London 1970.
- Reynov, J., The Middle Class, Longman Gree 1969.

- Rabushka, Race and Politics in Urban Malaya, Stamford Hoover Institusi Press 1979.
- Radner, M. The Political Economy of Planning in Malaysia, Goals, Policies and Role Expansion, 1975.
- Vasil, R., Politics in a Plural Society: A Study of non-Communal Parties in Malaysia, Ph.D. thesis, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1969.
- Wan Abdul Kadir Yusuf dan Zainal Abidin Borhan, Ideologi dan Kebudayaan Kebangsaan, Jabatan Penerbitan, Universiti Malaya, 1985.

Kertas-Kerja Persidangan dan Seminar

- Amir Awang, "Dasar Pelajaran Kebangsaan dan Integrasi Nasional" dibentangkan di Seminar Integrasi Nasional Peringkat Kebangsaan, Bangi 1984.
- Fuad Hj. Hassan, "Peranan Islam dalam Perpaduan" dibentangkan di Seminar Integrasi Nasional Peringkat Kebangsaan, Bangi 1984.
- Chan Hock Fong, "Peranan Nilai-Nilai Agama bukan Islam dalam Konteks Kebudayaan Nasional" dibentangkan di Seminar Integrasi Nasional Peringkat Kebangsaan, Bangi 1984.
- Jomo K. Sundram & Tan Kin Woon "Sifat Pemerintah Malaysia dan Implikasinya untuk Perancangan Pembangunan" dibentangkan di Persidangan Kebangsaan Pembangunan di Malaysia, Perencanaan, Perlaksanaan dan Prestasinya, 9-11, Disember 1984, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Joseph Pairin Kittingan, "Pendekatan Kerajaan dalam usaha Mewujudkan Perpaduan Negara", dibentangkan di Seminar Integrasi Nasional Peringkat Kebangsaan, Bangi 1984.
- Sanusi Osman, "Dasar Ekonomi Baru dan Pencapaian Orang Melayu di Kota", dibentangkan di Persidangan Kebangsaan Pembangunan di Malaysia, Perencanaan, Perlaksanaan dan Prestasinya, 9-11 Disember 1984, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

- Sukor Kassim, "Tanah, Dasar Ekonomi Baru dan Pertanian Nasional" dibentangkan di Persidangan Kebangsaan Pembangunan di Malaysia, Perencanaan, Perlaksanaan dan Prestasinya, 9-11 Disember 1984, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- S. Husin Ali, "Ke Arah Baru Pembangunan di Malaysia" dibentangkan di Persidangan Kebangsaan Pembangunan di Malaysia, Perencanaan, Perlaksanaan dan Prestasinya, 9-11 Disember 1984, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Tan Chee Beng, "Mencari Asas Perpaduan untuk Masyarakat Malaysia" dibentangkan di Seminar Integrasi Nasional Peringkat Kebangsaan, Bangi 1984.
- Zainal Kling, "Methodology dalam Penyelidikan Sains Sosial" dibentangkan di Seminar Ijazah Tertinggi ke 3, 1986.
- Zainal Kling, "Konsep Kebudayaan Kebangsaan di Malaysia", dibentangkan di Pertemuan Melayu '82, Melaka, 18-21 Disember 1982.

Laporan Kerajaan

- Malaysia: Keraah Memelihara Keselamatan Negara: Kertas Perintah 14 tahun 1988.
- Malaysia: Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 1980, Jabatan Perangkaan Malaysia, Kuala Lumpur, Oktober 1984.
- Malaysia: Banci Penduduk dan Perumahan Negeri Kelantan 1980, Jabatan Perangkaan Malaysia, Kuala Lumpur.
- Malaysia: Rancangan Malaysia Pertama 1966-1970, Government Printers, Kuala Lumpur 1965.
- Malaysia: Rancangan Malaysia Kedua 1971-1975, Jabatan Pencetak Kerajaan, Kuala Lumpur 1971.
- Malaysia: Rancangan Malaysia Ketiga 1976-1980, Jabatan Cetak Kerajaan, Kuala Lumpur 1976.
- Malaysia: Rancangan Malaysia Keempat 1980-1985, Jabatan Pencetakan Kerajaan 1980.

- Malaysia: Rancangan Malaysia Kelima 1985-1990, Jabatan  
Pencetakan Kerajaan 1985.
- Hasmah Ahmed, Dasar-Dasar Baru Kerajaan, Jabatan Penerangan  
Malaysia, Kementerian Penerangan, Mei 1986.
- Risalah Carilah Kebenaran: Fitnah Kafir mengkafir sesama Islam,  
Jawatankuasa Kemajuan dan Penerangan Am,  
Terengganu.

Majalah dan Artikel

- Dewan Masyarakat, 'Dasar Ekonomi Baru Negara', Akmal, 15 Mei 1971.
- Dewan Masyarakat, 'Adakah anda anggota kelas menengah', Shamsul  
Amri Baharuddin, September 1988.
- Dewan Masyarakat, 'Surat layang taktik kotor politik',  
November 1988.
- Dewan Masyarakat, 'Mobiliti Orang Melayu Melalui Pelajaran',  
Nordin Selat, Disember 1971.
- Dewan Masyarakat, Januari 1988.
- Berita Harian, 2 Mac 1982.
- The Star, 9 Februari 1984.
- Harakah, Islam dan Politik, September 1980.
- Watan, 1 Oktober 1988.
- Risalah, Masyarakat Majmuk, Islam vs Cannivism,  
Tahun 6, Bil. 3, 1975.
- British Journal of Sociology, Volume 23, 1972, yang diterbitkan  
untuk The London School of Economics and  
Political Science, London: Routledge and  
Kegan Paul Limited.

Tesis

- Muhammad Fauzi bin Yaacob, Peniaga-Peniaga dan Perniagaan Melayu di Kota Bharu Kelantan, Ph.D. thesis, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1978.
- Nordin Selat, Kelas Menengah Pentadbir Melayu - Satu Kajian Perkembangan Gaya Hidup, Ph.D. thesis, Utusan Melayu(M) Bhd, Ph.D. thesis 1975.
- Phoong Keng Wah, Kelas Menengah Satu Kajian di Negeri Pulau Pinang dari segi persepsi politik, sosio-ekonomi dan interaksi sosial, Latihan Ilmiah, 1987.
- Wan Mokhtar Wan Hassan, Pandangan tentang kelas menengah Melayu secara umum, Satu kajian terhadap pegawai-pegawai Kumpulan A, di Pasir Mas Kelantan.